



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 23**

**Rabu**

**3 Julai 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 39)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 39)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>  Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019	(Halaman 40)



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 3 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Selamat pagi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas usaha untuk memastikan dua orang bayi Filipina dibebaskan daripada tahanan imigresen. Tiada tempat untuk bayi atau kanak-kanak di Pusat Tahanan Imigresen. Syabas saya ucapkan.

**1. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani kes 831 kanak-kanak dan remaja yang hilang dalam tempoh sembilan tahun ini dan apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini dan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat untuk melindungi anak-anak kita.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Batu Kawan bertarikh 3 Julai 2019, hari ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Kangar pada 15 Julai 2019, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Beaufort yang bertarikh 18 Julai 2019 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sememangnya mengambil serius isu kehilangan kanak-kanak dan remaja ini. Jumlah kehilangan kanak-kanak dan remaja yang dilaporkan hilang mengikut statistik PDRM

bagi tahun 2011 hingga Mei tahun ini, 2019 adalah berjumlah 15,042 orang dengan pecahan bilangan kes mengikut negeri yang tertinggi adalah Johor dengan 2,372 kes atau 16 peratus, Selangor 1,911 kes iaitu 13 peratus, Kedah 1,526 kes dengan 10 peratus dan Sabah 1,488 kes. Lain-lain tu saya akan bagi secara bertulis. Perlis yang paling kecil, negeri kecil dan dua peratus adalah 298 kes anak-anak atau remaja yang hilang.

Terdapat trend penurunan kes kehilangan kanak-kanak dan remaja bagi tempoh 2011 hingga 2019 ini sampai Mei dan penurunan signifikan antara tahun 2018 hingga Mei tahun ini. Untuk makluman, daripada jumlah kehilangan 15,042 orang ini, sebanyak 14,679 orang telah dijumpai semula iaitu 97.6 peratus daripada kes-kes yang hilang itu. Manakala 363 yang hilang masih belum ditemui iaitu 2.41 peratus. Malangnya dijumpai mati adalah 26 kes. Berdasarkan kepada statistik tersebut, pihak PDRM mendapati lima punca utama kes kehilangan kanak-kanak dan remaja di negara kita iaitu:

- (i) mencari kebebasan diri daripada belunggu keluarga sebanyak 7,159 kes;
- (ii) mengikut atau terpengaruh dengan ajakan rakan sebanyak 3,167 kes;
- (iii) dipengaruhi oleh kekasih untuk lari daripada rumah sebanyak 2,252 kes. Kebanyakannya wanita, tiga kali ganda daripada lelaki;
- (iv) pertelingkahan keluarga, kurang perhatian keluarga sebanyak 1,523 kes; dan
- (v) tidak minat belajar, mencari kerja sebanyak 577 kes.

Ini menunjukkan punca utama kehilangan kanak-kanak dan remaja adalah disebabkan oleh masalah dalaman keluarga serta pengaruh rakan sebaya. Oleh itu, usaha-usaha yang telah ditumpukan kepada pendekatan *advocacy*, *awareness* dan pendidikan bagi keluarga dan komuniti setempat serta penambahbaikan sistem penyebaran maklumat telah dipertingkatkan kepada masyarakat. Terima kasih.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas jawapan tadi.

Kita lihat statistik yang telah diberikan adalah 15,000 kanak-kanak yang hilang daripada tahun 2011 hingga Mei tahun ini. Telah dijumpai adalah lebih 97 peratus tetapi masih 363 yang hilang. Saya ingin tahu, apakah pendekatan yang akan diambil untuk menyelaraskan statistik yang ada? Oleh sebab saya baca dalam jawapan-jawapan

sebelum ini, dalam lima tahun kebelakangan ini, statistiknya agak bercelaru sedikit sebab kami tidak dapat menangani isu kanak-kanak atau remaja yang hilang sekiranya statistik tidak ada, data yang baik tidak ada.

Soalan kedua saya sedikit sahaja adalah mengenai *stateless children* atau kanak-kanak yang tidak ada dokumentasi. Dalam kes di negeri Pahang beberapa bulan ini apabila seorang kanak-kanak yang tidak ada dokumen kewarganegaraan hilang, pihak polis telah memaklumkan bahawa mereka lambat untuk bertindak kerana kanak-kanak ini tidak ada dokumentasi kewarganegaraan. Ini dilaporkan dalam media.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Soalan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, saya ingin tahu apakah pendekatan ataupun yang diberitahu adalah solusi jangka pendek. Apakah pendekatan jangka panjang oleh kementerian ataupun *cross ministerial agency* supaya kita dapat menangani isu ini dan mencegah sebelum ia berlaku? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cuba ringkaskan ya Yang Berhormat Batu Kawan. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak beritahu bahawa statistik selalunya yang hilang adalah kebanyakannya remaja.

#### ■1010

Jadi apa yang ditanya adalah apakah langkah-langkah pencegahan. Kita hendakkan advokasi sebab apa yang selalu berlaku adalah kerana persekitaran keluarga. Apakah langkah-langkah yang kita hendak supaya yang tidak dijumpai itu, kita ada NUR Alert dan juga kita ada sekarang ini rangkaian dengan Grab Malaysia supaya 300 pemandu Grab itu dapat menguar-uarkan dan juga Talian Kasih dan bagaimana kita hendak ada dengan *telco* bahawa Talian Kasih itu adalah perkhidmatan tidak perlukan talian bebas tol. Juga dengan *Befrienders* talian bebas tol ini.

Satu lagi adalah kanak-kanak yang tidak berdaftar itu. Itu ada sedikit kekangan. Ini kerana kalau tidak berdaftar, kita sudah bercakap dengan Kementerian Dalam Negeri bahawa sekurang-kurangnya kanak-kanak yang dalam jagaan kami, JKM itu, diberikan sedikit dokumen supaya kesejahteraan dan kebajikan mereka diambil kira.

Ini adalah satu masalah atau isu yang kompleks yakni memang *inter-ministerial* antara kementerian-kementerian. Kita masih lagi ambil langkah-langkah sebab hendak menyelesaikannya ini bukan satu *size fits all*, dengan izin, tetapi memang ada langkah-

langkah yang ada perinciannya, ada penelitiannya yang kita mesti ambil kira. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimana kita melihat masyarakat mengaitkan kehilangan kanak-kanak dengan isu pekerja ataupun pendatang asing yang begitu juga dikaitkan dengan isu penjualan organ? Sejauh mana kementerian melihat isu ini kebenarannya? Sejauh mana pemantauan terhadap pemerdagangan kanak-kanak sehingga wujudnya pengemis kanak-kanak terutama di tempat awam? Jadi, sejauh mana langkah-langkah yang dibuat untuk mengatasi isu ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih. Memanglah satu yang kita rasa gerun kalau dikatakan ada *organ harvesting*, dengan izin. Akan tetapi kita sudah bincang dan merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri, tidak ada kes itu berlaku. Namun, kalau pemerdagangan ini adalah satu yang kita ambil serius dan ini kita juga macam memerlukan pemantauan yang lebih berkesan dan juga mengambil kira kalau warga-warga asing datang untuk bekerja, berkait rapat juga dengan pelarian kah atau *economic migrant* dan bagaimana kita hendak dapatkan kanak-kanak yang digunakan untuk dapatkan sebagai pengemis, dapatkan satu sindiket itu. Ini juga dalam perhatian.

Akan tetapi daripada segi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), kita ambil pendekatan kebajikan. Perkara yang lain itu adalah juga dalam erti kata Kementerian Dalam Negeri dalam erti kata sekuriti, Imigresen dan lain-lain yang berkaitan dengan pendatang. Terima kasih.

**2. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kementerian berhasrat untuk meminda Akta Perikanan sedia ada bagi menangani pencerobohan nelayan-nelayan asing masuk ke perairan negara seterusnya mengenakan hukuman yang agak berat ke atas pelaku.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kota Tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 26 Jun 2019 telah bersetuju untuk meminda Akta Perikanan 1985. Lama tidak dipinda. Jadi soalan Yang Berhormat sangat relevan dan *insya-Allah* pada pagi ini kebetulannya saya akan membaca pindaan itu bagi bacaan kali pertama.

Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 akan diangkat untuk bacaan kali yang pertama, kita fokus kepada menaikkan denda maksimum di bawah seksyen

25 Akta 317 bagi vesel penangkapan ikan asing yang mencerooboh perairan Malaysia iaitu daripada RM1 juta kepada RM6 juta. Itu untuk nakhoda, untuk tekong dan bagi krew dari RM100,000 kepada RM600,000. Kita memasukkan penalti baru denda maksimum di bawah seksyen 25 Akta 317 bagi kesalahan yang dibuat menggunakan vesel penangkapan ikan tempatan yang beroperasi di laut lepas iaitu tidak melebihi RM4 juta.

Kita juga menambah baik seksyen 31, Akta 317 berkaitan pengkompaunan agar selaras dengan akta-akta terkini yang telah diluluskan di Parlimen dengan memperjelaskan lagi kuasa Ketua Pengarah Perikanan dan memasukkan peranan pendakwa raya dalam memutuskan kes-kes kompaun dan pendakwaan. Subseksyen tersebut juga memperjelaskan tatacara berhubung pengkompaunan di mana amaun perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal, pendakwaan boleh dimulakan.

Akhir sekali Yang Berhormat, saya rasa kita bersetuju setelah tangkapan dibuat, kita akan lalui proses mahkamah terhadap nelayan-nelayan asing ini. Saya bersetuju dan telah pun mengesyorkan supaya vesel ini ditenggelamkan dan dijadikan tukun-tukun untuk kepentingan kita. Itu sebagai tindakan yang saya rasa wajar, yang negara-negara jiran yang lain telah pun mengambil tindakan yang sama. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Selalu soalan saya berkaitan dengan kementerian ini Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jawab. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah tindakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terhadap krew dan sebagainya, saya juga hendak tahu, nelayan negara manakah yang paling banyak menceroobohi perairan Malaysia? Saya pun hendak tahu, apakah tindakan kerajaan terhadap pemberi-pemberi maklumat ini yang terdiri daripada mungkin tonto-tonto yang menyamar jadi nelayan kecil, yang membocorkan rahsia aktiviti penguatkuasaan daripada APMM ataupun Jabatan Perikanan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat Kota Tinggi, kalau kita mengikut statistik 12 tahun, jumlah kita menahan ataupun menangkap vesel asing ini adalah sejumlah 1,182 vesel yang kita tahan. Ini menunjukkan betapa seriusnya isu vesel asing ini mencerooboh perairan kita khususnya di laut dalam. Daripada jumlah itu, Vietnam mengetuai iaitu 706 vesel yang telah kita tahan dalam tempoh 12 tahun.

Kejadian ini nampaknya telah mengundang untuk kami di peringkat Kabinet dan saya telah mengesyorkan khususnya vesel Vietnam ini yang telah secara melampau- Jadi kami telah menguatkuasakan empat kementerian iaitu Kementerian Pertanian, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri dalam Operasi Naga. Daripada tempoh hampir dua bulan setengah, kita dapat menahan lebih kurang 52 vesel dan juga 45 awak-awak yang kita tahan.

Bagi tonto-tonto tadi yang memberikan maklumat itu, itu kita akan terus bekerjasama dengan KDN dan juga SPRM dan mana-mana yang melibatkan penjawat awam yang melakukan tindakan ini, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi setakat ini Yang Berhormat, kita telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan kita nampak dengan keberkesanan empat kementerian yang bergabung dalam Operasi Naga ini, kita dapat untuk menahan dalam tempoh tidak sampai tiga bulan sebanyak 52 vesel. Itulah pentingnya bagaimana kita serius dalam kita menjaga perairan kita dan mengelakkan sebarang ketirisan yang berlaku. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan peningkatan denda yang dicadangkan dari RM1 juta kepada RM6 juta ini tidak akan menyelesaikan masalah? Ini kerana dengan adanya denda sampai RM1 juta untuk nakhoda dan RM100,000 untuk setiap awak-awak, mereka pun lebih sudi masuk penjara kita daripada membayar denda.

Juga dengan kenaikan denda sampai RM6 juta ini, ini juga akan menggalakkan Indonesia *justify* tindakan keras mereka terhadap nelayan-nelayan kita yang dikatakan mencerobohi perairan mereka yang banyak kali mereka masih dalam perairan kita ataupun dalam perairan yang bertindih.

■1020

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya daripada Beruas. Isunya bukan hanya kita meningkatkan denda itu. Walaupun mereka lebih sudi untuk tidur dalam penjara kita atau lokap kita tetapi bila kita mahu meminda akta ini, kita *oblige* dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh resolusi *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC). Kita nak pinda, kita kena *oblige*, kita kena patuhi peraturan antarabangsa ini. Satu lagi yang kita kena *oblige* adalah tentang peraturan-peraturan, kesalahan-kesalahan di bawah peraturan ini seperti IUU atau *Illegal, Unreported and Unregulated*, berlakunya kesalahan-kesalahan bila *vessel* ini masuk dalam mana-mana perairan.



Oleh itu yang penting bagi saya adalah tindakan akhir kita apa. Mungkin denda dia tak nak bayar, dia tidur dalam lokap atau penjara kita. Akan tetapi saya dah sebut tadi, tangkap kali ini, proses mahkamah dilakukan dan ketua pengarah, MOA arahkan supaya tenggelamkan vessel ini untuk kita jadikan tukul-tukul dalam perairan kita. Itu lebih berkesan nampaknya dan Indonesia dan negara-negara lain telah mengamalkan lebih lama. Kali ini kita akan lebih tegas untuk kita tenggelamkan vessel mereka ini setelah melalui proses perundangan mahkamah dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin ucapkan selamat datang kepada guru-guru dan pelajar-pelajar dari Kolej Vokasional Segamat, selamat datang... [*Tepuk*]

**3. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Menteri Kewangan menyatakan, dasar kerajaan dan institusi seperti Bank Negara Malaysia terhadap penggunaan teknologi "*e-wallet*" serta "*cryptocurrency*", serta langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin keselamatan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi-teknologi baharu seperti ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *e-wallet* merupakan sebahagian daripada instrumen pembayaran yang dapat meningkatkan kecekapan transaksi pembayaran supaya lebih mudah, cepat dan selamat. Selaras dengan peranan Bank Negara dalam memastikan sistem penjelasan, penyelesaian dan pembayaran diyakini selamat dan cekap, Bank Negara Malaysia sentiasa menekankan aspek keselamatan dan pengurusan risiko bagi menjamin integriti sistem pembayaran di Malaysia.

Manakala *cryptocurrency* adalah merupakan sejenis aset digital yang dicipta menggunakan teknologi lejar yang diedarkan, dengan izin, *distributed ledger technology* ataupun dikenali juga sebagai *blockchain* yang berpotensi sebagai suatu kelas pelaburan yang baru dan menawarkan alternatif kepada syarikat permulaan iaitu *start-ups* untuk mendapatkan dana perniagaan melalui tawaran syiling permulaan ataupun *initial coin offering* ataupun ICO. Pada masa ini, mana-mana pihak sama ada bank atau bukan bank yang berhasrat untuk mengeluarkan wang elektronik adalah dikehendaki memohon kelulusan daripada Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 iaitu Akta 758 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 iaitu Akta 759.

Terdapat beberapa kriteria minimum yang perlu dipenuhi oleh pemohon termasuk kekukuhan sumber kewangan, pengalaman dan integriti serta kawalan pengurusan risiko dan tahap keselamatan sistem teknologi yang efektif. Pengeluar wang elektronik adalah tertakluk kepada piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan di bawah APK dan APKI ini yang menitikberatkan aspek keselamatan dan pengurusan risiko.

Manakala bagi *cryptocurrency*, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan aktiviti dagangan di pasaran aset digital. Berikutan penguatkuasaan Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 yang telah dikuatkuasakan pada 15 Januari 2019. SC juga telah mengeluarkan kertas cadangan rangka kerja pengawalseliaan ke atas aktiviti penerbitan aset digital melalui ICO yang dijangka akan dimuktamadkan pada separuh kedua tahun 2019. Untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, peraturan telah dikeluarkan untuk mengenakan obligasi pelaporan dan amalan usaha wajar pelanggan iaitu *customer due diligence* ke atas pasaran aset digital.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aset digital *cryptocurrency* turut terdedah kepada pelbagai risiko termasuk risiko turun naik harga yang tinggi akibat pelaburan spekulatif, penyalahgunaan aset digital untuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan ancaman kecurian akibat serangan siber. Pendekatan kawal selia yang diambil oleh BNM dan SC adalah bertujuan untuk menyokong inovasi industri dan pada masa yang sama memastikan risiko berkaitan aktiviti aset digital tetap terkawal. Namun begitu, orang ramai diingatkan agar berhati-hati dan membuat penilaian sewajarnya sebelum berurusan dengan aset digital. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik, beberapa soalan. Pertama adalah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berapakah anggaran jumlah transaksi ataupun *the volume* untuk *e-wallet* daripada lebih kurang 39 yang menerima lesen *e-wallet* di seluruh negara. Apakah jumlah transaksi tersebut? Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi untuk meningkatkan penggunaan *e-wallet* di kalangan masyarakat?

Harapan saya, memandangkan ini adalah salah satu daripada masa depan penggunaan ataupun transaksi kewangan, saya harap pihak kerajaan akan

menitikberatkan ataupun *to urge on the side of caution* dengan izin, bertindak lebih berhati-hati terutama dalam aspek *cryptocurrency* tetapi cadangan saya adalah aspek *blockchain* itu boleh kita perluaskan penggunaannya. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Tentang jumlah transaksi, saya mohon notislah, kita akan beritahu kemudian. Cumanya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, pengeluar wang elektronik ini yang bukan bank yang diluluskan oleh Bank Negara setakat ini ada 49 yang telah diberikan kelulusan, banyak. Sebanyak 39 pengeluar wang elektronik menawarkan dalam bentuk dompet elektronik ataupun *e-wallet*, manakala 10 lagi pengeluar wang elektronik menawarkan dalam bentuk kad ataupun akaun atas talian ataupun *online account*. Senarainya panjang dan saya yakin ramai daripada Ahli Yang Berhormat sudah pun menggunakan sebahagian daripada *e-wallet* yang ada ini.

Jumlah transaksi untuk *first quarter 2019*, untuk *mobile payment* 25.126 juta *transactions* melibatkan- *transaction* banyak, amaunnya ialah RM725.8 juta. Seperti juga yang disebut dan ditanya oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, memang untuk ke arah menjadikan masyarakat kita nirtunai, saya pun baru belajar istilah baharu ini. Saya ingat Yang Berhormat Port Dickson memang cekaplah dengan istilah-istilah baharu ini. "Nirtunai" maknanya *cashless*. "Nir" ini bahasa Sanskrit bermakna "tiada". Jadi nirtunai ke arah *cashless*, nirtunai ini memang kita menggalakkan supaya ini dapat menjadi suatu trend dalam masyarakat kita supaya ia lebih selamat dari segi tak payah kita nak bawa dompet yang betul, padat dengan wang tunai dan sebagainya, hanya menggunakan *e-wallet* untuk bertransaksi.

Manakala bagi *cryptocurrency*, memang kita dah ada *guidelines* yang telah dikeluarkan oleh *Security Commission* iaitu dipanggil *Guideline on Recognized Market* dan khas di dalam itu memang ada disebutkan tentang apa yang dibenarkan, bagaimana untuk menjamin bahawa mereka yang *trading* dalam *cryptocurrency* ini tidak akan kehilangan risiko-risiko dan sebagainya.

#### ■1030

Namun untuk *initial coin offering* (ICO) ini yang merupakan salah satu cara baharu di dalam dunia baru ini untuk membuat, mencari dana untuk *startup company* ini, ini masih lagi SC sedang menghimpun, mendapatkan pandangan daripada masyarakat untuk mereka keluarkan yang akan kita muktamadkan di separuh kedua

tahun 2019 supaya untuk ICO ini juga bilanya berlaku kita dapat menjamin suatu ekosistem yang kondusif dan selamat bagi semua pelabur. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Saya ingin bertanya tentang mata wang digital. Berapa jenis mata wang digital yang telah diluluskan di Malaysia? Adakah Harapan Coin yang dipelopori oleh Menteri Wilayah sudah diluluskan oleh Bank Negara.

Kemudian adakah Timbalan Menteri menyedari bahawa Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa mata wang digital ini masih lagi dilarang dalam keadaan sekarang. Kemungkinan pandangan itu berubah pada masa depan dan kerana ia melebihi pada aset pelaburan dan bukan mata wang alternatif yang sebenar. Mohon pandangan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Bilangan ataupun mata wang *cryptocurrency* yang dibenarkan untuk *trading* ini saya tidak dapat hendak berikan senarai penuhnya kepada Yang Berhormat Pontian sekarang, tetapi apa pun ia dibenarkan, *regulation* telah ada. Saya ingat umpama Bitcoin dan- tapi Harapan belum ada lagilah. Harapan belum ada lagi.

Tentang apa yang disebutkan tadi tentang fatwa daripada Wilayah Persekutuan tentang perkara tersebut memang di dalam *guidelines* yang kita ada itu pun memang ada termasuk syariah *adviser* ataupun panel kalau sekiranya benda itu adalah suatu yang dilihat syariah *compliance*, maka elemen-elemen ini akan diambil kira.

Setelah sembilan bulan beroperasi ini, token digital yang dibenarkan setakat ini belum ada lagi, *the new one* belum ada lagi. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:**

*Saya cermat sebelum melompat;  
Abang Mat soalan nombor empat.*

4. **Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah maksud, "*we can't fight them*" yang diucapkan di sidang Kemuncak Keselamatan Asia Ke-18 baru-baru ini. Apakah bermaksud Malaysia tidak berupaya untuk menjaga pertahanan serta keselamatan dengan merendahkan keupayaan ketenteraan negara dan apakah negara tidak mampu untuk menghalau sekiranya berlaku pencerobohan perairan dari negara Asia lain disebabkan negara tidak mempunyai teknologi pertahanan yang boleh menyaingi mereka.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hendak lompatlah itu.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** *Insya-Allah* lompat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau secara bersekali dengan enam pertanyaan lain kerana menyentuh isu yang sama berkaitan ucapan saya di Shangri-La Dialogue Singapura pada 1 Jun 2019 yang lalu.

Enam pertanyaan berkenaan ialah pada hari ini soalan 36 oleh Yang Berhormat Kepala Batas, 9 Julai 2018 oleh Yang Berhormat Padang Terap, 15 Julai 2018 oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, 18 Julai 2018 oleh dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Lenggong dan juga Yang Berhormat Sembrong.

Suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini Dialog Shangri-La merupakan antara platform terbaik bagi kementerian untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung isu keselamatan serantau dan global serta pendirian negara-negara berkaitan isu berkenaan. Acara tahunan ini dihadiri pengamal-pengamal keselamatan dan pertahanan daripada seluruh dunia, juga merupakan platform untuk bertukar pandangan berkenaan dengan kerjasama pertahanan secara dua hala dengan rakan-rakan strategik.

Hasil interaksi di samping Dialog Shangri-La ini mengesahkan bahawa iklim keselamatan di rantau ini adalah tidak menentu. Ketidaktentuan dalam hubungan politik kuasa besar iaitu Amerika dan China merupakan faktor utama yang mempengaruhi persekitaran luaran Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain. Domain maritim seperti Laut China Selatan dan Selat Melaka dijadikan sebagai satu alat geopolitik kuasa-kuasa tertentu dalam menonjolkan postur pertahanan masing-masing.

Pengenalan konsep *Indo-Pacific Strategy* sebagai contoh telah memberi cabaran kepada negara-negara ASEAN. Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat akan terus memberi fokus kepada hubungan diplomasi yang kukuh dan memelihara kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain menerusi hubungan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia tetap dengan pendirian untuk berkecuali dan berbaik dengan semua negara serta tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain. Selain itu, Malaysia juga akan terus dalam mencari penyelesaian kepada isu keselamatan di peringkat rantau Asia Tenggara hingga ke peringkat antarabangsa.

Kita sudah tentu tidak mahu berperang dengan mana-mana kuasa besar. Saya tidak sekali-kali memperkecilkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sebaliknya Kementerian Pertahanan sedang menyediakan Kertas Putih Pertahanan

bagi membenteng keperluan pembangunan keupayaan ATM dalam tempoh 10 tahun akan datang. *Insyallah* akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang.

Keupayaan dan kesiapsagaan pertahanan negara sentiasa berada di tahap yang terbaik dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman terutama daripada luar. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan. Saya ingin bertanya apakah tindakan kementerian yang telah diambil setelah berulang kali kita sebutkan perkara ini kepada dua kementerian iaitu berhubung dengan kedudukan *Coast Guard China* yang terus berada di Beting Patinggi Ali yang jaraknya 80 kilometer batu nautika daripada Sarawak. Di mana di situlah *Coast Guard China* besar dan kapal TLDM kecil.

Kedua, Yang Berhormat menyebut juga dalam dialog tersebut bahawa Malaysia bersempadan dengan China. Apakah Yang Berhormat memberi pengiktirafan tuntutan bertindih China iaitu *Nine-Dash Line* iaitu hanya *Nine-Dash Line* saja kita bersempadan dengan China. Kalau tidak kita tidak bersempadan dengan China. Kita bersempadan dengan Vietnam dan *Philippines*. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita dengan China adalah sempadan eksklusif ekonomi sebab itu ada *claim* bertindih di beberapa buah pulau. Setakat ini pulau-pulau yang kita letakkan tentera laut kita terutama di sekitar Pulau Terumbu Layang-layang, *Coast Guard China* datang lalu dan mereka tidak mengganggu dan sekarang ini gangguan itu tidak ada dan kita mempunyai hubungan diplomatik dengan begitu baik dengan China. Sebarang gangguan itu kita cuba selesaikan secara diplomatik.

Kawasan operasi maritim di Beting Patinggi Ali adalah seluas 6,126 kilometer persegi. Rondaan dilaksanakan secara 24 jam. TLDM memastikan kedaulatan negara di Kawasan Operasi Maritim (KOM) sentiasa terpelihara, mengumpul maklumat perisikan dan pertahanan di kawasan tanggungjawab itu, memastikan aset-aset di Zon Maritim Malaysia sentiasa terpelihara daripada ancaman luar, melaksanakan penguatkuasaan di bawah perundangan maritim seperti Akta Perikanan dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif dan mengekalkan kehadiran dan meningkatkan keyakinan kepada komuniti maritim.

Ertinya memang *Coast Guard* itu kadangkala lalu di situ tetapi kita ada hubungan yang baik dan kita elak sebarang pertelingkahan sebab ada negara lain yang menawarkan kepada kita berbagai-bagai untuk kita bertelingkah dengan negara yang sedang membangun, yang menjadi kuasa utama dunia sekarang ini. Kita hendak

kekalkan konsep negara berkecuali. Kalau kita terima saja *offer* daripada pihak yang lain, maka kita akan meletakkan Laut China Selatan seperti di rantau teluk yang sedang berada di kancuh macam seolah-olah hendak berlaku pertarungan hebat di sana.

Jadi kita hendak elak itu semua, sebab itu mengekalkan dasar berkecuali ini amat penting bagi dasar Malaysia. Kadang-kadang orang nampak kita mengalah, bukan. Sebenarnya kita utamakan dialog dan *defend* diplomasi daripada menunjukkan kekuatan dan sedangkan kita mengundang satu perkara yang tidak perlu kita berkanchah di kawasan ASEAN ini. Terima kasih.

#### ■1040

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, sedar kah Yang Berhormat, ungkapan “*We cannot fight them*” dalam persidangan antarabangsa bukan saja melemahkan angkatan tentera tetapi melemahkan *morale* rakyat Malaysia kita yang patriotik. Terima kasih... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Maksud ‘*fight*’ ini berperang. Apakah kita bersedia untuk berperang terutamanya dengan negara kuasa besar?... [*Dewan riuh*] Ya, kita boleh bercakap, saya masa pembangkang dulu pun saya memang lebih hebat daripada yang bercakap di sana... [*Dewan riuh*] Akan tetapi, kita kena melihat keupayaan dan kalau boleh kita mendahului perdamaian, kenapa kita memilih peperangan?... [*Tepuk*] Ini yang disebut selalu oleh...

**Seorang Ahli:** Ayat *power*.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bekas pemimpin saya dahulu, Ahli daripada Marang. Kita dahulukan perdamaian daripada peperangan... [*Dewan riuh*]

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [*Ketawa*] Takut apa bosku?... [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kalau kita kata kita kuat, kita hendak berperang, maka kita akan menjadi... [*Disampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dengar dulu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi Yang Berhormat berperang juga akhirnya dengan Marang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Baling.

**Seorang Ahli:** ...Dengar, Yang Berhormat Menteri hendak cakap... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dengar dulu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kalau kita tunjukkan kekuatan padahal tidak kuat akhirnya kita akan dipertandingkan. Oleh sebab itu, kita mendahului dialog, kita mendahului diplomasi sebab kita hendak elak peperangan. Ini disebabkan kalau kita kata bersedia untuk berperang tetapi apabila berlaku sesuatu, keupayaan mesti ada di semua segi. Sebab itulah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Lawan tetap lawan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita bina kekuatan. Dengan parti sebelah sana, saya akan lawan sampai bila-bila... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Sama-sama lawan.

5. **Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah yang telah dilakukan setakat ini dengan teknologi 5G? Adakah kita mempunyai kepakaran melaksanakannya?

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor lima ini akan saya jawab bersama dengan enam soalan lain Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri Pertanian jangan balik. Ada soalan nombor enam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Sila berlaku dengan penuh berhemah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua pun berlaku juga dengan berhemah... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** ...Kurang ajarnya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudah lama dah tidak reti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, tidak payah pedulikan dia. Teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Boleh saya teruskan? Terima kasih.

Saya jawab soalan ini dengan enam soalan yang lain. Soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong bertarikh 3 Julai 2019, soalan daripada Yang Berhormat



Petrajaya bertarikh 9 Julai 2019, soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka bertarikh 15 Julai 2019, soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai bertarikh 15 Julai 2019, daripada Sarikei sekali lagi, 15 Julai 2019 dan daripada Yang Berhormat Tumpat juga 15 Julai 2019, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, teknologi 5G merupakan evolusi teknologi komunikasi mudah alih terkini yang mampu meningkatkan kelajuan akses jalur lebar sehingga 20 *gigabyte per second* ataupun 10 kali ganda kelajuan lebih tinggi berbanding dengan 4G. Kebolehpercayaan penyambungan yang lebih baik pada kadar *latency* yang rendah dan penyambungan mesin-ke-mesin (M2M) atau sensor untuk aplikasi apa yang disebut *Internet of things* yang lebih meluas Tuan Yang di-Pertua.

Teknologi 5G ini dilihat sebagai teknologi yang boleh menyokong dan mendukung visi ekonomi digital negara. Negara-negara seperti India, *United Kingdom*, Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua dan juga Australia telah pun mengumumkan inisiatif bagi memudah cara pelaksanaan 5G. Di Malaysia, di antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan Pasukan Petugas Khas 5G negara yang ditubuhkan pada 21 November tahun lalu;
- (ii) pengumuman pelaksanaan ujian teknologi 5G atau disebut sebagai *5G testbed* di Putrajaya dan Cyberjaya yang bermula daripada 23 November tahun lalu dan akan berterusan sehingga 31 Oktober tahun ini; dan
- (iii) penganjuran Pameran Teknologi 5G di Putrajaya dari 18 April sehingga 21 April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Pasukan Petugas Khas 5G negara adalah satu inisiatif libat urus kerajaan untuk mencadangkan syor-syor serta strategi-strategi pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia. Antara yang akan dilaporkan adalah seperti berikut:

- (i) cadangan pelan ketersediaan khususnya berkenaan dengan sumber spektrum yang akan digunakan;
- (ii) sokongan untuk infrastruktur perkhidmatan-perkhidmatan dan peranti-peranti;
- (iii) cadangan penyelesaian kekangan undang-undang dan kerangka kawal selia yang berkaitan; dan
- (iv) langkah-langkah untuk perlindungan pengguna.

Keahlian Pasukan Petugas Khas 5G negara terdiri daripada wakil-wakil daripada pihak kerajaan, pihak swasta dan juga daripada ahli akademik, perunding badan bukan kerajaan dan sebagainya. Berdasarkan skop tugas yang telah dikenal pasti Tuan Yang di-Pertua, empat kumpulan kerja telah ditubuhkan di bawah Pasukan Petugas Khas ini. Sehingga 19 Jun tahun ini, Pasukan Petugas Khas 5G negara dianggotai sekarang oleh wakil daripada 110 organisasi.

Pelaksanaan inisiatif 5G di Malaysia juga mengambil kira isu keselamatan, Tuan Yang di-Pertua. Melalui Pasukan Petugas Khas 5G negara, Agensi Keselamatan Siber Negara ataupun *National Cyber Security Agency* (NACSA) dengan kerjasama SKMM dan penyedia-penyedia rangkaian sedang mengenal pasti risiko keselamatan teknologi dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko keselamatan tersebut. Sebarang syor berkaitan akan disertakan dalam laporan akhir pasukan petugas untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pasukan petugas ini pihak kementerian melalui SKMM juga telah pun mengarahkan Bengkel Penetapan Rangka Kerja 5G bersama-sama semua kementerian lain serta pihak berkepentingan pada 27 Jun untuk mengenal pasti kekangan bagi kerangka kawal selia serta mendapatkan idea dan aplikasi 5G yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober tahun lalu, kementerian telah pun juga mengumumkan bahawa Putrajaya dan Cyberjaya dipilih sebagai lokasi tapak untuk membuat pengujian ataupun perintis teknologi 5G. Kedua-dua lokasi ini dipilih bagi menyediakan persekitaran yang praktikal untuk pelaksanaan 5G pada masa hadapan dan untuk kita membantu dalam memberikan maklum balas kepada perancang dasar, peraturan serta penggunaan spektrum berkaitan teknologi 5G.

Untuk memberi dan meningkatkan kesedaran dan fahaman orang ramai, SKMM dan Perbadanan Putrajaya serta pihak industri telah menganjurkan Pameran 5G pada 18 sehingga 21 April yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya. Pameran yang bertemakan '*5G Progressing Humanity*' ini melibatkan 12 rakan kongsi pameran dan saya akan berikan maklumat secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada pameran itu, SKMM juga menganjurkan program *Digital Outlook Series* dan juga program *myMaker*. Kedua-duanya bertujuan hendak memberikan penyediaan kepada ekosistem kami untuk teknologi 5G ini. Pelancaran dan penganjuran

Pameran 5G Malaysia ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada lebih kurang 10 ribu pengunjung sepanjang tempoh empat hari pameran tersebut.

Sebagai kesimpulan, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, teknologi 5G adalah sangat penting bagi mempertingkatkan tahap persaingan negara bagi kita menghadapi cabaran ekonomi digital dalam masa akan datang. Malaysia adalah antara negara yang pertama Tuan Yang di-Pertua yang membuka jalan bagi merancang pembangunan teknologi 5G melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas 5G negara pada November yang lepas.

Kejayaan syarikat-syarikat Malaysia dalam Pameran Teknologi 5G di Putrajaya pada bulan April membuktikan bahawa kita mempunyai kepakaran dan kita boleh menjayakan pelaksanaan teknologi 5G ini. Pelbagai perbincangan, inisiatif, gerak kerja dan sebagainya akan terus dirancarkan bagi kita memastikan tahap kesiapsiagaan dapat dipertingkatkan untuk kita mempercepatkan pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia dan secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua, mengubah landskap industri ICT Malaysia terutamanya infrastruktur rangkaian telekomunikasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Sarikei, soalan tambahan. Sila.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan.

Soalan tambahan saya, perkhidmatan Internet di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar seperti Sarikei dan Bintangor, masih berkualiti rendah. Ada sesetengah kawasan tidak mendapat liputan rangkaian sama sekali. Tidak perlu diperkatakan liputan rangkaian 5G. *The fourth generation (4G)* malahan rangkaian biasa juga susah didapati. Apakah rancangan atau tindakan yang akan diambil bagi menangani masalah ini di Sarawak? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat, saya rasa kita perlu lihat ke hadapan, walaupun kita terima bahawa untuk rangkaian sedia ada sekarang, kita perlu kukuhkan dan perbaiki, itu kita terima, memang bukan sahaja di Sarawak, tetapi di seluruh Malaysia ada aduan-aduan yang kita terima.

#### ■1050

Akan tetapi adakah itu bermaksud bahawa kita tidak melaksanakan inisiatif-inisiatif baru seperti 5G. *We have to be prepared. Suka tak suka, 5G is something that is going to take the world and its economy in the years to come.*

Jadi dalam keadaan tersebut kita buat secara serentak Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat dapat faham bahawa ini memerlukan tenaga yang banyak. Kita kena fokus kepada apa yang kita ada, bagaimana kita boleh perbaiki, kita boleh perkukuhkan dalam masa yang sama kita kena pastikan negara ini bersedia supaya kita boleh hadapi cabaran-cabaran yang akan datang khususnya berkenaan dengan ekonomi digital dalam masa akan datang.

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat duduk dalam ini untuk soalan yang akan datang, soalan itu berkisar kepada apa yang disebut sebagai NFCP. Itu adalah polisi kerajaan kita bagaimana kita ini boleh pastikan bahawa kita angkat, kita perbaiki, kita perkukuhkan seluruh rangkaian yang sedia ada di seluruh Malaysia termasuk negeri Sarawak dan kalau hendak butir-butir terperinci untuk tempat-tempat tertentu, saya sedia bagi satu mesyuarat di mana kita boleh bincangkan hal itu. Akan tetapi saya setuju memang kita perlu lihat kepada rangkaian sedia ada bagaimana kita boleh perkukuhkan, tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat saya rasa kita kena berani berdepan dengan cabaran-cabaran masa depan. *We have to be ready for 5G*. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana saya melihat Yang Berhormat Menteri bersungguh-sungguh dalam memperjuangkan usaha 5G ini. Akan tetapi sedar atau tidak bahawa kebimbangan pelbagai pihak, impak buruk 5G berkaitan dengan alam sekitar khususnya di mana sekumpulan pakar sains malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar dan orang awam telah menghantar surat sampai ke pihak PBB ataupun WHO menyeru dihentikan segera pembinaan rangkaian 5G ini kerana mereka mendakwa rangkaian 5G mengancam kesihatan rakyat disebabkan bahayanya radiasi.

Soalan saya apakah usaha pihak kementerian Yang Berhormat Menteri dalam memastikan kadar radiasi yang dikeluarkan mengikut piawaian yang telah ditetapkan agar ia tidak menjadi satu ancaman kepada tahap kesihatan manusia sekiranya frekuensi radio yang dikeluarkan daripada penggunaan 5G itu terlalu tinggi. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Baling. Saya hendak mengesyorkan semua bahawa keselamatan itu memang menjadi keutamaan kita khususnya apabila kita lihat kepada teknologi-teknologi baru. Ini juga merangkumi apa yang disebut sebagai teknologi 5G yang mana kita perlu bersedia untuk kita terima pelaksanaannya dalam masa yang terdekat. Itu menjadi sebab atas mana Yang

Berhormat Baling, kita mengadakan projek rintis ini. So, projek rintis ini kita laksanakan untuk enam bulan. Dalam enam bulan ini, kita ini memang ada perbualan dan perbincangan dengan pelbagai pihak. *So, we have discussions* dengan SKMM, dengan pihak *CyberSecurity*, dengan pihak *academician* di mana kita dapat maklumat banyak berkenaan dengan perkara kkuatir mereka berkenaan isu keselamatan dan sebagainya.

Selepas enam bulan ini, kita akan sediakan satu laporan dan saya harap bahawa kita boleh selepas kita dapat laporan itu, kita dapat melihat kepada semua perkara ini khususnya apabila kita menggubal satu polisi kerajaan bagaimana kita ini hendak mengadopsikan teknologi 5G untuk masa depan. Jadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling memang benar. Kita juga memang lihat kepada perkara itu dan ia dalam proses perbincangan yang mana kita mendapat hasil-hasil daripada projek rintis ini dan memang kita beri fokus juga kepada isu keselamatan.

Akan tetapi saya hendak mengulangi Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan apa juga teknologi baru, keselamatan menjadi aspek yang kita utamakan. Jadi saya harap bahawa dalam masa depan saya boleh berbalik kepada Dewan ini dengan jawapan selepas projek rintis ini disudahi dan laporan dikeluarkan. Kita ada menentukan satu polisi untuk masa depan. Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**6. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, laporan kejayaan Program Tanaman Kontan yang telah dilaksanakan oleh petani sebagai langkah meningkatkan pendapatan mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Tanaman kontan adalah jenis tanaman singkat masa selain daripada sayur-sayuran seperti jagung, ubi kayu, ubi keledak, ubi keladi, ubi sengkang, ubi badak, kacang tanah, tebu serta halia dan kunyit yang dimakan segar. Tempoh penanaman bagi tanaman ini kurang daripada setahun, kebiasaannya antara tiga hingga enam bulan. Pemilihan tanaman kontan bergantung kepada keperluan permintaan pasaran yang baik bagi pendapatan tambahan untuk petani.

Kesesuaian tanah di sesuatu kawasan juga penting dalam pemilihan jenis tanaman kontan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Malaysia sentiasa mengambil pendekatan membimbing dan memberi insentif kepada petani yang memilih untuk menanam tanaman kontan melalui Projek

Pembangunan Kluster Tanaman Kontan. Pada tahun 2017 iaitu Yang Berhormat masih Timbalan Menteri, sejumlah RM977,194 telah diberikan kepada 287 orang petani dalam bentuk insentif yang melibatkan keluasan 312.43 hektar dengan pengeluaran sebanyak 20,088 metrik tan.

Manakala pada tahun 2018 pula, peruntukan yang telah diagihkan adalah RM946,872 yang melibatkan 370 orang petani dengan jumlah keluasan 375.15 hektar dan pengeluaran adalah sebanyak 22,000 metrik tan. Tahun ini tahun 2019 kita lipat gandakan kepada RM3 juta peruntukan dan setakat kini selepas Pakatan Harapan menang jadi kerajaan, kita lipat gandakan dari segi penanaman kontan ya. Jadi tiga kali ganda peruntukan telah diluluskan dan permohonan setakat ini yang telah di lulus adalah sebanyak RM1,792,500 bagi Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan untuk diagihkan kepada 328 petani dengan jumlah keluasan 497 hektar.

Insentif ini meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur ladang, jentera pertanian, peralatan ladang, pembinaan pusat pengumpulan dan stor, pembelian peralatan untuk penggredan, dan pembelian bahan-bahan input pertanian. Insentif yang diberikan ini merupakan salah satu langkah mengurangkan beban kewangan petani seterusnya meningkatkan pendapatan petani. Hasil daripada pelaksanaan projek ini pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan pendapatan petani yang menerima insentif sebanyak 45 peratus berbanding 2017 dengan purata pendapatan RM5,000 sebulan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih Timbalan Menteri sudi menjawab. Akan tetapi saya ingin merekodkan di sini kekesalan saya terhadap Menteri Pertanian yang ada di sini tadi menjawab soalan nombor 2 dan tunggu sampai *just before one more question*. Apa maksudnya? Tidak hormat, saya mewakili...

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya mewakili rakyat! Tolong hormat sedikit rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Menteri atau Timbalan Menteri boleh menjawab bagi pihak kerajaan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong hormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak memang faham...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** No, saya mewakili rakyat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** ...Akan tetapi sendiri sengaja mengundang kekecohan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak ada saya mula, saya *talk very nicely*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Ini adalah sikap yang tidak bertanggungjawab.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak makan ubat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Soalan tambahan. Jika tak hendak tanya, soalan tambahan kedua. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak ada boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Tak ada. Soalan tambahan kedua.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Masa sudah tamat. Masa sudah tamat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ingin merekodkan di sini bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak adil! Tidak hormat kepada rakyat! Saya sebagai Wakil Rakyat mewakili rakyat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Oleh kerana soalan tambahan tak ada, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Santhara dari Segamat. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak ada. Saya hendak bertanya. Saya ada soalan. Tuan Yang di-Pertua tolong bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat. Sila Yang Berhormat Segamat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak merekodkan di sini...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Soalan tambahan kedua Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya mewakili rakyat. Apa salah saya hendak bertanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak ini memang dia mengundang kekecohan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa mengundang kekecohan? Saya hendak bagi tahu bahawa Menteri ada di sini. Kenapa dia tidak jawab?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Sila duduk. Ya, Yang Berhormat Segamat. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua jangan sombong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Lihatlah! Inilah sikap dia yang tidak bertanggungjawab yang menghina Majlis dan inilah teladan buruk yang jangan kita pelajari. Rakyat akan menilai sikapnya tidak pernah berubah sedemikian. Keburukan inilah yang sebenarnya menjatuhkan imej Dewan yang mulia ini.

Sila Yang Berhormat Segamat. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Soalan tambahan kedua Tuan Yang di-Pertua, boleh kah?

■1100

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Soalan tambahan kedua Tuan Yang di-Pertua, boleh kah?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, menerangkan perbezaan kelayakan di antara STPM dan Matrikulasi dan di mana di antara kelayakan ini akan di beri keutamaan untuk kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam. Mohon kementerian menjelaskan pembahagian di antara kedua-dua kelayakan ini dalam kuantitatif dan statistik, turut diminta sertakan nisbah pembahagian dan justifikasi keputusan yang diambil oleh kementerian.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak mengemukakan soalan tambahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila. Ya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pergi ke mana pula ini? Yang Berhormat Menteri, tolonglah Yang Berhormat Menteri, *I don't want to fight with you*. Tuan Yang di-Pertua ini... *[Pembesar suara dimatikan]* Dia tidak ikut peraturan.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ada hak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila duduk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mustahak, soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya dah bagi peluang dan ruang yang mencukupi tetapi sengaja tidak mahu tanya dan membazirkan masa dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana itu, saya beri peluang kepada Ahli Dewan mulia yang lain.

Sila Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini hak saya. Saya hendak bertanya. Kenapa *you* tidak bagi?... [*Disampuk*] Kenapa tidak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan bazir masa Dewan yang mulia ini. Sila. Apabila diberikan masa satu minit, inilah masa, tolong tanya dan Yang Berhormat Menteri akan jawab. Sekiranya tidak mahu tanya, inilah akibatnya.

Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bertanya...

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Belum habis saya bertanya, *you* dah *stop*.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, *stop!*

**Dr. Maszlee bin Malik:** ...Daripada segi pemprosesan pemilihan pelajar...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Inilah perangai DAP, Tuan Yang di-Pertua DAP! Tidak boleh pakai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak. Nanti, nanti Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, ada pula masa? Ada pula masa? Tadi tidak ada masa. *Now you have the time.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya terangkan di mana dalam proses pertanyaan tadi, Yang Berhormat Pasir Salak telah pun diberikan peluang dan ruang yang cukup untuk bertanya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana ada cukup!...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Akan tetapi beliau memilih tidak bertanya tetapi melemparkan tuduhan terhadap Yang Berhormat Menteri yang saya dapati tidak berasas. Saya sudah bagi dia tiga kali minta dia duduk supaya tidak membazir masa Dewan yang mulia ini. Akan tetapi beliau masih lagi bersikap degil dan sengaja. Oleh kerana itu, Bentara sila jalankan tugas, menjemput dia keluar... *[Dewan riuh]* Ini contoh yang buruk dan jangan kita pelajari. Sila keluar. Bentara jalankan tugas... *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kacau... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua keluar dahulu!...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Keluar elok-eloklah!... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bentara, jalankan tugas. Yang Berhormat Pasir Salak, sila keluar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Speaker keluar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bentara, sila jalankan tugas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis soalan lagi... *[Disampuk] What is this? What? Now you have time to argue here? Just now you don't have the time...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bentara, sila jalankan tugas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita tidak ada, *you* boleh bantai kita...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ketua Pembangkang pun kena tolong nasihat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bagi soalan nombor dua. Soalan nombor dua. Soalan nombor dua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila keluar. Saya menggunakan kuasa di bawah Perkara 44(2) di mana Yang Berhormat Pasir Salak keluar daripada Majlis Mesyuarat bagi tempoh dua hari, keluar... *[Dewan riuh] [Tepuk]* Sila.

Yang Berhormat Menteri, kita jalankan tugas. Inilah amanah rakyat kepada kita. Yang Berhormat Pasir Salak keluar. Itu sahaja. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You will face... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak. Oleh kerana Yang Berhormat Pasir Salak mengingkari peraturan sekali lagi, di mana saya perintah dia keluar empat hari... *[Dewan riuh]* Sila.

Ya, Yang Berhormat Menteri. Sila jawab soalan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, apa hukuman ini dalam masa seminit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, jangan ambil daripada air yang keruh. Inilah sikap dia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikap apa? *You* yang buat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Seluruh rakyat Malaysia boleh perhatikan bagaimana buruknya sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Diberikan peringatan berkali-kali tetapi masih lagi bersikap berdegil-degil. Ini adalah nawaitunya, sengaja untuk menjatuhkan imej Dewan yang mulia ini.

Sila keluar. Ikut perintah, sila. Ketua Pembangkang, sila minta Yang Berhormat Pasir Salak beri kerjasama. Kita ada lagi tugas yang lebih penting. Ya, sila. Saya dah bagi peluang yang cukup. Seluruh rakyat Malaysia boleh perhatikan... *[Disampuk]* Empat hari.

Tadi saya dah bagi dia dua hari tetapi dia ingkar. Sekiranya saya tidak menjalankan tugas memerintah dia keluar maka persidangan Dewan yang mulia ini, imej kita akan terjejas. Saya terpaksa untuk bersikap dengan tegas. Ketua Pembangkang, sila minta dia memberikan kerjasama. Saya hormati. Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dulu Yang Berhormat Gelang Patah tidak keluar bila diperintah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau sekarang ini hanya- Yang Berhormat Arau, dia tidak perlukan peguam di sini. Saya menjalankan tugas di bawah Peraturan Mesyuarat 44(2). Keputusan Tuan Yang di-Pertua di bawah peraturan mesyuarat. Saya mohon baca. Muktamad. Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu perkataan Dewan rosak imej. Penggal yang lepas Yang Berhormat Gelang Patah tidak keluar- tidak rosak imej pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau. Ya Yang Berhormat Pasir Salak, sila keluar. Ketua Pembangkang, sila.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam waktu tidak sampai dua hingga tiga minit, tiga keputusan dibuat. Tuan Yang di-Pertua mesti konsisten. Kalau kata satu hari, macam mana boleh tiba-tiba- kerana mungkin marah kepada Yang Berhormat Pasir Salak, emosi- tambah dua hari. Tidak keluar lagi, tambah empat hari. Mungkin kalau tidak keluar tambah dua minggu agaknya. Jadi, kena konsisten ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Terima kasih atas pandangan Ketua Pembangkang. Keputusan saya memang konsisten.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 44(2), *“Apabila ada seseorang Ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat...”*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa yang tidak senonoh ini? Siapa yang tidak senonoh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Inilah dia sikap yang tidak senonoh.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa sikap yang kata tidak senonoh? Kamu ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ketua Pembangkang, boleh lihat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Macam mana yang dikatakan tidak senonoh ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ketua Pembangkang boleh menilai.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya baru tegur Yang Berhormat Menteri sedikit, *you* kata tidak senonoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bila Tuan Yang di-Pertua baca peraturan mesyuarat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Akan tetapi lihatlah sikap Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu sahajalah. *I got my people there who support me. I don't need your support. I don't need your support! I don't need your support!... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Dan keputusan saya tadi memang konsisten. Saya berikan peluang kepada Yang Berhormat Pasir Salak tiga kali tetapi dia enggan mematuhi perintah. Oleh kerana sikap sengajanya, maka saya berikan hukuman dua hari tetapi dia masih lagi ingkar. Sekiranya saya tidak memberikan sebagai *deterrent*, maka saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak akan melakukan lebih teruk lagi. Oleh kerana itu, saya berikan perintah atas kedegilan dan keingkaran. Dia diperintah keluar empat hari...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang tidak senonoh? *What did I do* yang tidak senonoh? Apa yang saya buat tidak senonoh? Apa yang tidak senonoh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bentara, sila jalankan tugas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Betul tidak? Apa yang tidak senonoh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah lima kali saya minta Bentara jalankan tugas. Yang Berhormat Pasir Salak, sila beri kerjasama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya. Tolong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila. Saya rasa kita tidak perlu bazirkan masa lagi. Perintah telah pun dikeluarkan. Keputusan muktamad. Sila Yang Berhormat Pasir Salak. Sekiranya sebagai seorang insan yang bermaruah, saya jemput Yang Berhormat Pasir Salak sila akur kepada peraturan mesyuarat.

Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Jangan kata kita tidak ada maruah. Betul tidak? Senang hendak kata tidak ada maruah. *You* ada maruah?... *[Disampuk] Come on man.*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Hey, shut up! What?... [Dewan riuh] What do you want? Come!*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *What? Come! Cakap! Muka macam muka Komunis... [Dewan riuh]*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Muka macam muka Komunis... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hendak tanya soalan nombor 2... *[Dewan ketawa][Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalan nombor 2 saya, soalan tambahan. Soalan tambahan. Sudahlah Yang Berhormat Menteri tidak hendak jawab. Cabut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya, adakah Kementerian Pertanian berpuas hati dengan peruntukan yang sekecil untuk meningkatkan pendapatan petani yang sekarang... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Sedia, sila beri kerjasama. Kita semua adalah Ahli-ahli Yang Berhormat. Jangan mengecewakan rakyat. Bila diberikan peluang untuk bertanya, tidak mahu tanya tetapi melemparkan tuduhan. Diberikan peluang untuk menjelaskan, tidak mahu menjelaskan. Bila diberikan peluang untuk duduk, tidak mahu duduk. Bila diberikan peluang untuk keluar Dewan, tidak mahu keluar. Inikah sikap yang sepatutnya dipamerkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bila bergelar "Yang Berhormat", sila...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan sampai...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sampai apa?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Inikah sikapnya? Bukankah ini sikap yang tidak senonoh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bentara, jalankan tugas... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Muka macam-cermin muka- macam Komunis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sudah terang tidak payah bersuluh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan, bukan. Saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, ini tidak berkaitan dengan Yang Berhormat Arau. Saya hanya menjalankan tugas sahaja untuk memastikan Mesyuarat Dewan Rakyat berjalan dengan lancar. Yang Berhormat Arau, ini memang sudah terang, tidak perlu bersuluh lagi. Faham peribahasa Melayu?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Setiap kali *you* duduk di situ, memang inilah yang berlaku. *You stop! You want to show people that you hebat. Everytime remark you. Everybody knows it, you as a Speaker...* *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Dengarlah *Speaker*, jangan sombong. Dengarlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, keputusan sudah dibuat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekiranya Yang Berhormat Pasir Salak dia keluar dengan bermaluah,...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita cakap elok-elok, saya ingat tidak ada masalah. Akan tetapi jangan Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Perkara ini memang sudah selesai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta Yang Berhormat jangan menggunakan perkataan-perkataan yang berlebihan berhubung dengan Yang Berhormat Pasir Salak. Oleh sebab Yang Berhormat Pasir Gudang, masa Tan Sri Amin jadi *Speaker*... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, perkara ini memang jelas. Jangan perlu bazir masa lagi. Kita ada

banyak soalan yang perlu Menteri jawab. Menteri semua datang untuk menjawab soalan. Tidak pernah pun ada seorang Ahli bersikap degil sedemikian... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa kali perlu saya pesan Bentara jalankan tugas. Sikap inilah yang amat mengecewakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila keluar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cukuplah, sila keluar. Yang Berhormat Menteri, sila. Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuduh, tuduh kita tidak senonoh. Macam-macam *you* lemparkan tuduhan...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini takut, *mic* pun tutup. *No, you have to be fair. I was said, I was asking my question in very soft manner. The second question I want to ask, before I ask, I want to ask why the Minister just walk away. I don't think other Ministers will do that. Other Minister would not do that but this Menteri Pertanian sombong, berlakon, menangis depan orang. No, do not try to be hypocrite.*

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Saya sudah jawab *on behalf of the Minister, as Deputy Menteri MOA.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, I am asking you. That is why I appreciate. I say thank you Deputy Minister for answering my question. I was trying to ask the supplementary question. Before that I want to make a remark, why the Minister run away. That was all and why the Speaker so depressive.*

**Tuan Sim Tze Tzin:** *Minister not running away. Minister tidak ada run away. Dia ada tugas lain.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa tugas? *You tell me...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bacakan perintah tetap. Peraturan Mesyuarat 44(2), "*Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan *abuse the power*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** "...Atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat. Sekiranya mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka bagi tempoh itu hendaklah dibawa ke mesyuarat yang akan datang, melainkan jika Parlimen dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari termasuk hari kejadian berkenaan".

Perkara 44(3), "*Jika Pengerusi mendapati bahawa kuasa di bawah Perenggan (1) dan (2) tidak mencukupi, dia boleh memulakan prosedur untuk menggantung perkhidmatan seseorang ahli dengan menyebut nama ahli tersebut seperti berikut:*

*"Saya dengan ini menamakan Ahli Yang Berhormat Tuan..."* Siapa-siapa...

*"Seorang Menteri hendaklah selepas itu bangun dan mencadangkan dan seorang Menteri lain menyokong satu usul seperti berikut:"*

Saya rasa semua pihak memang faham. Saya berikan lagi satu kali peluang terakhir.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You try to rule of the jungle.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Pasir Salak untuk mematuhi perintah *Speaker*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No*, berikan saya peluang untuk menjelaskan apa yang berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya jemput, saya jemput Yang Berhormat Pasir Salak keluar. Sila, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You are not giving me the chance or opportunity to be heard.*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *What kind of rules is this?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, dengar Ketua Pembangkang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, minta.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, dia sahaja seorang hendak bercakap. Hendak ikut cakap dia sahaja. Cakap kita tidak mahu dengar. What is this?... [Dewan riuh]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, isu sekarang ini isu Yang Berhormat Pasir Salak tidak dibenarkan untuk mengemukakan soalan tambahan, okey. Itu sahaja isunya... *[Dewan riuh] Wait, wait.* Sebelum Yang Berhormat Pasir Salak *react* seperti yang kita lihat tadi kerana dia tidak dibenarkan untuk menanya soalan tambahan. *That is all... [Dewan riuh]* Soal komen dia kepada Menteri dan sebagainya itu, Yang Berhormat boleh tegur dia dan sebagainya tetapi tidak membenarkan dia bertanya soalan itu, walaupun *Speaker* ada kuasa tetapi sepatutnya boleh dibenarkan.

Okey, sekarang ini isu dia tidak boleh selesai ini. Apa yang penting adalah *compromise*- kompromi. Bagi peluang kepada Yang Berhormat Pasir Salak tanya soalan. *That is it*, selesai masalah. Jadi tidak perlu isu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ya. Ketua Pembangkang, terima kasih atas pandangan. Rekod *Hansard* boleh menunjukkan sebenarnya Yang Berhormat Pasir Salak telah diberikan peluang dan ruang yang mencukupi. Satu minit, langsung tidak ada soalan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Not true. It is not true,* Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia diberikan masa untuk bertanya tetapi enggan bertanya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, saya hendak bertanya. You do not put words in our mouth.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebaliknya dia melemparkan tuduhan kepada Yang Berhormat Menteri. Apabila diminta dia tanya, dia tidak mahu tanya, sebaliknya mengundang kekecohan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oleh kerana itu, selepas diberikan peluang dan ruang berkali-kali.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya belum habis bercakap. *You want to have a debate, let's go out, we debate.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Lihat! Itulah sikap dia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* hendak tunjuk *you* duduk situ *you* boleh cakap macam-macam. *Come and debate* depan itu, *we call all the press...* [Dewan riu] *No*, dalam ini kita hendak bercakap, dia duduk di atas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ketua Pembangkang saya nasihatkan supaya- saya berikan peluang terakhir sebelum Menteri kemukakan usul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Usullah! Usul! Usul! *Let's put in on record. The Minister of Pakatan Harapan put on usul. Put lah. I challenge you!*

*Yeah, yeah, put on usul. No, no, I have my ground you know. I wanted to ask supplementary question. Before that I make a remark about the Minister. Why he said I did not ask a question? Kenapa dia kata saya tidak ada bertanya?... [Disampuk]* Belum apa lagi habis, sudah cakap.

■1120

**Beberapa Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa, 10 hari kah, berapa hari bantailah, aku hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri Pendidikan terus jawab.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi pemprosesan pemilihan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak membezakan di antara kelayakan-kelayakan yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Akreditasi ataupun MQA seperti STPM ataupun matrikulasi. Oleh itu tidak timbul persoalan keutamaan kepada mana-mana kategori kelayakan di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA. Semua calon

perlu memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh senat universiti masing-masing.

KPM mengamalkan prinsip meritokrasi dalam semua proses kemasukan pelajar ke IPTA bermula dari sesi 2002/2003. Ini termasuklah pengambilan pelajar ke politeknik dan kolej komuniti dengan mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calun yang layak dan memenuhi syarat am atau syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Kemasukan pelajar lepasan STPM, Program Matrikulasi KPM, STAM, diploma, pusat asasi setaraf ke program pengajian lepasan STPM setaraf di UA adalah melalui UPU *online* dan tertakluk kepada syarat am dan khas yang ditetapkan oleh universiti masing-masing. Pada sesi 2018/2019, seramai 54,104 calon lepasan STPM dan matrikulasi telah memohon melalui UPU *online* yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) di Jabatan Pendidikan Tinggi untuk kemasukan ke IPTA. Dari jumlah ini sebanyak 61 peratus iaitu 33,197 adalah calon lepasan STPM dan selebihnya iaitu 39 peratus seramai 20,907 adalah calon lepasan matrikulasi.

Daripada jumlah ini sebanyak 89 peratus iaitu 44,644 telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di IPTA dengan pecahan 54.6 peratus iaitu 24,375 orang calon lepasan STPM dan hanya 45.4 peratus sahaja iaitu 20,269 adalah calon lepasan matrikulasi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, majoriti calon lepasan matriks adalah mengambil bidang Sains manakala majoriti calon lepasan STPM pula adalah dari bidang Sastera. Justeru, tiada nisbah khusus di antara calon STPM dan matrikulasi yang diberikan keutamaan untuk kemasukan ke universiti awam kerana syarat am kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama memerlukan calon pemilik kelayakan SPM. Sementara itu buat masa ini penawaran program Sarjana Muda di politeknik hanya dibuka kepada calon-calun lepasan Diploma Lanjutan dan Diploma politeknik sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita mendapati bahawa pada tahun hadapan kita akan ada lebih ramai, 15,000 lagi pelajar tambahan matrikulasi daripada 25,000 kepada 40,000. Walaupun tempat pelajar dalam STPM adalah bidang sastera tapi saya pasti bahawa pelajar-pelajar yang mengambil bidang sains di STPM ini juga akan menghadapi kesukaran kerana seandainya tempat tidak ditambah di universiti khususnya di bidang perubatan, kejuruteraan dan juga farmasi dan juga sebagainya, maka mereka akan mengalami kesusahan untuk mendapat tempat kerana ianya lebih diberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar matrikulasi.

Saya faham bahawa kelulusan matrikulasi ini adalah pintu belakang ke universiti seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Langkawi dalam beberapa surat khabar. Maka saya hendak pastikan bahawa pelajar-pelajar STPM diberikan...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, pintu belakang mana boleh masuk.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Pintu belakang itu tidak berapa tepat.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Pintu belakang masuk universiti itu tidak berapa tepat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** *No*, pintu utama adalah menggunakan STPM. *The main entrance.*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak, tidak.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Akan tetapi ini saya gunakan yang telah diberitahu surat khabar.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tidak boleh sebut pintu belakang itu.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *The foundation, dekat Australia, New Zealand foundation. Its matrikulasi.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rompin, sekarang bukan sesi perbahasan. Sila ikut peraturan mesyuarat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekusaran Yang Berhormat Segamat berkaitan dengan tambahan 15,000 untuk memasuki universiti awam melalui matrikulasi akan menjejaskan kemasukan pelajar STPM, ini nampaknya tidak akan berlaku kerana daripada 40,000 yang kita tawarkan, tidak semuanya mengambil tempat tersebut. Lebih daripada itu kita dapati bahawa ruang untuk bidang

Sains mempunyai ruang yang amat banyak yang sebelum ini pun pada setiap tahun terdapat lebih 5,000.

Berkaitan dengan matrikulasi dan juga STPM, kita perlu tahu, ruang kemasukan ke universiti awam tidak semata-mata bergantung kepada STPM dan matrikulasi semata-mata. Di sana terdapatnya jalan Diploma dan juga terdapatnya mereka yang memasuki daripada Pusat Asasi di universiti awam masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan kedua, saya jemput dari sebelah sini, sekiranya ada.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah di atas ketegasan Yang Berhormat Menteri pada bulan Mei yang lepas yang menyebut bahawa jangan ungkit soal matrikulasi kalau sekiranya ada peluang kerja yang dikhususkan untuk mereka yang berbahasa Mandarin. Itu ketegasan yang kami ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]* Cuma apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan pertambahan daripada pertambahan 15,000, Timbalan kepada Menteri menyebut bahawa tidak ada perbincangan di peringkat Kabinet.

Soalan saya ialah kepada tambahan ini, setakat manakah persiapan yang dibuat oleh universiti-universiti dan juga kolej-kolej matrikulasi, adakah dari sudut prasarana, infrastruktur dan sebagainya, mereka bersedia untuk menerima tambahan 15,000 ini? Saya mahu ketegasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri setuju matrikulasi ialah pintu belakang kepada universiti? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri jawab dalam tempoh masa satu minit.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak pasti di mana Yang Berhormat Pasir Mas mendapat kenyataan bahawa ianya bukan keputusan

Kabinet. Ianya merujuk kepada keputusan Kabinet untuk mengekalkan nisbah 90:10. Berkaitan dengan kemasukan ke universiti awam...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Boleh saya respons sikit?

**Dr. Maszlee bin Malik:** ...Kita mempunyai jalan kemasukan daripada...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya merujuk kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 25 April.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Mas sila duduk, bagi Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Kita mempunyai pelbagai jalan. Antaranya STPM, Sijil Matrikulasi, Diploma dan juga Pusat Asasi di universiti awam masing-masing. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Seterusnya saya teruskan kepada soalan lisan yang seterusnya.

Saya ingin menjemput Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor Yang Berhormat Cameron Highlands.

**8. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, di dalam isu ramai kematian Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang Kelantan baru-baru ini adakah PDRM membuka apa-apa siasatan Laporan Mati Mengejut (SDR) memandangkan ianya kejadian luar biasa dengan kematian yang begitu ramai sebagaimana dilaporkan akhbar (14 kematian) atas sebab yang tidak diketahui dalam jangka masa pendek. Jika tiada, apakah sebabnya tiada siasatan Laporan Mati Mengejut (SDR) dibuka sebagaimana peruntukan undang-undang Kanun Prosedur Jenayah di bawah seksyen 328 dan 329.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini secara duduk kerana kaki Yang Berhormat Sepanggar masih bercuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, tiga minit Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius tentang kejadian yang berlaku di penempatan Orang Asli di Kuala Koh, Gua Musang. Pihak polis telah menjalankan operasi Batik bermula 10 hingga 23 Jun 2019 berkenaan tentang kejadian ini. Pada awalnya pihak polis telah menerima laporan polis yang dibuat oleh orang awam pada 29 Mei 2019 dan 7 Jun 2019 di Balai Polis Paloh 2, Gua Musang dan telah membuka dua kertas siasatan Laporan Mati Mengejut ataupun SDR tentang kematian dua orang penduduk Orang Asli. Bertindak atas maklumat

tentang kejadian tersebut, 12 lagi kertas siasatan SDR telah dibuka setelah usaha mencari dan mengesan mangsa-mangsa telah ditemui.

Kesemua mangsa telah dihantar untuk *post-mortem* di Hospital Gua Musang. Berdasarkan siasatan awal PDRM secara fizikal, kematian mangsa bukan disebabkan oleh unsur jenayah. Sehingga hari ini pihak polis masih belum menerima keputusan hasil *post-mortem* dan laporan kimia. Walau bagaimanapun, sekiranya hasil *post-mortem* dan laporan kimia mengesahkan kematian mangsa adalah disebabkan oleh unsur jenayah, pihak polis tidak teragak-agak dan akan membuka siasatan terhadap kes tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang Ops Batek ini berlangsung, seramai 156 pegawai dan anggota polis terlibat dan 39 orang dari pelbagai agensi.

#### ■1130

Sehingga kini, pihak polis masih lagi menjalankan Ops Batek dengan mendirikan sekatan jalan raya ke kawasan kejadian bagi mengelakkan pencerobohan di kawasan tersebut memandangkan kawasan tersebut masih belum diisytiharkan selamat. Pada 17 Jun 2019, Menteri Kesihatan telah membuat kenyataan media bahawa kes yang membabitkan komuniti Orang Asli adalah disebabkan oleh wabak demam campak yang merangkumi demam dengan batuk, selesema ataupun mata merah. Diikuti dengan ruam selepas beberapa hari. Pihak kementerian memberi jaminan tidak akan memandangkan ringan isu keselamatan, khususnya di kawasan kejadian.

Oleh sebab itu kawalan keselamatan masih lagi dilakukan di kawasan tersebut sehingga ke hari ini. Seperti mana saya sebutkan tadi, sehingga kini kita masih lagi menunggu laporan rasmi *post-mortem* daripada Jabatan Patologi Hospital dan *Insyallah* apabila laporan lengkap kita terima, kita akan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Menteri, adalah jelas siasatan belum lengkap lagi. Apa yang hendak saya sarankan dan bertanya sini, adakah akan dicadangkan satu *inquest* dilaksanakan memandangkan kematian 14 orang. Adib mati seorang, ada *inquest*. Daripada apa yang saya sarankan, adakah *inquest* ini dicadangkan *open inquest* ataupun *closed inquest*? Ini mustahak. Kalau kita lihat pada jawapan Menteri sebab kematian adalah mati disebabkan jangkitan virus, kekurangan antibodi imunisasi dan kurang vitamin.

Jadi, dengan *inquest* dilaksanakan kita dapat *confirm* sama ada, dengan izin, *confirm* betul ke Menteri ini cakap, Kementerian Kesihatan. Dengan izin, biar koroner



memutuskan. Saya sarankan dan cadangkan diadakan *inquest* untuk kepentingan masyarakat di Malaysia agar tahu sebab kematian. Sekian.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat sebentar tadi. Sebagai mana saya sebutkan tadi, kita masih menunggu lagi laporan rasmi *post-mortem* daripada Jabatan Patologi Hospital. Sebagaimana yang saya sebutkan juga bahawa apabila *post-mortem* ini kita terima, kita akan lihat tindakan seterusnya. Kita tidak akan menolak kemungkinan jika ada keperluan untuk membuat *inquest*. Kita akan ambil pertimbangan terhadap cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ada soalan tambahan kedua dari sebelah sini? Kalau tidak ada, sekarang tamatlah soalan-soalan untuk pertanyaan lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR12/2019 Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019, di No. 1 seperti yang tertera di

Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 4 Julai 2019.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyokong?

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakharudy]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.35 pg.**

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membentangkan latar belakang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Adalah suatu akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia untuk menubuhkan Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Majlis Perundingan Belia Negara, termasuk memperuntukkan perkara-perkara bersampingan dengannya. Akta 688 merangkumi 125 buah seksyen yang terbahagi kepada 10 bahagian.

Akta ini mula dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007. Akta 668 merupakan akta yang membenarkan suatu pertubuhan belia ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan belia dalam persatuan dan komuniti. Punca kuasa kepada penubuhan Majlis Belia Malaysia dan berperanan menjadi badan induk kepada semua pertubuhan belia di Malaysia serta merupakan panduan dan penguatkuasaan aspek pembangunan belia di

Malaysia. Penggubalan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia merupakan suatu usaha sokongan perundangan dalam memastikan pembangunan belia adalah selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang telah dilancarkan pada tahun 2015 serta seiring dengan dasar-dasar kerajaan sedia ada bagi mengukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri dan 21 April 2015 antara lain bersetuju dengan pelaksanaan DBM bagi menggantikan dan mengukuhkan Dasar Pembangunan Belia Negara yang digubal pada tahun 1997. Mesyuarat tersebut juga bersetuju supaya Akta 668 disemak semula selaras dengan pelaksanaan Dasar Belia Malaysia. Dalam memastikan pindaan Akta 668 kekal relevan dan memelihara kepentingan pemegang taruh, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan beberapa siri libat urus bermula pada tahun 2017.

Kesemua sesi ini melibatkan penyertaan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, institusi pendidikan dan penyelidikan. Pihak kerajaan negeri, pertubuhan-pertubuhan belia dan badan bukan kerajaan serta individu bukan kerajaan. Seterusnya, Jemaah Menteri pada 12 April 2019 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia dibentangkan di Mesyuarat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah belia pada tahun 2018 adalah sebanyak 15.1 juta orang iaitu 46.64 daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang tahun 2030, dianggarkan golongan belia merupakan golongan majoriti negara yang akan menjadi pemegang taruh dalam menentukan dan mencorakkan kepimpinan negara pada masa hadapan. Kumpulan ini sekiranya digerakkan secara holistik dan teratur akan memberi impak yang signifikan sebagai rakan pembangunan strategik negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Justeru itu, pindaan Akta 668 ini sememangnya mampu mengukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia yang berumur 15 tahun sehingga 30 tahun.

Dewasa ini gerakan pertubuhan belia, khususnya menerusi pertubuhan-pertubuhan belia konvensional sedia ada dilihat semakin lesu serta tidak lagi menjadi medium penting perhubungan belia dengan jumlah keahlian yang semakin berkurangan. Kelesuan dalam gerakan pertubuhan belia ini didasari oleh 2 faktor utama. Pertama, kegagalan untuk mengadaptasi perubahan dalam corak gaya hidup dan pemikiran belia masa kini. Kedua, kurangnya kepimpinan pelapis yang boleh menggantikan kepimpinan belia sedia ada dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan

sebanyak 2,262 pertubuhan belia telah dibatalkan pendaftaran dari tahun 2013 hingga 2018.

#### ■1140

Manakala daripada 8,563 pertubuhan belia masih sah pendaftaran sehingga tahun 2018 hanya 1,205 ataupun 14.1 peratus pertubuhan belia yang layak diberi pengiktirafan bintang iaitu masing-masing sebanyak 44 pertubuhan belia bertaraf lima bintang, 194 dianugerahkan dengan penarafan empat bintang, 967 menerima pengiktirafan tiga bintang. Antara kriteria penilaian penarafan ini adalah penyediaan laporan tahunan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), semakan dokumentasi dan penilaian maklumat yang kena diberi. Pencalonan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri yang berasaskan kepada keaktifan pertubuhan belia dan lawatan ke premis persatuan.

Melihat kepada hanya sejumlah kecil sahaja persatuan belia yang layak diberi pengiktirafan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kelesuan dalam pertubuhan belia ini tidak boleh dibiarkan berterusan begitu sahaja. KBS melihat pertubuhan belia masih lagi relevan sebagai medium terbaik dalam membangunkan generasi belia semasa. Selain itu, bagi memastikan pertubuhan belia dapat diaktifkan kembali, kepimpinan pertubuhan belia perlu turut diterajui oleh anak muda dan memahami kehendak serta keperluan belia masa kini.

Dalam aspek kepimpinan pertubuhan-pertubuhan belia, statistik umur pemegang jawatan di dalam pertubuhan belia utama dan pertubuhan belia tunggal daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia menunjukkan bahawa sebanyak 44.1 peratus iaitu 15,229 orang pemimpin dalam pertubuhan belia adalah berumur di bawah 30 tahun, berbanding 55.9 peratus iaitu 19,280 orang adalah mereka yang berumur melebihi 30 tahun. Pindaan ini menyasarkan supaya transisi kepimpinan pertubuhan belia daripada belia 40 tahun ke 30 tahun akan berlaku di dalam persekitaran yang lebih tersusun dan sistematik.

Secara rasionalnya, pindaan Akta 668 ini akan memberikan implikasi berganda kepada pembangunan belia dengan perubahan-perubahan yang dilaksanakan terutamanya pindaan ke atas tafsiran had umur belia yang memberi impak kepada peremajaan belia, pengadaupayaan belia dan seterusnya memastikan segala sumber negara di sepadukan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini merangkumi enam fasal seperti berikut:

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen Akta 668 bagi mengubah permulaan kuat kuasa akta, bagi mengubah beberapa takrif sedia ada seperti yang berikut:

- (i) untuk meminda takrif belia dan pertubuhan belia;
- (ii) untuk menurunkan had umur maksimum belia dan anggota pertubuhan belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia;
- (iii) untuk meminda takrif pemegang jawatan;
- (iv) untuk mengadakan peruntukan bagi had umur minimum dan memaksimumkan seseorang pemegang jawatan suatu pertubuhan belia berdaftar. Dengan cadangan pindaan ini, had umur minimum dan maksimum bagi mana-mana anggota pertubuhan belia yang dilantik atau dipilih sebagai pemegang jawatan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun pada tarikh pelantikannya.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 668. Untuk mengadakan peruntukan bagi had umur minimum dan maksimum seseorang ketua pertubuhan belia berdaftar. Dengan pindaan yang dicadangkan, had umur minimum dan maksimum seseorang ketua pertubuhan belia hendaklah tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun pada tarikh pelantikannya. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memendekkan tempoh untuk memegang jawatan sebagai ketua pertubuhan belia daripada enam tahun kepada empat tahun secara berterusan. Tujuan pindaan ini adalah untuk mewujudkan lebih peluang bagi anggota pertubuhan belia untuk memegang jawatan dalam pertubuhan belia dan meningkatkan kemahiran kepimpinan lebih ramai belia dalam pertubuhan belia tersebut.

Fasal 4, bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 668. Untuk mengurangkan had umur maksimum penghentian kehilangan kelayakan seseorang pemegang jawatan pertubuhan belia berdaftar. Ini adalah pindaan berbangkit kepada pindaan takrif pemegang jawatan.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda subseksyen 20, subseksyen 6 Akta 668 untuk menyingkirkan keperluan untuk menyiarkan dalam warta sesuatu pembatalan pendaftaran suatu pertubuhan belia.

Fasal 6, memperkatakan peruntukan kecualian berkaitan tempoh memegang jawatan bagi ketua dan pemegang jawatan suatu pertubuhan belia serta proses pembatalan pendaftaran sesuatu pertubuhan belia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan akta ini, peranan, objektif, fungsi dan kuasa pendaftar pertubuhan belia dapat ditambah baik khususnya dalam memperkasakan pembangunan dan pentadbiran pertubuhan belia di Malaysia.

Pada masa yang sama, pengukuhan akta ini tetap mendukung Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta lain demi memastikan impak perundangan sentiasa menyokong antara satu sama lain. Pengukuhan akta ini juga memudahkan pemerksaan pembangunan belia dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan terancang. Ini akan memberi lebih keyakinan kepada pemegang taruh pembangunan belia untuk bersama-sama menyumbang ke arah pembangunan ekosistem belia yang bersepadu. Di samping itu, ia juga memberi ruang pelaksanaan pembangunan belia oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dengan lebih bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan salah satu pindaan yang sangat mustahak untuk kita memberikan penekanan yang lebih khusus kepada anak muda bawah 30 tahun, sambil kita memperkasakan anak muda yang telah pun melangkaui umur 30 tahun. Jika kita tidak memberikan ruang dan peluang kepada mereka untuk memimpin gerakan belia bawah 30 tahun seperti zaman-zaman yang terdahulu, bagaimana kita ingin melatih mereka supaya pada masa yang akan datang untuk jadi pejuang dan pewaris negara tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis adalah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Saya ada menerima senarai daripada blok Whip masing-masing, sembilan orang daripada BBC, tiga daripada blok pembangkang dan tiga dan lima lapan orang daripada blok pembangkang. Saya ingin menjemput yang pertama daripada Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Berapa minit bahas?

**Seorang Ahli:** Berapa minit bahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi 20 minit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Masa 20 minit. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**11.48 pg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri. Bagi saya, usaha untuk merasionalisasikan ataupun memperbaiki takrif untuk belia ini adalah satu perkara yang sebenarnya telah disebut sebelum ini. Saya difahamkan bila kita lihat dan kita rujuk kepada dasar belia Malaysia yang telah diumumkan pada 2015. Pada waktu itu sepatutnya isu berkaitan dengan Akta 668 yang melibatkan pendaftar pertubuhan belia telah diserasikan.

Kalau kita lihat semula kepada empat konsep utama Dasar Belia Malaysia, dalam dokumen tersebut menyatakan antara konsep-konsep utama adalah had umur setara piawaian antarabangsa iaitu belia ditetapkan, ditakrifkan sebagai yang berusia 15 ke 30 tahun. Satu usaha yang holistik dan berpandukan perlembagaan dan Rukun Negara. Konsep ketiga adalah futuristik relevan terkini dan keempat merentas pelaksana dan generasi.

Bagi saya, pembentangan rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini adalah satu langkah yang baik. Pada masa yang sama, ramai di luar sana yang bertanya, apakah kesan ataupun implikasi pelaksanaan akta ini nanti? Kalau kita lihat, bagi saya di kawasan Lembah Pantai, saya mempunyai 62 pertubuhan belia yang berdaftar di bawah, dengan izin, ROY- *Register of Youth*.

■1150

Daripada 62 buah yang berdaftar ini, cuma enam buah yang benar-benar aktif. Manakala yang lain nampaknya seperti tidak aktif. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila kita lihat secara keseluruhan di seluruh Malaysia pada tahun 2018, jumlah pertubuhan belia yang berdaftar adalah kalau tidak silap saya 6,012 buah. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, daripada jumlah yang besar itu pada tahun ini sehingga mungkin suku kedua 2019

apakah jumlahnya dan daripada jumlah tersebut adakah pihak kementerian tahu berapa banyak pertubuhan yang benar-benar aktif ataupun tidak. Ini kerana bagi saya tidak bermakna jika kita mengurangkan had umur tetapi yang berdaftar pun tidak aktif.

Terdapat beberapa *point* yang ingin saya bangkitkan. Kalau kita lihat satu perkara yang saya harap boleh diberikan tumpuan oleh pihak kementerian, apabila dilihat statistik bagi tahun 2018, pada perkiraan saya satu aspek yang perlu dititik beratkan adalah penglibatan belia wanita. Di kalangan pengerusi pertubuhan-pertubuhan belia yang jumlahnya adalah 6,012 orang setakat tahun 2018, hanya 11.4 peratus adalah wanita. Jadi ini adalah satu angka bagi saya perlu kita lihat dan kita teliti, malah bagi yang berusia kurang daripada 30 tahun adalah seramai 213 orang daripada 1,546 orang ataupun 13.8 peratus sahaja adalah wanita.

Jadi, apakah yang akan diusahakan oleh pihak kementerian agar kita dapat menyaksikan lebih ramai anak muda wanita ke hadapan, diberikan sokongan, dukungan, insentif agar mereka benar-benar boleh menjadi sebahagian daripada generasi yang boleh merubah masa depan negara.

Kedua, saya lihat bagi saya ada masalah dengan pendaftar pertubuhan belia itu sendiri ROY. Saya dimaklumkan oleh staf saya bahawa sistem yang sedia ada ini mungkin tidak secanggih atau tidak sebaik eROSES di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS). Jadi saya harap pihak kementerian menitik beratkan satu reformasi kepada ROY itu sendiri agar kita dapat melihat sebagai contoh kalau ROS apa yang akan diusahakan daripada banyak pertubuhan-pertubuhan yang menyatakan bahawa mereka adalah aktif pada waktu ini, mereka cuma perlu menghantarkan akuan bersumpah. Akan tetapi tiada semak dan imbang untuk memastikan bahawa betul-betul diadakan AGM. Jadi saya harap beberapa usaha yang dilakukan oleh pihak ROS boleh kita ambil dan kita laksanakan juga untuk ROY ataupun Pendaftar Pertubuhan Belia.

Saya tertarik apabila pada awal tahun ini dan sebelum ini Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut yang mana sejumlah RM150 juta akan diperuntukkan untuk usaha-usaha memperkukuh aktiviti-aktiviti belia termasuklah yang saya faham RM7.4 juta untuk penubuhan Kelab *Youth Power* di 222 buah kawasan Parlimen. Saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri jika boleh berikan status terkini penubuhan kelab-kelab tersebut. Saya juga difahamkan sebanyak RM50 juta akan diperuntukkan pada tahun 2019 dan tahun 2020 untuk program-program Kelab *Youth Power*. Adakah kita dapat melihat sedikit- apakah yang



akan berlaku ataupun apakah kejayaan daripada program-program Kelab *Youth Power* tersebut.

Sebanyak RM100 juta itu juga sebelum ini telah disebut akan digunakan untuk menambah baik prasarana bagi sukan dan rekreasi yang juga terlibat dalam pada waktu itu pengumuman keseluruhan RM150 juta. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit pandangan dan silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencelah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingin pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai iaitu persoalan saya mengapakah belia-belia khususnya akhir tahun 50-an selepas merdeka, tahun 60-an, tahun 70-an dan 80-an- selama 40 tahun sejak merdeka dahulu, pemimpin-pemimpin belia seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Belia 4B, MAYC, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), MBM. Pemimpin-pemimpin belia ini begitu cergas di peringkat muda dan mereka kemudiannya menjadi pemimpin nasional dan pemimpin negara sekarang ini. Kenapa sejak bermula tahun 90-an sehingga sekarang agak lesu? Mungkin- pencelahan saya. Terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, Johor Bahru pun hendak mencelah sedikit kalau boleh. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Lembah Pantai ada sebut soal kerisauan mengenai ada persatuan tetapi tidak aktif dan sebagainya. Kemudian, ditokok tambah oleh ataupun ditambah hujah daripada Yang Berhormat Pasir Gudang macam mana era kegemilangan zaman belia semakin merudum.

Cuma saya juga hendak bangkitkan kerisauan di luar sana sebab apabila berlaku perubahan umur ini iaitu 40 tahun sehingga 30 tahun, mereka yang terkesan sebenarnya ada dua golongan, golongan yang di bawah 30 tahun yang mana terpaksa pikul bebanan untuk memimpin. Ini merupakan satu kejutan yang positif supaya mereka mengambil tanggungjawab tersebut. Akan tetapi golongan yang lebih 30 tahun sehingga 40 tahun ini akan berlaku kejutan, ke manakah mereka akan pergi. Adakah mereka mampu untuk terus menyertai gerakan-gerakan *mainstream*. Sebagai contoh kalau selama ini mereka memperjuangkan isu belia anak muda, walaupun sudah berumur lebih 30 tahun, 40-an tetapi sekarang ini mereka terletak dalam *limbo*, dengan izin, dalam ruang yang mana tidak tahu hendak pergi ke mana.

Jadi yang ini kalau boleh ada jalan keluar supaya kita tidak mahu, asas kita adalah supaya lebih ramai aktif dalam gerakan belia ini. Akan tetapi kita juga tidak ingin menyisihkan sumbangan mereka yang mungkin umurnya telah lebih 30 tahun. Saya pun sudah 33 tahun, jadi kalau begitu bagi mereka yang mungkin hendak masuk *mainstream* ini, adakah kaedah tertentu agar penyerapan itu lebih menyeluruh. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, boleh sedikit sahaja.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sebelum Yang Berhormat Bagan Serai berbahas, saya ingin membuat satu pengumuman kehadiran pelawat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari *The Whips of The Parliament of Ghana... [Dewan tepuk]* yang diketuai oleh Yang Berhormat Kwasi Ameyaw-Cheremeh, *Majority Chief Whip* dan delegasi. Kepada Yang Berhormat Kwasi Ameyaw-Cheremeh dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Yang Berhormat Kwasi Ameyaw-Cheremeh dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan Parlimen Malaysia dan Parlimen Ghana.

*Honorable Members of the House, it is with great pleasure I would like to inform that together with us today in the August House is the delegation from the Whips Parliament of Ghana, headed by The Honorable Kwasi Ameyaw-Cheremeh, Majority Chief Whip... [Dewan tepuk] To Honorable Kwasi Ameyaw-Cheremeh and delegation we welcome you, your visit to the House. We hope that the visit by The Honorable Kwasi Ameyaw-Cheremeh and delegation will further strengthen the ties and relation between the Parliament of Malaysia and Parliament of Ghana. Thank you.*

Minta Yang Berhormat Bagan Serai, teruskan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya agak terkejut mendengar dalam bacaan kedua oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebanyak 2,262 buah pertubuhan dibatalkan daripada tahun 2013 hingga tahun 2018. Apakah belia tidak minat dengan persatuan belia? Apakah mereka tidak matang sungguh ataupun tidak pandai?

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan pada masa itu untuk mencegah pembatalan begini?

Satu lagi ialah adakah pemimpin-pemimpin yang ada dalam pertubuhan belia pada masa itu *groom* ataupun membimbing mereka yang jauh lebih muda ini supaya dapat meneruskan perjuangan ataupun dibiarkan begitu mungkin dengan hasrat hendak meneruskan memegang jawatan itu.

■1200

Ini kerana berlaku juga, saya tengok dalam politik pun saya tengok tidak lepas-lepas. Dia tidak lepas-lepas. Oleh sebab apa? Dia pun tidak *groom*. Kemudian apabila masuk pilihan raya, dia kata ini semua tidak layak lagilah, jadi saya terpaksa sambung kerja saya. Jadi ini, adakah hari ini berlaku dalam pertubuhan hingga tahun 2022 dibatalkan? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sila, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai, ada atau tidak hubungan di antara sekolah dengan persatuan-persatuan ini dilihat terputus? Di mana kita lihat pelajar-pelajar kita yang keluar sekolah sama ada selepas *Form 5* ataupun selepas *Form 6* dia pun tidak tahu kewujudan persatuan-persatuan di luar ini. Maknanya di sekolah ini dia terputus langsung dengan dunia luar. Padahal di sekolahlah tempat yang paling baik untuk pengurusan sekolah mengatakan bahawa selepas kamu keluar dari sekolah, di luar sana banyak persatuan-persatuan sedang tunggu kamu. Masuklah persatuan Kelana kah, *Scout*-kah, apa benda pun dekat luar itu.

Kalau mereka dimaklumkan bahawa di luar itu banyak persatuan-persatuan sedang tunggu kamu, saya yakin Yang Berhormat Lembah Pantai, saya amat yakin *doubly* yakin sesungguhnya mereka ini tidak mungkin tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang kita tidak suka. Oleh sebab *ignorance*-nya mereka, kerana tidak ada maklumatnya mereka, sebab itulah mereka ini rasa liar kerana tidak ada panduan.

Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Lembah Pantai, kalau boleh mencadangkan kepada kementerian- Yang Berhormat Lembah Pantai saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai untuk mencadangkan kepada kementerian agar Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berbincang dengan Yang

Berhormat Menteri Pendidikan supaya harus ada *space*, di mana-mana *space* pun. Sama ada peringkat sebelum mereka meninggalkan sekolahkah atau apa, diuar-uarkan di kawasan tersebut ada berapa persatuan yang boleh disertai oleh mereka.

Ataupun kalau sekiranya mereka juga boleh mewujudkan persatuan baharu, supaya kalau sekiranya- misalnya kata Yang Berhormat Bagan Serai mungkin ada orang yang liat tidak mahu melepaskan jawatan itu, pelajar-pelajar sekolah yang keluar khususnya yang berumur 18 tahun ke atas boleh mungkin mencadangkan satu persatuan baharu yang boleh diwujudkan di kawasan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai dalam saranan saya ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Sungai Petani. Tidak perlu sebut sekolah, kami Ahli Parlimen pun tidak tahu. Saya sehingga saya tanya *exactly* Yang Berhormat Menteri, baru sekarang saya tahu di Lembah Pantai ada 62 pertubuhan yang didaftarkan di bawa ROY. Itu pun bila saya berikan nombor telefon, saya cuba telefon satu persatu di pejabat saya, salah nombor telefon tidak dapat *contact*. Tidak perlu sebutlah sekolah pun hendak tahu, kita Ahli Parlimen berapa ramai di kalangan kita yang ada yang senarai pertubuhan-pertubuhan. Tidak ada. Semua- saya tidak pasti kalau dahulu bagaimana.

Akan tetapi saya sarankan Yang Berhormat Menteri dan kementerian mengeluarkan satu arahan kepada ROY berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen. Kami boleh bantu berhubung dengan sekolah dan apabila kita lihat takrif belia diselaraskan 15 hingga ke 30 tahun, maka daripada mereka tingkatan tiga mereka boleh terlibat bersatu, dalam Perlembagaan pun dibolehkan. Jadi saya sarankan perkara ini dititikberatkan.

Apa yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi, saya setuju dan saya masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Cuma yang saya ingin tekankan berkait dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tentang kualiti kepimpinan dan juga Yang Berhormat Bagan Serai tentang mungkin orang yang terlalu memegang lama kedudukan, saya percaya dengan penyelarasan dasar dan juga akta ini maka ia memberikan kejutan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi kepada mereka- kepada kita semua bahawa kita tidak pegang kuasa dan kedudukan itu selama-selamanya.

Ini satu konsep yang penting yang mana Pakatan Harapan sendiri berpegang bahawa kita ingin mengusahakan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri cuma boleh memegang jawatan selama dua penggal, Apabila kita selaraskan di

peringkat atas sampai ke peringkat akar umbi, saya percaya ini menjadi satu amalan yang baik untuk kita semua.

Saya melihat ada keperluan dari segi pendemokrasian usaha itu dan saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi, bahawa ia perlu mungkin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan agar kita meningkatkan tahap pemahaman demokrasi ataupun, dengan izin, *democracy literacy* supaya kita celik dengan amalan demokrasi daripada peringkat awal lagi. Mereka tahu, mereka faham malah apabila saya- kalau tanya dengan saya sendiri, saya pun sebelum ini tidak tahu macam mana hendak daftarkan bawah pendaftar pertubuhan belia. Malah sebelum saya jadi Ahli Parlimen pun, saya tidak tahu wujud. Jadi sama ada itu adalah kelemahan saya sendiri ataupun kelemahan daripada sistem yang penting adalah sekarang ini, pada hari ini dengan diketengahkan rang undang-undang ini maka isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen pada hari ini saya harap boleh kita usahakan penyelesaiannya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa apabila disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi tentang *shock* ataupun kejutan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri. Apabila kita ingin turunkan had daripada 40 ke 30 tahun, adakah pihak kementerian telah mempertimbangkan mungkin satu proses *gradual*? Daripada 40 ke 35 tahun contohnya bagi tahun pertama dan 35 ke 30 tahun untuk tahun kedua sebagai contoh. Adakah satu dasar ataupun pelaksanaan seperti ini boleh diusahakan?

Saya juga lihat dari segi sekolah kepimpinan. Kita semua sedar bahawa sedang diusahakan satu Sekolah Pemimpin Masa Depan Malaysia- *Malaysia Future Leaders School*, yang mana telah diperuntukkan sebanyak RM70 juta dan 35,000 anak muda di kalangan yang berusia 15 hingga 17 tahun akan dapat menyertai tiga fasa ataupun *at least*, sekurang-kurangnya fasa pertama. Di akhirnya fasa ketiga 200 orang akan berkhidmat bersama-sama kita yang mungkin di Parlimen.

Saya ingin bertanya dari segi bila kita lihat secara ekosistem atau secara keseluruhan keadaan, apakah Yang Berhormat Menteri rasakan boleh diusahakan melalui *Malaysia Future Leaders School* ini?

Untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat tadi termasuklah isu kualiti kepimpinan, isu bila kita pegang *the more difficult things*, dengan izin, bila sudah pegang kuasa untuk melepaskan kuasa contohnya. Apakah dalam modul-modul itu ada diterapkan nilai-nilai seperti ini? Bahawa kuasa itu selepas kita pegang,

kita kena didik generasi yang akan datang agar masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi mungkin- kalau kita sebelum ini tahun 60an, radikalisme di kalangan mahasiswa itu cukup membara yang telah melahirkan pemimpin-pemimpin yang cukup berkualiti. Kita lihat pada hari ini jumlah anak muda yang menjadi wakil rakyat pada hari ini hanya 10 peratus daripada 222 Ahli Parlimen. Dengan kemasukan Yang Berhormat Sandakan, mungkin meningkat lebih sedikit. Saya difahamkan Yang Berhormat Kangar sedang mengusahakan penubuhan satu *Caucus* Ahli Parlimen Belia... [Disampuk] Pemuda.

Jadi mungkin kalau kita tengok yang 30 tahun ke bawah ini, mungkin Ahli Parlimen Sandakan sahajalah *kot* ataupun Yang Berhormat Muar. Yang Berhormat Muar semestinya. Yang Berhormat Batu yang paling muda, antara yang paling muda. Akan tetapi saya sudah 38 tahun, saya sudah lepas had itu. Akan tetapi isunya kita kena lihat bagaimana kita boleh- bila Yang Berhormat Menteri tadi sebutkan 46.64 peratus daripada populasi Malaysia adalah belia. Bila tiba 2030, akan menjadi majoriti. Maka saya rasa dari segi perwakilan di kalangan Ahli-ahli Parlimen juga saya rasa perlu kita usahakan supaya dia lebih mirip dengan keadaan di luar sana. Bukan sahaja dari segi jumlah...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, boleh mencelah?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sila, sila.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih. Saya tertarik tadi apabila Yang Berhormat Lembah Pantai menyebutkan tentang jumlah peratus belia yang ada dalam populasi negara kita, yang jumlahnya memang besar. Saya juga percaya bahawa jumlah ini akan lebih besar apabila kita nanti turunkan umur untuk belia kepada 30 tahun.

Justeru, saya fikir dan saya agak bimbang. Mungkin perkara ini- mungkin Yang Berhormat Lembah Pantai boleh sampaikan. Apakah elemen yang boleh mengelakkan daripada belia kita dicemarkan dengan politik-politik jijik, politik kotor supaya perkara itu tidak berlaku dalam belai di kalangan dengan belia kita bagaimana yang telah berlaku pada masa yang lalu?

■1210

Saya bimbang sebenarnya dalam kalangan belia, kita dipolitikkan dengan terlalu awal sehingga menyebabkan mereka meminggirkan diri mereka daripada politik. Jadi ini

satu perkara yang saya rasa penting juga untuk dilihat dan diteliti oleh pihak kementerian. Yang Berhormat Lembah Pantai setuju ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, masa sudah tamat. Sila rumuskan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Ya saya akan gulung. Saya akan gulung. Terima kasih. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Ledang. Malah di galeri awam juga kita nampak ramai anak muda yang hadir pada hari ini. Anda semua adalah masa depan negara kita. Saya harap ada dalam kalangan anda yang akan menjadi Ahli Parlimen satu hari nanti.

Jadi, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kita semua menjadi teladan. Itulah sebabnya saya sendiri pernah dicemuh sebagai 'Menteri Peraturan Mesyuarat', ada yang mencemuh. Akan tetapi, bagi saya, itu pengiktirafan bahawa saya bertaraf Menteri. *Ceh! [Ketawa]* Akan tetapi, yang penting adalah kita semua mesti ikut peraturan mesyuarat. Kita juga perlu memainkan peranan untuk menjadi ikon kepada anak-anak muda yang sedang sentiasa melihat dan memerhati tingkah laku kita. Jadi, saya rasa kitalah yang perlu menjadi pemimpin, ikon ataupun model kepada yang lain.

Jadi, setakat itu sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, 20 minit, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Masjid Tanah, kemudian Yang Berhormat Pendang. Selepas ini adalah 15 minit.

Sila, Yang Berhormat Paya Besar.

**12.11 tgh.**

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana diberikan ruang dan peluang untuk turut sama membahaskan pindaan rang undang-undang, Akta 668 yang berkaitan dengan belia. Saya secara dasarnya Yang Berhormat Menteri, bersetuju apabila pindaan ini dibuat. Ini sebenarnya telah diutarakan oleh Yang Berhormat Rembau semasa beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan pada tahun 2014.

Cumanya, saya lihat pada hari ini, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini yang boleh saya sifatkan ada kejanggalan kenapa

berlaku istilah yang saya boleh sebutkan tergesa-gesa dan tergopoh-gapah. Dua kejanggalan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pertamanya, Ahli Parlimen di blok pembangkang iaitu Ahli Parlimen Barisan Nasional, Ahli Parlimen PAS dan keseluruhan yang berada di blok pembangkang akan dipanggil dan diberikan taklimat pada tengah hari ini berkaitan apa yang telah diumumkan pada bacaan kali yang kedua. Itu yang pertama.

Keduanya, saya hairan dan pelik kenapa Kementerian Belia dan Sukan ada dua kata kunci atau frasa yang amat penting “belia” dan “sukan”. Belia ini pada induknya adalah Majlis Belia Malaysia. Apabila Majlis Belia Malaysia sepatutnya MBM juga diberikan pengetahuan, diberikan konsultasi yang secukupnya. Ada beberapa perkara yang saya fikir ini harus kita mainkan peranan walaupun dalam empat konsep atau yang disebutkan dalam huraian rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri mempunyai hasrat yang amat mulia untuk mengembalikan balik pengurusan, persatuan-persatuan di akar umbi agar 30 tahun ke bawah itu lebih baik.

Akan tetapi, istilah penggunaan “lesu”, tidak menunjukkan satu kepimpinan yang baik. Itu merupakan satu dakwaan yang saya anggap amat serius. Seharusnya kita melihat secara holistik. Di tangan saya ini Yang Berhormat Menteri... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Ada tiga kajian yang dibuat oleh universiti-universiti, kira-kira setahun atau dua tahun yang lepas. Jelas menunjukkan bahawasanya, bukan sahaja had umur merupakan satu faktor yang utama, yang akan memberikan kesan kepada susun atur, perancangan dan penglibatan mereka dalam politik berpersatuan. Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kita tidak boleh meletakkan sepenuhnya kesalahan itu kepada ini hanya untuk menumpukan kepada penyelarasan Dasar Belia Malaysia.

Berikutnya, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, mari kita lihat beberapa perkara yang saya fikir, yang harus kita beri pandangan dan pencerahan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mahu rujuk ucapan Yang Berhormat Menteri pada 15 Mei 2019 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM. Saya hendak sebut dialog Yang Berhormat Menteri, *“Pimpinan belia dalam pindaan akta belia untuk menurunkan umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, tetapi kita perlu ada transitional period iaitu dasar transisi daripada 35 tahun kepada 30 tahun, Saudara Julfitri, saya boleh maklumkan di sini, secara rasmi kita setuju dengan cadangan saudara, it will be 35 years old first, kita hendak transisi berlaku dengan baik”*.



Perkara pokok pada hari ini adalah mengapa berlakunya *u-turn*? Mengapa berlakunya seolah-olah MBM menghantar memorandum sebentar tadi dan dalam memorandum dan kenyataan yang disebutkan oleh Saudara Julfitri tadi seolah-olah menunjukkan tidak ada *consultation* yang dibuat. Sebab saya hendak beritahu ...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Mencilah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap Yang Berhormat Tenggara. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, perkara-perkara ini harus dilihat sebagai tersusun. Ini supaya ada satu kaedah yang lebih baik yang lebih mulia, yang lebih enak kerana kementerian Yang Berhormat Menteri mewakili dua perkara. Pertama, belia dan yang keduanya sukan.

Akan tetapi, konteks perbincangan dan perbahasan kita pada hari ini menumpukan kepada Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia [Akta 668]. Jadi, kenapa struktur utama badan induk yang menaungi belia seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi merupakan satu badan yang harus diberikan perhatian? Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri berkaitan Majlis Belia ...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Presiden MBM ...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Minta mencilah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya bagi Yang Berhormat Tenggara dengan Yang Berhormat Lenggong tetapi jangan panjang-panjang.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Yang Berhormat Tenggara dulu. Sila.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Paya Besar yang mengatakan bahawa adakah ucapan Yang Berhormat Menteri di universiti tempoh hari, adakah Yang Berhormat Paya Besar mahu tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian atau Yang Berhormat Menteri sudah bincang dengan wakil pertubuhan belia di negara ini berkaitan dengan had umur ini? Sampaikan Majlis Belia Malaysia boleh hantar memorandum hari ini. Kalau belum bincang, maknanya mereka akan hantar memorandum.

Kedua, Yang Berhormat Paya Besar, saya lihat bahawa umur 30 tahun hingga 40 tahun, mereka ini baru boleh mengurus *networking*, *manage themselves*, *manage their team* bawah 30 tahun, *manage the networking* 30 tahun hingga 40 tahun. Jadi itu kena berikan pertimbangan. Adakah dasar yang hendak dibuat ini berkaitan dengan pertubuhan *Youth Power Club*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Lenggong ...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ada pengalaman dalam pembinaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini. Sebab sejarahnya saya bersama dengan Dato' Sri Liow Tiong Lai menjadi pengerusi jawatankuasa pelaksana teknikal yang merangka dasar ini. Oleh sebab itu saya faham tentang dasar ini.

Antara perkara besar yang tercatat dalam akta ini ialah pengiktirafan kepada Majlis Belia Malaysia sebagai badan yang mewakili generasi muda dalam negara ini. Itu betul-betul tertulis di dalam akta ini. Maknanya, secara tersirat ialah, apa pun juga perkara yang bersangkutan paut dengan pembangunan belia mesti dirunding terlebih dahulu dengan MBM, misalnya dan juga, untuk mewakili generasi muda ke mana-mana badan atau aktiviti belia.

Oleh sebab itu, saya membangkitkan juga perkara ini waktu penggal lepas, sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, apabila kerajaan mengubah dasar baharu belia yang menurunkan had umur kepada 30 tahun, saya bercakap bahawa tidak *valid* dasar sebab tidak *compulsory* selagi ia tidak diubah di dalam akta ini. Maka semangat itu saya rasa ia diubah.

Cuma, kalau Yang Berhormat Menteri sudah berjanji dengan gerakan belia, sepatutnya ia ditunaikan dan ada rasionalnya apa yang dibangkitkan oleh Majlis Belia Malaysia. Saya ada pengalaman ini. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu dengar pandangan saya, tanya Yang Berhormat Port Dickson ataupun Yang Berhormat Menteri Luar. Itu dua-dua Presiden Majlis Belia Malaysia. Dia faham.

Kalau perubahan drastik dibuat, terus sepuluh tahun daripada 35 tahun kepada 30 tahun, sebenarnya, ia akan berlaku kelompong yang cukup besar kepada kepimpinan gerakan belia dalam negara ini. Oleh sebab itu saya minta supaya ia dibuat secara berstrategi, tidak dibuat secara drastik. Bimbang akan tertutup banyak gerakan belia. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya kira pandangan Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Lenggong merupakan pandangan yang agak tepat, Yang Berhormat Menteri. Kita tidak ada masalah Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju supaya kita memperkukuhkan penglibatan anak muda dalam persatuan. Cumanya, isu sekarang ini isu transisi dan Yang Berhormat Menteri telah berjanji di

hadapan anak-anak muda dan anak-anak muda amat bersetuju berlakunya *gradually transition period* yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sikitkah?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap.

■1220

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap. Jadi saya hendak petik bagaimana kenyataan akhbar MBM pada 3 Julai oleh presiden yang sedang berada di Rusia, mereka menyatakan seperti mana Yang Berhormat Lenggong nyatakan, rakan strategi utama kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kalau tidak ada MBM, tidak adalah kementerian Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua...

**Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** 16 April 2019 ada *consultation* dibuat tetapi beberapa kali dibuatnya dengan Yang Berhormat? Berapa kali dewan tertinggi MBM datang bertemu Yang Berhormat dan Yang Berhormat bertemu dengan mereka? Itu yang kedua.

Ketiga, tiada makluman kepada saya pihak KBS, daripada KBS sehingga ke hari ini. Ini bermakna 3 Julai kenyataan akhbar sehingga hari ini Presiden MBM tidak dimaklumkan tentang pindaan dan apakah keputusan terakhir yang dibuat. Maknanya MBM, presiden-presiden belia mengambil kira kenyataan rasmi semasa ucapan Yang Berhormat merupakan kenyataan terakhir pindaan yang akan dibuat 40 kepada 35.

Dalam kenyataan ini juga disebut kenapa kita hendak menggunakan sistem perundangan walhal kita boleh menggunakan kaedah lebih mulia, lebih baik iaitu kaedah sukarela. *Let this organization* menggunakan kaedah-kaedah untuk mereka melahirkan pemimpin pelapis. Saya yakin apa yang disebutkan oleh Saudara Fitri ini dan memorandum yang diserahkan kepada kami sebentar tadi merupakan satu perkara yang amat mendukacitakan. Itu sebabnya saya fikir Yang Berhormat sepatutnya inilah yang kita tidak mahu seperti mana saya sebut semalam, kita sedang hendak membawa Malaysia era baru dan Yang Berhormat Menteri juga sentiasa beritahu Malaysia Baharu, Malaysia Baharu adakah Malaysia Baharu yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri, ucap lain akhirnya bentang lain.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Baling.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan panjang-panjang tahu.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak panjang. Saya setuju. Sebetulnya akta ini memang dialu-alukan. Cuma seperti yang kita maklum kita tidak boleh memaksa belia-belia dalam negara ini untuk menerima apa yang kita rasa sesuai untuk mereka. Saya juga ingin memetik ucapan Yang Berhormat Menteri sewaktu perasmian Majlis Belia Negara iaitu antara meletakkan usia 15 hingga 35 tahun, memang ini sudah cukup cantik. Kalau ini tidak diubah, saya rasa akta ini tidak perlu dibahaskan panjang lebar. Kita memang bersetuju.

Jadi adakah Yang Berhormat mungkin mencadangkan kepada Menteri, pertimbangkanlah 30 tahun ini memang tidak sesuai sebab kelompong yang jauh 10 tahun ini. Bayangkan bagaimana pengisian proses beribu-ribu persatuan belia dalam negara kita dalam keadaan yang sedemikian walaupun kita ada *time frame*. Lagipun Majlis Belia Malaysia memang tidak bersetuju dengan 30 tahun tanpa perundingan yang lebih jelas, sedangkan Majlis Belia Malaysia ini seramai lebih kurang 41 buah gabungan belia-belia di seluruh negara. Kalau ini berlaku mungkin Sabah dan Sarawak mungkin tidak ikut. Jadi bermakna kesesuaian untuk akta sesebuah negara itu sehingga hari ini Saberkas di Sarawak pun masih dengan mereka punya peraturan iaitu tidak ada had umur untuk memimpin belia di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi di Sabah kita fleksibel. Jadi saya berharap Yang Berhormat Paya Besar dapat mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh akta ini dipinda daripada 30 hingga ke 35 tahun. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Baling sekejap ya Yang Amat Berhormat Baling. Jangan cakap panjang-panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan perkara yang sama yang disebutkan oleh sahabat saya tadi. Berkaitan dengan faktor umur ini sebab kami semua ini daripada kilang belia yang mana kami tahu, saya dan Yang Berhormat Lenggong semua asal daripada kilang belia. Jadi saya fikir tidak perlulah Yang Berhormat Menteri tergesa-gesa dalam konteks 15 hingga 35 tahun ini adalah lebih munasabah kerana kita perlukan gandingan senior dan yang muda untuk memastikan hala tuju.

Satu lagi saya harap kementerian akan mengambil tindakan. Satu lagi *very important point*. Kalau 30 tahun ekonomi dia tidak kuat lagi, tidak kukuh lagi. Adakah kementerian mempunyai wang yang banyak untuk memberi peruntukan-peruntukan tambahan untuk belia-belia ini. Kalau sekiranya kementerian ada duit banyak, boleh kita ambil- 25 tahun pun tidak apa sebab kementerian akan bagi duit dalam setiap program yang akan bakal dianjurkan. Apakah Yang Berhormat Paya Besar bersetuju dengan cadangan ini?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya tidak pernah tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kinabatangan. Masukkan ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini dalam ucapan saya.

Yang Berhormat Menteri, saya ada enam minit yang terakhir ini Yang Berhormat Menteri. Saya yakin Yang Berhormat Menteri juga mempunyai aspirasi supaya kita meletakkan integriti. Kita jangan beremosi dan seolah-olahnya kita berhalusinasi dalam kita menguruskan persatuan belia. Ini kerana apa, saya yakin beberapa perkara ini yang harus kita berikan tumpuan supaya keindahan, kecantikan persatuan-persatuan belia inilah yang akan mewarnai anak-anak muda di akar umbi. Saya yakin Yang Berhormat Menteri, kita ini apabila muda, orang-orang lama macam Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Kinabatangan dia tidak faham dalam perkara-perkara yang tertentu.

Contohnya kita minat *e-sport*, kita minat PUBG, kita minat *Mobile Legend*. Apabila kita membuat program-program agak janggal kenapa anak muda hanya datang tiba-tiba hendak tengok dekat skrin tetapi jiwa anak muda mesti disantuni. Akan tetapi hanya untuk menukar mereka untuk memimpin persatuan, itu bukan jalan keluar dalam polemik ini. Sebab kajian yang ada ini adalah kajian yang telah terbukti menunjukkan mereka membuat secara detil, secara kajian dan saya berharap Yang Berhormat Menteri tolonglah jangan *U-turn*. Teruskan 35 tahun kerana apa, 35 tahun inilah yang harus kita serahkan kepada MBM. Seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan beritahu, kalau 35 tahun Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ambil masa setengah jam sahaja kita tidak akan membentangkan apa-apa. Akan tetapi apabila diturunkan kepada 30 tahun, ia betul-betul mengejutkan.

Saya yakin dahulu Yang Berhormat Khairy hendak membawa- Yang Berhormat Rembau hendak membawa kerana apa perkara ini juga, pada keadaan itu pada 2018 memerlukan tetapi akhirnya ditangguhkan selepas membuat konsultasi-konsultasi dengan pihak MBM.

Apa yang pentingnya Yang Berhormat, saya ada beberapa persoalan Yang Berhormat Menteri untuk empat minit yang terakhir ini.

Pertama, sebelum pihak kementerian sukan ingin membuat pindaan rang undang-undang ini, berapa kali Yang Berhormat Menteri pernah berjumpa sendiri, berbincang dan berkonsultasi mendapat pendapat dan idea daripada dewan tertinggi Majlis Belia mempunyai 41 badan gabungan.

Kedua, berapakah jangkakan Yang Berhormat Menteri persatuan pertubuhan induk di bawah MBM yang bersetuju dengan cadangan pindaan ini dan adakah apabila mereka tidak bersetuju dengan 30 tahun, berapa ramai yang akan keluar pergi balik kepada ROS? Niat kita menubuhkan dahulu semasa dicadangkan untuk menubuhkan dasar ini, rang undang-undang ini kepada ROY- kita keluar daripada ROY masuk ke ROY, ROY berapa ramai yang akan keluar? Ini akan melumpuhkan gerakan belia di akar umbi.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, adakah pindaan ini Yang Berhormat Menteri sebenarnya bermotifkan untuk membunuh dan melenyapkan macai-macai UMNO seperti yang digelar Yang Berhormat Menteri tempoh hari.

Keempat, adakah ini juga ingin melumpuhkan Majlis Belia Malaysia dan menggantikan dengan *Youth Power Club* sebagai badan induk belia.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri siapakah ahli jawatankuasa penaja *Youth Power Club*? Siapakah yang akan menerajui *Youth Power Club* dan apakah keistimewaan *Youth Power Club* yang menerima peruntukan sehingga RM50 juta daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dibandingkan dengan Majlis Belia yang menggerakkan semua aktiviti belia di seluruh negara. Berapakah jumlah bantuan pentadbiran yang diluluskan kepada badan-badan gabungan Majlis Belia dan berapa kali kah persatuan-persatuan belia ini bertemu dengan Yang Berhormat Menteri sepanjang Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri, apa yang paling pentingnya adalah kita mesti melihat kaedah yang terbaik. Kalau ini dirasakan sebagai satu jalan keluar untuk menghidupkan balik semangat persatuan di akar umbi bukan 30 tahun matlamat di hujungnya tetapi ia mesti berada 40 kepada 35, kemudian 35 kepada 30. Saya yakin kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara luar, negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Myanmar, Brunei banyak semua yang mempunyai had umur lebih bawah daripada kita.

Saya juga tidak rela apabila pergi ke luar negara mengatakan kita ini adalah sebagai persatuan belia tetapi umurnya 40 tahun. Akan tetapi proses itu saya bersetuju tetapi jangan kita terlampau mengejut. Kerana apa mengejut, adakah Yang Berhormat Menteri juga bersetuju supaya kementerian Yang Berhormat Menteri, KSU nya berumur 30 tahun ke bawah- pegawai, pengarah-pengarah belia-belia- kenapa? Sebab pentadbiran, kefahaman urus tadbir negara ini harus diletakkan kepada anak muda sepenuhnya.

■1230

Saya bersetuju. Yang Berhormat Menteri berumur 26 tahun. KSU mesti berumur bawah daripada Yang Berhormat Menteri. Barulah aspirasi anak muda dalam Dasar Belia Malaysia itu turut dicapai. Jangan nanti Yang Berhormat Menteri berumur 26 tahun, KSU dua kali ganda Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kena panggil dia *uncle* atau atuk. Ini satu perkara...

**Seorang Ahli:** Panggil *bro*...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Panggil *bro*? Mana boleh panggil *bro*. Ini kerana apa? Ini perkara-perkara yang bagi saya amat penting. Ini kerana apa? Kalau kita betul-betul meletakkan had umur ini sebagai satu jalan keluar, had memegang jawatan sebagai jalan keluar, ia sebenarnya bukan satu jalan yang terbaik. Sepatutnya, kita harus melalui satu proses yang lebih muhibah yang lebih

menguntungkan semua pihak. Ini kerana apa? Ini kerana dalam belia ini, bukan sahaja transisi itu satu proses tetapi bagaimana *succession plan* atau golongan pelapis ini juga harus diberi tumpuan.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri dapat kekalkan membuat pindaan semasa penggulungan nanti kepada umur 35 tahun, saya rasa anak-anak muda yang berada di luar sana, pemimpin-pemimpin belia yang berada di luar sana akan kekal di bawah ROY. Saya risau Yang Berhormat Menteri, apabila bertemu dengan mereka, mendengar rintihan mereka, mereka seolah-olahnya akan berhijrah kembali balik kepada ROS. Ini sebenarnya membunuh semangat kita tubuhkan ROY semasa tahun 2000 sebelum ini. Lebih kurang 17 tahun yang lepas.

Jadi, ini yang harus kita beri tumpuan dan saya yakin, saya agak tersinggung dengan pindaan rang undang-undang ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri kekalkan lah kepada umur 35 tahun dan membuat pindaan semasa penggulungan nanti daripada 40 tahun kepada 35 tahun. Berkaitan had umur memegang jawatan, saya setuju enam tahun kepada empat tahun. Akan tetapi had umur berada dalam belia ini kekalkan kepada 35 tahun. Yang Berhormat telah berjanji kepada anak muda Malaysia, Yang Berhormat mesti tunaikan dalam Dewan yang mulia ini, 35 tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah, 15 minit.

**12.36 tgh.**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini.

Jadi, saya sebagai pemimpin belia- bekas pemimpin belia yang dilahirkan daripada kilang belia, juga turut terpanggil untuk sama-sama berkongsi rasa, berkongsi pendapat bagaimana hasrat pihak kerajaan, pihak kementerian untuk merealisasikan rang undang-undang ini. Bagaimana hasratnya adalah bagi memastikan keamanan anak muda demi masa depan dan juga untuk mengurangkan jurang di kalangan belia dan juga bagi kita untuk sama-sama melahirkan lebih ramai lagi belia-belia kita yang



matang, selaras dengan hasrat juga pihak kerajaan untuk menetapkan umur mengundi pada 18 tahun.

Jadi, kita melihat bahawa rang undang-undang yang ingin dipinda ini, saya ingin menyentuh kepada dua perkara. Pertama, dari segi had umur dan kedua, dari segi tempoh memegang jawatan. Untuk pindaan seksyen 2 iaitu daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Saya melihatkan bahawa pada yang lepas, apabila pihak kementerian di bawah Kerajaan Barisan Nasional melahirkan hasrat untuk meletakkan usia 30 tahun ini, telah adapun usaha-usaha untuk sesi *engagement* bersama dengan persatuan-persatuan belia.

Malah pada ketika itu, saya masih lagi memegang jawatan dalam persatuan belia iaitu Gerakan Belia 4B kawasan Masjid Tanah. Jadi, kita melihat bahawa bagaimana yang boleh kita sama-sama memainkan peranan. Oleh kerana kalau kita pergi dekat akar umbi, program-program dan sebagainya, saya mengakui bahawa terdapat jurang yang besar yang pada ketika itu kalau pergi program, usia yang macam 30-an sahaja. Kalau hendak lihat yang belasan tahun ataupun awal 20-an, itu cukup segelintir sahaja.

Jadi, di manakah mereka ini dan bagaimana untuk kita capai mereka dan juga kita sentuh? Sebagai pemimpin belia, ada *gender gap* di situ. Bukan gender, maksudnya *age gap*. Ada jurang dari segi umur. Jadi, hasrat sebagaimana yang direalisasikan melalui rang undang-undang ini cukup penting sekali. Akan tetapi saya melihat bahawa perlunya, peri pentingnya untuk kita melihat semula adakah usia 30 tahun itu sesuai ataupun tidak. Sama ada 30 tahun ke bawah ataupun 35 tahun ke bawah.

Dari segi aspirasinya, ya. Kita hendak lebih ramai anak muda, 18 tahun, 19 tahun, lebih ramai lagi. Akan tetapi pada waktu ketika itu mereka bergelut dengan untuk menyambung pelajaran mereka ke *higher education*, ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka bergelut dalam usaha untuk mereka selain daripada mendapatkan senaskhah ijazah dan sebagainya, mereka juga bergelut dengan kehidupan mereka untuk menyara diri sendiri, untuk memberi nafkah kepada keluarga dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah pelan transisi yang telah dihasratkan oleh pihak kementerian?

Oleh sebab itu lah, saya melihat bahawa hari ini, kalau kita laksanakan rang undang-undang ini iaitu daripada 30 tahun ke bawah, maka akan berlaku terkuburnya banyak- maksudnya, yang banyak memegang jawatan hari ini, ya mereka- maksudnya, akan berlaku bukanlah orang cakap terkubur. *Talent-talent*, maksudnya potensi-potensi pemimpin belia ini akan terkubur begitu sahaja. Begitu juga dengan cawangan-cawangan. Bukan mudah hendak melahirkan pemimpin di peringkat akar umbi.

*Waima*, saya pun semasa Pengerusi Belia 4B kawasan, kita berusaha paling sungguhpun masa itu, *all out*, 30 cawangan sahaja daripada 64 kampung, pada ketika itu. Cukup payah, kerana apa? Tidak ramai pemimpin akar umbi yang faham tentang belia. Berapa ramai di antara kita yang bantu belia untuk mereka meneruskan kelangsungan mereka untuk melakukan aktiviti dan sebagainya?

Oleh sebab itu lah, saya menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin yang ada dalam Dewan ini, yang ada dalam Dewan ini ataupun di luar sana, tolong bantu anak-anak muda kita dan juga kita punya pemimpin akar umbi, belia ini untuk mereka meneruskan kesinambungan. Ya, saya nampak Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Masjid Tanah. Yang Berhormat Menteri, beza antara gerakan belia di Malaysia dengan gerakan belia di luar negara. Di luar negara, menjurus kepada aktiviti-aktiviti sosial, rumah orang sakit, rumah orang tua. Akan tetapi gerakan belia di Malaysia ialah gerakan untuk melahirkan pemimpin. Yang Berhormat tengok ramai pemimpin gerakan belia sama ada di sini atau sana adalah lahir daripada kilang belia.

Satu perkara lagi, Yang Berhormat kena ambil kira bahawa gerakan belia di Malaysia satu ketika, cuma di akhir-akhir tiga, empat tahun ini sahaja sudah ketandusan pemimpin. Atas kebijaksanaan kita, sistem dan juga budaya gerakan belia di Malaysia, kita melahirkan pemimpin belia yang bukan hanya mengetuai gerakan belia di Malaysia, WAY, COIC, di ASEAN dan sebagainya. Itu hasil daripada hasil budaya gerakan belia di sini. Jangan kita ubah ini yang akhirnya akan mengubah budaya kita dan kita tidak boleh melahirkan sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Masjid Tanah tadi. Itu pandangan saya.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, saya masukkan sebahagian ucapan Yang Berhormat Lenggong itu dalam ucapan saya. Oleh sebab itu, saya benar-benar berharap agar pihak kementerian melihat kembali dan jangan diadakan ia secara tergesa-gesa. Kita faham hasrat murni dan ramai di antara kita hendak tengok belia-belia, anak muda di Malaysia ini terus makmur, maju dan juga progresif membangun bersama apa juga yang telah kita sediakan untuk mereka.

Harus diadakan sesi *engagement* itu secara berterusan dan bukan hanya kita bercakap tetapi dari segi pelaksanaannya juga. Sesi perundingan itu harus dilibatkan sekali. Walaupun saya bukan berada dalam Majlis Gabungan Belia Malaysia, belia

daerah, saya tidak pernah berada dalam itu tetapi saya hanya Gerakan Belia 4B tetapi saya faham bagaimana mereka ini. Apatah lagi negeri Melaka dinobatkan sebagai 'Negeri Belia'. Saya melihat bahawa usaha-usaha ini amat mengecewakan dan melahirkan perasaan yang resah terhadap apa yang ingin kita laksanakan.

Pindaan itu saya juga berharap perlulah dilakukan secara berfasa. Memang kita tidak dapat hendak buat secara *total*, drastik dan sebagainya tetapi buatlah secara berfasa. Mungkin ada komposisi, buat yang tahun pertama, tahun kedua, 30 peratus ke 70 peratus. Maksudnya, 30 orang lama, 70 orang baharu. Supaya orang lama yang ada dalam platform ini boleh memberikan *knowledge transfer*. Maksudnya memindahkan pengetahuan, memindahkan pengalaman itu kepada pemimpin yang sedia ada. Janganlah dilakukan secara mendadak agar ia tidak membantutkan keinginannya, *passionate* orang-orang muda ini di akar umbi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sedikit?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Ya, mentang-mentang baru dapat *baby* comel. Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Ketawa] Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat Masjid Tanah bahawa solusi yang terbaik untuk perpindahan had umur ini iaitu 15 hingga 35?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Dia belia lagi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oleh sebab, ini adalah tuntutan yang diminta oleh keseluruhan organisasi belia di seluruh negara.

#### ■1240

Jadi, apakah Yang Berhormat mungkin boleh melahirkan hasrat belia-belia seluruh negara ini, berjuta-juta ini kepada Yang Berhormat Menteri kita, mungkin bukan semua belia di luar sana macam Menteri Belia dan Sukan. Dalam usia 25 tahun sudah jadi Menteri, bukan semua. Jangan kita rujuk diri kita. Di luar sana ini berbagai-bagai faktor belia. Jadi, bagi mereka ruang lingkup yang luas supaya negara ini kita sediakan untuk belia-belia yang berwibawa bukan belia-belia yang kecewa dengan berbagai-bagai isu. Terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Selama 15 tahun boleh kita ini melalui sekolah-sekolah juga kita angkat mereka dan kita dedahkan mereka dengan cara orang belia. Orang belia ini lain dengan orang politik, budak-budak belia ini kalau hendak suruh susun meja,

susun kerusi tak kisah, *anytime* kita boleh buat. Orang politik kalau kita suruh memang takkan, akan dibuatnya. Jadi itu contohkan, contoh. Jadi yang ketiga...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Masjid Tanah, bolehkah?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Okey. Oh! Ini sahabat saya, silakan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Ini bukan belia, ini beliau [*Ketawa*] Akan tetapi walaupun kita beliau, kita sayang kepada belia-belia kita. Kita ingin melihat belia-belia kita menjadi, bukan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dua-dua ini orang UMNO, itu bekas UMNO.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bukan sahaja pemimpin dalam parti politik tetapi mereka mestilah menjadi belia yang berwawasan, yang *wholesome*, yang holistik. Bukan setakat untuk jadi pemimpin tetapi buat kerja sukarelawan, terkenal di sana sini dengan kerja-kerja yang baik di seluruh dunia ini. Bersetuju kah Yang Berhormat Masjid Tanah apabila kita membangunkan belia ini, kita sebut tentang capai hendak bawah umur 30 tahun ini bertujuan kita itu bukan untuk jadi wakil rakyat nanti, jadi Menteri tetapi menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, yang boleh kita banggakan, dihormati di seluruh dunia.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beaufort tentang hasrat untuk bagaimana kita hendak melihat belia kita ini pada masa hadapan supaya mereka lebih bertanggungjawab dan saya ingin masukkan ucapan Yang Berhormat Beaufort itu di dalam ucapan saya.

Oleh sebab itulah hendak buat benda ini bukan hanya ada hasrat Yang Berhormat Menteri semata-mata, bukan kita hendak – oh! Sebab Yang Berhormat Menteri hendak buat, *yes* kita buat. Tidak, tetapi memerlukan pemahaman daripada semua pihak, sama ada dalam Dewan ini atau dekat luar sana. Supaya apa, apabila tidak kisahlah 30 tahun ke bawah ataupun 15 tahun ke 35 tahun, selepas ini bagaimana *engagement* yang akan dibuat, kita bersetuju asalkan ia dibuat secara holistik dan secara berfasa dan tidak secara drastik.

Memerlukan *understanding* dan komitmen dari semua pihak untuk terus memperkasakan belia di akar umbi dan jangan pilih– oh! Kata, "*Ini belia-belia UMNO kita jangan bantu.*" Tak boleh macam itu. Kita sendiri sebagai wakil rakyat atau

pemimpin, kita sudah cap kepala mereka inilah nanti, maksudnya kita bantu apa juga belia ini supaya mereka *waima* kadang-kadang saya bagi tahu dekat saya punya pusat khidmat, *waima* mana-mana persatuan belia yang meminta bantuan, *waima* air mineral pun kita bantu. Supaya apa, mereka terus bersemangat walaupun hendak buat program mereka itu dalam skala kecil tetapi sokongan daripada kita cukup-cukup penting.

Sebab itulah tuan-tuan dan puan-puan, saya juga Yang Berhormat, macam berucap dekat kampung pula. Seterusnya saya, Yang Berhormat Bagan Serai silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit sahaja, bagi ya sebab Yang Berhormat Masjid Tanah bercakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia punya panas dia memang tempias kepada saya tadi Bagan Serai. Jadi saya, seperti mana kita dengar tadi 2,000 lebih dalam tempoh lima tahun ini persatuan belia dibatalkan dan juga tahun 2030 dijangka majoriti adalah belia. Belia hari ini ialah pemimpin negara akan datang. Yang Berhormat Masjid Tanah tak risau kah tengok statistik ini? Hari ini kita lihat jumlah anak muda atau belia yang daftar mengundi pun tak banyak yang daftar mengundi lagi. Macam mana perangai macam ini?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, memang ada lebih kurang 3 juta dalam kita punya rekod yang tidak lagi berdaftar sebagai pengundi dan itu adalah satu angka yang merisaukan. Begitu juga dengan golongan orang muda yang tidak bersama ataupun tidak ada aktiviti-aktiviti bersama dengan belia juga yang mana apabila mereka ini tidak sibuk, tidak ada aktiviti, itu yang menjuruskan mereka untuk perkara-perkara yang tidak baik, contohnya dadah dan sosial yang lain.

Oleh sebab itulah antara perkara-perkara lain yang saya ingin sentuh juga Yang Berhormat Menteri, saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri juga dapat melihat *talent* yang ada di dalam belia ini. Kalau selepas umur 30 tahun, mana hendak dihalakan tuju. *Waima* saya pun pada ketika umur 38 tahun masih lagi bersemangat, masih lagi aktif, masih lagi maksudnya hendak berjuang di dalam platform belia tetapi sebab kita hendak bagi ruang atau muka baru dalam belia kita ini.

Akan tetapi tenaga yang ada di dalam diri kita sebagai pemimpin belia itu mana kita hendak *channel* itu? Jadi, jawapannya adalah alumni. Bagaimanakah peranan

alumni, bagaimanakah perancangan pihak kementerian ini untuk memperkasakan alumni belia di seluruh negara? Jadi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Alumni dan setia.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Ya, setia kepada belia. Betul terima kasih, Yang Berhormat Baling sudah lama tak jumpa ya. Jadi sebab itulah kita melihat bahawa alumni ini juga harus dimasukkan dalam pelan transisi atau juga pembangunan daripada pihak KBS. Seterusnya juga, saya ingin merayu sekali lagi kepada pihak KBS, pandanglah dan bantulah persatuan-persatuan belia ini. Saya sudah bercakap dua kali di dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana bantuan kepada persatuan-persatuan belia, geran ini sudah lama tidak dapat diperolehi oleh persatuan-persatuan belia di akar umbi. Hanya segelintir sahaja persatuan-persatuan belia iaitu melalui Majlis Gabungan Belia Daerah ataupun negeri yang memperoleh bantuan ataupun geran persatuan belia ini.

Tolonglah, kalau betul kementerian benar-benar ingin memperkasakan belia, perkara ini harus dijadikan antara keutamaan agar mereka ini akan dapat terus bernafas dan mengemudi persatuan belia dengan baik dan lebih berkesan. Ini kerana apa? Bawah 30 tahun mereka tidak ada nama, mereka baru hendak berkecimpung, mereka masih lagi berasak dengan keperluan diri dan juga keperluan masyarakat. Kalau kita sendiri tidak memberikan bantuan, dana bantuan kepada persatuan-persatuan belia ini, bagaimana mereka sendiri hendak menggerakkan anak-anak muda di akar umbi.

Ya, mungkin persatuan belia di Kuala Lumpur ataupun di bandar-bandar berbeza dengan orang dekat Masjid Tanah, dekat Baling yang jauh di luar bandar tetapi hasratnya tetap sama. Kami ingin melihat bahawa belia ini terus dibantu, terus didukung, terus disokong agar apa juga aspirasi yang telah diberikan oleh pihak kerajaan dapat didukung secara bersama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa 20 saat lagi Yang Berhormat.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Saya ingin menggulung Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebab itulah saya melihat antara perkara-perkara itu diperhalusi pelaksanaannya. Kita sokong, kita gembira dengan hasrat pihak kementerian tetapi kita harap perlaksanaannya dibuat jangan secara tergesa tetapi transisi pelaksanaannya, pemilihannya haruslah dibuat dengan secara baik dan juga *engagement*. Saya mengharapkan kita dapat bersama-sama mendengar akar umbi dan

juga denyut nadi pemimpin-pemimpin belia agar mereka inilah yang akan menyambut apa juga pelaksanaan yang dihasratkan oleh pihak kementerian dan juga Kerajaan Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat muda, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sungguh progresif dan juga dinamik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas. 15 minit.

**12.47 tgh.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan pelawat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Semambu, Pahang yang turut bersama-sama dengan kita pada hari ini... *[Tepuk]*

Sebelum saya meneruskan perbahasan ini, suka saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah kepada seorang belia negara Nor Hisyam Ismail, 34 tahun yang muncul sebagai jaguh dunia kategori *barebow* dalam Kejohanan *Thailand Princess Cup Archery Tournament* di Bangkok Thailand, dua hari lepas iaitu satu kemenangan yang menamatkan kemarau 13 tahun penantian Piala *Thailand Princess* menewaskan pemanah dari Indonesia. Satu kejayaan yang dicatat oleh belia anak muda Malaysia. Beliau daripada Kampung Jeram Perdah, DUN Meranti, Parlimen Pasir Mas... *[Tepuk] [Disampuk]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dikasihi sekalian, Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Surah Ar-Rum ayat 54, yang bermaksud “Allah, dialah menciptakan kamu dari keadaan yang lemah kemudian dia menjadikan kamu sesudah keadaan yang lemah itu menjadi kuat dan kemudian menjadikan kamu sesudah kuat itu lemah dan beruban, dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan dialah yang maha mengetahui lagi maha berkuasa.”

Surah Ar-Rum, ayat 54. Ayat yang saya bacakan tadi menunjukkan bagaimana proses jalur hidup manusia ini sentiasa berada di dalam jadual yang sama, daripada bayi, remaja dan kemudiannya meningkat dewasa seterusnya meninggal dunia.

#### ■1250

Kita berada di dalam jaluran umur yang sama yang akan dialami oleh setiap manusia. Justeru, umur muda dan tua sebenarnya sudah ditentukan oleh Allah SWT.

Jika mengikut pandangan Islam, apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari ini adalah merupakan satu perkara yang boleh diterima di dalam agama kita iaitu Islam di mana umur 15 tahun adalah merupakan yang disebut sebagai *sinnur rusyid* iaitu umur kematangan. Oleh sebab itulah Nabi SAW telah memberikan keizinan kepada mereka yang berumur 15 tahun untuk menyertai peperangan bagi menunjukkan bahawa umur 15 tahun itu adalah merupakan umur sempurna matang untuk keluar untuk menyertai peperangan. Langkah yang telah dikemukakan pada hari ini untuk menurunkan umur belia itu kepada umur 15 tahun adalah merupakan satu langkah yang saya kira tidak mempunyai halangan di dalam agama kita yakni Islam.

Namun demikian, kita juga ingin menyebutkan bahawa setiap perkara yang kita ingin laksanakan haruslah bersesuaian dengan konteks dan senario semasa yang ada pada hari ini. Tindakan untuk menurunkan umur had siling belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun ialah merupakan satu langkah yang sesuai dengan keadaan yang berlaku di dalam situasi yang ada pada hari ini, yang mana seluruh peringkat antarabangsa mereka menerima bahawa had umur belia ini tidaklah sampai kepada umur 40 tahun.

Ketika lawatan-lawatan kita di peringkat antarabangsa dan kita menyebut- saya menyebut bahawa saya berumur 30-an tetapi masih dikira sebagai pemuda dan belia. Maka, kadang-kadang *statement* itu diketawakan kerana biasanya pada usia 35 tahun ke atas ini bukan lagi merupakan seorang pemuda dan bukan lagi merupakan seorang belia.

Namun, dalam masa yang sama, kita ingin menyatakan bahawa proses penurunan ini haruslah melalui satu proses yang terperinci di mana kita dimaklumkan bahawa tidak ada sebarang konsultasi di antara pihak Menteri dan mereka yang merupakan *stakeholder*, pemegang-pemegang taruh di dalam isu ini. Sepatutnya dan sewajarnya Menteri membuat rundingan-rundingan terlebih dahulu dengan mereka yang



terlibat dengan perkara ini. Contohnya Majlis Belia Malaysia yang juga merupakan rakan strategi utama Kementerian Belia dan Sukan.

Setakat manakah rundingan yang telah dibuat oleh Menteri dengan pihak-pihak seperti ini dan persatuan-persatuan belia yang lain, parti-parti politik yang mempunyai sayap yang merupakan sayap-sayap utama, mempunyai sayap-sayap pemuda di dalam parti mereka masing-masing. Sepatutnya rundingan ini perlu untuk dilakukan. Saya faham dan kita hormat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang ada pada hari ini. Saya kira di antara Yang Berhormat Menteri yang baik dan cukup berhemah di dalam berunding dengan kerajaan negeri, beliau datang ke Kelantan sendiri bertemu dengan Exco kami.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan. Yang Berhormat Pasir Mas, minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah satu eskapisme yang sedang dilakukan oleh Menteri Belia dan Sukan kerana beliau belum kahwin lagi, masih solo dan berumur 25 tahun [*Ketawa*] Bila kita turun daripada 40 tahun ke 30 tahun, *ratio* di sini masalah-masalah belia akan berpindah kepada kementerian mana, kita tidak tahu. Ini satu.

Kedua, kita tengok paling membimbangkan umur yang dibentangkan dalam media-media ataupun dalam media utama negara, 25 tahun ke 40 tahun adalah satu jumlah penceraian yang sangat besar kerana isunya proses kematangan menghadapi tekanan hidup. Jadi, yang ini juga merupakan satu eskapisme daripada Kementerian Belia dan Sukan yang belum kahwin, tidak ada anak dan tidak ada bini lagi untuk dilepaskan kepada kementerian lain. Saya minta komen isu penceraian.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Soal isu penceraian ini merupakan satu isu yang cukup serius juga. Saya minta dimasukkan di dalam ucapan saya yang merupakan satu indikator yang menunjukkan bahawa mereka yang berumur di bawah umur 40 tahun, mereka terpaksa memikul tanggungjawab untuk memikirkan banyak perkara sehingga dalam isu untuk mengemudi rumah tangga pun kadang-kadang ia menemui kegagalan.

Namun demikian, kita hendaklah menyerahkan isu ini kepada peribadi. Isu ini merupakan isu peribadi dan ia tidak perlu untuk dipolitikkan dan dipolemikkan. Setiap orang menghadapi krisis dan juga isu-isu tersendiri yang tidak perlu untuk dikongsi dengan orang lain. Soal eskapisme itu, saya tidak mahu untuk membuat sebarang

spekulasi. Cuma, kalaulah Yang Berhormat Menteri berkenan dengan orang Pasir Mas, saya boleh tolong kira-kirakan [*Ketawa*]

Seterusnya, kita mahu supaya proses konsultasi ini dapat berjalan dengan baik. Kita hormat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan datang ke Kelantan dan mengiktiraf Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Terengganu bertemu Exco melalui pintu yang sepatutnya. Hari ini Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) adalah merupakan mereka yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Justeru, saya kira tidak ada masalah. Sekiranya Yang Berhormat Menteri boleh merunding dengan kerajaan negeri, boleh berunding dengan EXCO kerajaan negeri yang daripada parti pembangkang, maka apakah salahnya untuk Yang Berhormat Menteri dapat berunding dengan persatuan-persatuan belia terlebih dahulu dan proses perundingan ini adalah merupakan satu proses rundingan yang sepatutnya matang, yang telah melalui proses kematangannya sendiri sehingga dapat kita umumkan, diturunkan kepada umur 30 tahun.

Kedua, ingin saya tekankan di sini bahawa ia adalah merupakan janji sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi. Janji yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri ketika ucapan Hari Belia Negara 2019 di UKM beberapa ketika lepas. Yang Berhormat Menteri telah memberikan janji bahawa umur belia daripada 15 tahun ke 35 tahun diturunkan kiranya kepada 35 tahun. Kita bukan menentang diturunkan kepada 30 tahun tetapi ini janji daripada Yang Berhormat Menteri sendiri hendak turunkan kepada 35 tahun. Janji ini telah diucapkan pada Hari Belia Negara yang lepas.

Kita ingin menyebutkan bahawa dengan apabila diturunkan daripada 30 tahun secara mendadak, apa yang akan berlaku adalah akan ada ruang kosong, vakum di dalam persatuan-persatuan belia. Ruang vakum ini akan menjadikan senario persatuan-persatuan belia yang mati pada hari ini akan lebih lagi tidak bergerak selepas daripada ini. Bayangkan dengan daripada pengerusi, setiausaha, bendahari dan sebagainya yang terdiri daripada mereka yang berumur dalam *rank* 30 tahun ke 40 tahun, maka persatuan belia itu akan diisi oleh orang-orang baharu yang masih belum lagi bersedia untuk memikul tonggak utama dalam persatuan mereka masing-masing. Kita tidak mahu kerajaan pada hari ini dilihat...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sikit Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Masih belia?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Masih belia [*Ketawa*] Yang Berhormat Pasir Mas, setujuakah Yang Berhormat Pasir Mas bahawa kita bukan menuntut janji tetapi kita meminta yang buat Yang Berhormat Menteri menepati janji. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri ini perjalanan politik dia masih panjang. Tidak tahu dan tidak ada *limitnya*. Kita ini sudah di hujung-hujung. Jadi, biar Yang Berhormat Menteri tepati janji. Jadi belia-belia di luar sana nampak berterima kasih dengan Yang Berhormat Menteri dan apa-apa aktiviti mereka hormati. Oleh sebab manusia yang dihormati, manusia yang menepati janji.

**Seorang Ahli:** ...Belia Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih belia daripada Kinabatangan. Terima kasih. Ya, itulah yang kita mahu utarakan iaitu supaya Yang Berhormat Menteri dapat menepati janji yang telah diucapkan di hadapan pemimpin-pemimpin belia iaitu turunkan hanya kepada 35 tahun. Ia bukan merupakan satu perkara yang sukar untuk dibuat. Hanya turunkan kepada umur 35 tahun dan *insya-Allah* kita akan melihat proses *smooth transition* daripada persatuan-persatuan belia yang meletakkan umur siling 40 tahun kepada umur 35 tahun. Letakkan sahaja mungkin kita setakat tahun 2023, tahun 2022 sebagai contoh dan *insya-Allah* kita akan lihat *smooth transition* ini berlaku.

Ketiga, saya ingin menyebut bahawa berkenaan dengan dana daripada Kementerian Belia dan Sukan. Apa mengikut maklumat yang telah kita peroleh, mengikut Akta Belia Negara sepatutnya KBS menyalurkan dana kepada persatuan-persatuan belia yang ada. Namun, sehingga ke hari ini selepas PRU Ke-14 yang lepas, bab persatuan-persatuan belia di peringkat kawasan dan di peringkat daerah, mereka telah kekeringan dana untuk mengurus persatuan mereka masing-masing. Mereka terpaksa mengeluarkan duit poket mereka dan hasilnya menyebabkan banyak persatuan belia yang mati dan tidak dapat melaksanakan aktiviti akibat daripada kekeringan dana ini. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya dapat melihat perkara ini dengan lebih serius.

Satu perkara yang saya ingin sebutkan di sini bahawa kita difahamkan bahawa KBS di dalam perancangan untuk menubuhkan apa yang disebutkan sebagai *Youth Power Club* (YPC) di peringkat daerah dan di peringkat Parlimen. Adakah ia merupakan

suatu helah untuk menyalurkan dana kerajaan kepada parti-parti politik tertentu? Ini boleh menjadi persepsi di kalangan rakyat kerana di peringkat daerah, di peringkat kawasan, kita mempunyai majlis belia, persatuan-persatuan belia, kelab-kelab belia, jabatan-jabatan belia. Di kawasan saya Jabatan Belia dan Sukan, mereka merungut tidak mempunyai dana untuk melaksanakan aktiviti. Kenapa tidak diperkasakan Jabatan Belia ini? Kenapa tidak diperkasakan majlis-majlis belia ini yang ada di peringkat kawasan daripada menubuhkan apa yang disebut sebagai YPC.

Kalau sekiranya perkara ini benar, saya mahu supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat memberikan dan membuat satu ulang kaji mengulang, memikirkan semula dan mempertimbangkan semula penubuhan ini. Kalau ianya ditubuhkan juga, maka janganlah ditinggalkan Ahli-ahli Parlimen, khususnya pembangkang yang berada di kawasan mereka masing-masing. Hendaklah turut disertakan dalam runding cara untuk membuat langkah-langkah seperti ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PAS melihat akan mempertimbangkan dahulu untuk menolak, menyokong ataupun berkecuali dalam isu ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan sambung semula selepas waktu rehat yang akan dimulakan dengan Yang Berhormat Bukit Bendera. Majlis berhenti rehat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya ingin memaklumkan kalau boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Kepada Yang Berhormat untuk turut hadir bersama sesi dialog di bawah. Ini berkenaan yang dibincangkan hari ini dan juga isu Undi 18. Persoalan-persoalan yang panas boleh lebih rapat dibincangkan di bawah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis disambung semula dengan perbahasan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera. Masa 15 minit, sila.

**2.32 ptg.**

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyertai perbahasan pindaan terhadap Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada anak-anak muda kita yang lahir mungkin barangkali selepas 1990-an yang berumur kurang daripada 30 tahun. Ini kerana melalui rang undang-undang ini, mereka diberi mandat, diempower untuk menjadi pemimpin dalam persatuan-persatuan belia yang didaftarkan di bawah *Registration of Youth*, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Ini kerana sebelum ini, mereka kena tunggu *seniors* mereka sampai usia lanjut 40 tahun, baru mereka boleh menjadi pengerusi belia. Sekarang kurang daripada 30 tahun, mereka dapat menjawat jawatan penting dalam pertubuhan belia. Oleh itu, itu satu lonjakan yang cantik, yang baik.

Kalau kita, kawan-kawan kita yang ada menyertai *World Youth Congress* atau *World Youth Organization*, persidangan-persidangan antarabangsa berkenaan anak-anak muda. Delegasi Malaysia antara spesies tertua dalam *World Youth Congress* ini kerana pemuda-pemuda dari *Europe* yang rata-rata sangat muda yang menyertai *World Youth Congress*. Di *United Nations* atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, terdapat satu klasifikasi *youth* dalam jangkaan umur 15 tahun sampai 24 tahun sahaja. Oleh itu di *Europe* dan juga di tempat-tempat lain, anak-anak muda betul-betul anak-anak muda.

Delegasi Malaysia mungkin dalam masa 20 tahun ke 30 tahun lalu, ada pula yang hantar yang sangat berumur sampai 50 tahun pun kena hantar ke *Youth Congress*. Sampai rambut pun tidak ada, perut buncit, rambut tinggal beberapa tetapi menyertai *World Youth Congress*. Akan tetapi melalui rang undang-undang ini, kita memberikan satu lonjakan supaya anak-anak muda kita betul-betul anak-anak muda.

Kalau di Afrika, *African Convention*, anak-anak muda atau *youth* ditakrifkan sebagai antara 15 tahun sampai 35 tahun. Di negara jiran kita Singapura, 15 tahun sampai 35 tahun. Oleh itu, kita sekarang akan lebih maju daripada Singapura kerana sebelum ini, semalam saya kata *Trademark Law*. Saya bangkit untuk berdebat tentang Akta Cap Dagangan, kita ketinggalan di belakang. Singapura dalam *Trademark Law*, pertama tetapi Malaysia kesembilan. Sekarang kita mengatasi Singapura. Ya, 15 tahun sampai 35 tahun.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, boleh celahan?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Nanti saya bagi, sebab ini mukadimah sahaja. Oleh itu kita lebih *advance* sekali dengan klasifikasi usia yang baru ini. Dengan ini, saya rasa anak muda yang kurang daripada 30 tahun ada peluang untuk menjadi penjawat awam.

Di bawah akta ini saya ambil maklum, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 adalah satu usaha supaya sumber daripada kerajaan, daripada Kementerian Belia dan Sukan boleh disalurkan kepada persatuan-persatuan yang betul-betul dapat menggambarkan tenaga yang muda, *target resources* kerana sebelum ini kalau *resources* pergi kepada persatuan-persatuan yang agak lanjut dalam usianya, lepas 35 tahun atau 30 tahun ke atas, maka sebenarnya dia tidak tersasar.

Oleh itu kita menyasarkan kepada 15 tahun hingga 35 tahun kerana dalam kategori ini, mereka barangkali baru keluar dari sekolah dan universiti tetapi mereka kurang daripada segi sumber ekonomi. Saya rasa kita *target* kepada kumpulan ini supaya sasaran ini kita dapat *outcome* yang lebih baik.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, celahan sikit. Takut sudah lepas.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Celahan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Silakan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Bagi pada saya kah Jelutong?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Apakah pandangan Yang Berhormat di mana tentang perkara ini kita lihat, sebelum ini kerajaan

yang dahulu menyalurkan dana kepada pertubuhan-pertubuhan yang kononnya memberi ruang untuk aktiviti-aktiviti belia tetapi sebenarnya aktiviti-aktiviti itu tersasar dan ia lebih bertumpu kepada pertubuhan-pertubuhan yang menggalakkan aktiviti politik.

Semuanya hanya menyokong Barisan Nasional sahaja dan aktiviti-aktiviti itu tidak membawa sebarang faedah kepada rakyat jelata. Pada masa yang sama, ia juga merupakan aktiviti yang memecahbelahkan rakyat, yang tidak menyatupadukan rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang cadangan supaya kita menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti yang benar-benar memberi manfaat kepada aktiviti belia dan tidaklah merupakan aktiviti berpaksikan politik? Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, sambung sikit.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya jawab dulu kerana Yang Berhormat Jelutong sudah bangkitkan satu isu yang menarik. Saya setuju dengan *observation* ataupun apa Yang Berhormat Jelutong komen tadi. Saya rasa Kementerian Belia dan Sukan perlu betul-betul dalam pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini menyalurkan saluran kepada golongan yang betul. Sebelum ini kita melaksanakan Akta Latihan Khidmat Negara- *National Service*, tetapi kita semua tahu bahawa *target group* sudah silap dan juga tiada *outcome* yang konkrit dan positif dan sumber-sumber kerajaan perlu disasarkan kepada golongan yang tepat.

Kalau mereka yang sudah bekerja, yang sudah boleh berdikari, mereka orang dewasa, boleh menyertai juga persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah *Registry of Societies*. Tiada halangan dalam rang undang-undang ini untuk mana-mana golongan untuk menubuhkan apa-apa persatuan di bawah *Registry of Societies*. Satu perundangan lain yang tiada halangan untuk alumni-alumni pemuda untuk menubuhkan persatuan alumni pemuda untuk mereka yang melepasi umur 30 tahun di bawah *Registry of Societies*.

■1440

Mereka boleh juga bergerak sebagai persatuan dan sebagainya, malah mereka boleh menambahkan persatuan pemuda di bawah ROS. Tidak ada halangan kerana yang ini terhad kepada mereka yang di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Ia tidak ada pindaan terhadap Akta Pertubuhan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, pencilahan sekejap.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Silakan Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya, adakah kalau kita kekalkan umur belia kepada 40 tahun, adakah itu akan jadi satu halangan kepada Kerajaan Pakatan Harapan untuk membangunkan belia supaya mereka boleh ambil tugas yang penting dalam semua lapisan masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya rasa kalau mereka yang berumur 40 tahun itu, umur melebihi 30 tahun sebenarnya mereka sudah memasuki arus perdana. Mereka sudah *mainstream*. Mereka sebenarnya memberi peluang kepada mereka menyertai *mainstream*. Kalau mereka berumur 31 tahun, mereka boleh *mainstream*. Mereka tidak terhalang dalam kategori ataupun kelompok pemuda. *They are in the mainstream already*.

So, kita mengangkat dua generasi. Generasi bawah 30 tahun kita angkat mereka jadi pemimpin-pemimpin belia. Kita menjemput mereka yang berumur 30 tahun menyertai *mainstream*, arus perdana yang lebih besar, lapangan yang lebih besar dengan arena yang lebih besar *The whole world is yours*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Oleh itu jangan kecil hati mereka yang berumur 30 tahun ke atas jangan kecil hati. *You are in the mainstream*. Kita tidak kategori sebagai pemuda tetapi kerana kamu sudah dalam arus perdana. Begitu besar, luas lingkup dan sebagainya. Saya jemput Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Ya Yang Berhormat Bukit Bendera setuju atau tidak sebenarnya pindaan ini telah beberapa kali dibangkitkan dalam kerajaan dahulu juga. Akan tetapi tidak diluluskan. Ini kerana cuma ada iltizam politik dengan izin, *political will* yang cukup untuk jalankan ini iaitu kalau kita hendak memberdayakan dan juga *empower* dengan izin, ataupun menggalakkan golongan anak muda yang betul-betul belia untuk jadi pemimpin negara kita, masa depan akan datang ini kita seharusnya luluskan pindaan ini hari ini. Setuju atau tidak?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sedikit sahaja. Saya juga setuju dengan cadangan ini kerana kita tidak mahu pemuda-pemuda sekarang tersasar dan terpengaruh dengan elemen-elemen yang negatif di luar sana. Ini seperti elemen-



elemen watak ini 'bossku'. 'Bossku' yang membawa malapetaka kepada negara ini tidak boleh dibenarkan untuk mempengaruhi pemuda-pemuda sekarang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pandangan ini agak kepala bapak.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Kepala bapak kamu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kepala bapak kamulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah. Teruskan. [Disampuk] Dua-dua belah pihak.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Oleh itu seperti dalam huraian pindaan akta ini iaitu selaras dengan piawaian antarabangsa memberikan peluang kepada anak-anak muda untuk menjawat jawatan penting dalam persatuan pemuda dan memberikan peluang kepada anak-anak muda yang melebihi 30 tahun menyertai arus perdana, *mainstream*.

Saya juga ambil maklum bahawa di bawah pindaan ini tidak ada perubahan dari segi umur minimum 15 tahun boleh menyertai persatuan. Ini selaras dengan *Children and Young Persons (Employment) Act* yang kita telah luluskan penggal lalu, apabila kita menetapkan umur bekerja sebagai *young person*, sebagai 15 tahun. Oleh itu 15 tahun boleh menyertai persatuan walaupun hanya boleh menjawat jawatan penting apabila mencapai umur majoriti 18 tahun. Silakan Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tentang isu ini saya ada sedikit pandangan berbeza dengan Yang Berhormat iaitu tentang golongan umur 15 tahun hingga 17 tahun tidak dapat memegang jawatan dalam pertubuhan belia adalah tidak masuk akal bagi saya. Ini kerana mereka boleh sertai aktiviti-aktiviti alam pertubuhan tetapi tidak dapat undi dan juga dipilih sebagai pemimpin.

Kalau kita lihat pada pemimpin muda, belia dekat luar negara. Contohnya, Joshua Wong yang mengasaskan *Scholarism* di Hong Kong. Dia jadi pemimpin dan mengetuai aktivis pelajar ketika dia berumur 14 tahun sahaja dan orang yang lebih senior daripada dia iaitu 18 tahun ataupun mahasiswa-mahasiswa ketika itu pun tidak dapat bersaing dengan idea dia. Dia seseorang yang jadi ikon pelajar pada ketika itu. Bagi saya pindaan ini baik tetapi khasnya tentang pindaan ini yang mengehadkan penyertaan golongan belia khasnya untuk umur 15 tahun ke 17 tahun tidak dapat dipilih dan tidak memegang jawatan adalah tidak rasional. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, saya tidak memikirkan aspek ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh. Masukkan sebahagian ucapan saya dan Yang Berhormat Menteri boleh menjawab kemudian.

Selain daripada rang undang-undang yang kita bicara pada hari ini Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, saya turut ingin mencadangkan *reform* dalam segi legislatif yang kita sedia maklum bahawa ada *proposal* untuk meminda had umur pengundi daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun yang bakal dibentangkan.

Saya ada cadangan tambahan juga. Umur Ahli Dewan Negara, Senator kita buat masa ini 30 tahun. Ini telah *create*, mencipta satu persepsi bahawa Dewan Negara mesti orang berumur. Ini kerana kita hadkan sekurang-kurangnya 30 tahun. Barangkali sampai masanya kita juga perlu melihat kepada aspek ini supaya Ahli-ahli Senator sama umur dengan Ahli Dewan Rakyat.

Ini kerana kita tidak mahu persepsi bahawa Ahli Dewan Negara mesti semua orang senior. Saya rasa belia juga boleh dilantik sebagai senator mewakili suara belia dan mereka juga *of cause* boleh juga menyertai pilihan raya, dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana mengambil langkah yang berani dan saya percaya langkah ini betul. Selamat maju jaya kepada anak-anak muda dan juga kepada yang berumur lebih 30 tahun, selamat menyertai arus perdana. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput seorang lagi Ahli Parlimen belia, Yang Berhormat Sibuti. Sila 15 minit.

**2.48 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan berkenaan tentang pindaan Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 ataupun dikenali sebagai Akta 668.

Saya mendengar dengan teliti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan kami daripada rakan-rakan GPS bukan hanya sekadar memanggil dalam taklimat tetapi beliau sendiri naik ke tingkat 13 dan bertemu dengan rakan-rakan GPS dan mentor beliau sekali.

Ini adalah satu perkembangan yang baik. Saya juga ingin bercakap dalam konteks negeri Sarawak. Perkembangan belia di negeri Sarawak agak sedikit berlainan kerana jurang perbezaan belia bandar ataupun belia *urban* berbeza dengan

perkembangan belia di luar bandar. Juga kami di negeri Sarawak mempunyai satu pergerakan belia yang dikenali sebagai SABERKAS yang juga sekarang masih lagi menggunakan pendekatan yang sangat berbeza berkenaan tentang had umur yang memimpin SABERKAS di Sarawak.

Walaupun demikian, semasa saya berusia di bawah 30 tahun, saya juga sering bercakap bahawa kepimpinan belia di mana-mana persatuan haruslah diketuai oleh belia semasa. Setelah meningkat usia dan juga sekarang telah berusia lebih 35 tahun, saya merasakan perkembangan belia kami di Sarawak memang jauh ketinggalan dengan belia di Kuala Lumpur ataupun di Semenanjung Malaysia.

#### ■1450

Ini saya melihat kerana di negeri Sarawak juga mempunyai persatuan-persatuan belia di kalangan persatuan bersifat kebangsaan ataupun persatuan-persatuan yang seperti persatuan Melayu, persatuan Dayak, persatuan Kedayan, persatuan Melanau yang mempunyai sayap-sayap belia mereka masing-masing. Saya juga melihat komposisi ataupun keahlian belia di dalam persatuan ini memang agak kurang di kalangan belia yang berusia 15 sehingga 30 tahun. Kebanyakan yang mula-mula untuk berjinak di dalam persatuan kebanyakannya adalah lepasan-lepasan sekolah, lepasan universiti yang mereka merasakan mereka telah bersedia untuk memegang tanggungjawab dan juga menyertai persatuan.

Selain daripada itu, saya melihat satu kerisauan di mana penutupan persatuan-persatuan belia yang berdaftar di bawah ROY sangat banyak. Perkara ini berlaku di negeri Sarawak dan juga kita mesti mengambil berat bahawa persatuan-persatuan belia kebanyakannya ditubuhkan berdasarkan sentimen semasa ataupun *trending*. Contohnya, belia-belia yang berminat nak bermain *roller-skate*, tiba-tiba mereka nak tubuhkan persatuan dan juga bersifat semasa. Oleh sebab itu, kebanyakan persatuan-persatuan belia ini mati dan juga berjalan separuh jalan sahaja. Persoalan yang saya lihat adalah *how old is old enough* berkenaan tentang isu penurunan had umur belia. Oleh kerana sudah pasti kita berbicara berkenaan tentang berapakah had umur yang sesuai dan juga matang dari segi mental dan juga spiritual untuk mengetuai sesebuah persatuan atau kelab-kelab belia.

Selain daripada itu juga, isu yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan tentang sekiranya kita mentakrifkan had umur belia daripada 18 ke 30 tahun, adakah ini akan memberi kesan kepada program-program ataupun geran yang khusus kepada belia? Kebanyakan geran seperti Geran Agropreneur Muda 2019 yang mempunyai

syarat 18 sehingga 40 tahun. Adakah kerajaan akan menyelaraskan sekiranya geran belia adalah hanya khusus untuk 30 tahun ke bawah?

Saya juga bersetuju dengan pandangan salah seorang Ahli Parlimen pagi tadi yang menyatakan bahawa kadang-kadang saya sendiri sebagai Ahli Parlimen tidak mengetahui berapa banyak kah persatuan-persatuan belia yang terdapat di kawasan Sibuti ataupun di dalam negeri Sarawak. Sekiranya saya mendapat senarai daripada ROY, daripada KBS, kebanyakan persatuan-persatuan ini tidak dapat dihubungi.

Selain daripada itu, di dalam konteks negeri Sarawak, kita mempunyai kawasan pedalaman dan juga memang ada wujud kesedaran remaja ataupun belia-belia menubuhkan persatuan ataupun kelab di kawasan pedalaman. Komposisi belia di kawasan pedalaman ataupun luar bandar pada masa kini, apa yang berlaku di Sarawak adalah kelompok dan juga golongan belia ini lebih banyak di kawasan pekan-pekan ataupun di kawasan bandar raya ataupun kawasan bandar.

Manakala belia di luar bandar kebanyakannya berusia dalam julat 25 ke 35 tahun. Maka, kita kena lihat kewajaran ataupun peralihan daripada 40 kepada 30 tahun ini perlu dilihat daripada sudut konteks luar bandar. Ini adalah permintaan saya supaya Yang Berhormat Menteri dapat turun padang, turun ke Sarawak. Saya mendapat berita bahawa Yang Berhormat Menteri akan turun ke Kapit dan juga saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana mereka ingin melihat Menteri muda datang sendiri dan merasai kepayahan menjadi seorang belia di kawasan pedalaman.

Selain daripada itu, kalau dalam konteks Sarawak, SABERKAS mempunyai komposisi pemimpin belia 30 peratus berusia 45 ke 50 tahun. Perkara ini kadang-kadang menjadi isu di kalangan belia. Walaupun demikian, kita tidak sewenang-wenangnya menghalang mana-mana pemimpin belia yang masih lagi ingin bersama di dalam gerakan belia. Kita menempatkan mereka sebagai mentor ataupun sebagai penasihat kepada persatuan belia tersebut.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sibuti, celahan sedikit.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Okey.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman akta ini. Waktu penggubalan awal dibuat, antara pertubuhan belia yang menolak adalah SABERKAS. SABERKAS negeri Sarawak tidak menerima akta ini. Apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat tadi, apakah itu bermaksud bahawa Yang Berhormat bersetuju supaya SABERKAS menerima dan bersetuju dan menyertai

dan meletakkan organisasi belia SABERKAS di bawah akta ini? Saya hendak tanya pandangan.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih. Sememangnya sekiranya elok Sarawak menyertai akta ini. Akan tetapi kita mempunyai formula sendiri kerana kita melihat komposisi kaum, komposisi belianya agak berbeza. Jarak pemikiran belia kami dan juga belia nasional pun agak sedikit berlainan. Kita perlahan-lahan menyertai pemikiran belia nasional. SABERKAS kini sedang melakukan reformasi dan juga *restructuring* dari segi pengisian pemimpin-pemimpin belia di dalam SABERKAS, di mana kita menekankan bahawa 70 peratus belia haruslah daripada kalangan 40 tahun. Saya juga akan membawa sendiri perkara ini kepada pemimpin-pemimpin belia di SABERKAS agar cuba untuk menerima penurunan had umur ini.

Walaupun demikian, adalah saya pasti mereka dapat menerima tetapi secara bersyarat. Oleh kerana kita mestilah melakukan peralihan ini secara teratur, berhemah. Mungkin Sarawak akan perlahan-lahanlah akan mengikuti menurun daripada had 40 kepada 35 tahun. Kita akan berusaha kerana saya lihat belia, contohnya belia Penan tidak kira usianya 15, 18, 30 atau 40 tahun, mereka masih lagi ketinggalan. Setelah mereka sedar bahawa ada satu gerakan belia...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Setelah mereka menyertai, umur mereka dah lanjut. Walaupun demikian kita kena menerima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Beluran minta mencelah.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** ...Ini satu kaum yang minoriti.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Sibuti, Beluran. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Inisiatif kementerian untuk menurunkan had umur belia ini merupakan satu inisiatif yang perlu disokong. Akan tetapi pengalaman kita di luar bandar, banyak persatuan belia di luar bandar ini walaupun dipimpin oleh yang berumur 40 tahun ke bawah lazimnya ataupun yang sekarang ini akan turun kepada rendah daripada 30 tahun ke bawah, memerlukan suntikan, bantuan dan juga sokongan daripada kerajaan.

Lazimnya, banyak persatuan belia di luar bandar ini yang tidak berkesempatan untuk mendapatkan dana daripada kementerian-kementerian yang ada dana untuk luar bandar. Oleh kerana *concentration*, tumpuan hanya diberi kepada persatuan-persatuan belia di peringkat negeri, di peringkat daerah. Akan tetapi di luar bandar, umpamanya di

peringkat kampung lebih kerap daripada tidak, tidak akan mendapat sokongan atau dana daripada kerajaan.

Adakah Yang Berhormat melihat bahawa ini merupakan satu inisiatif baru yang perlu diambil oleh kementerian untuk menyamaratakan bantuan, dana dan sokongan daripada kerajaan sehingga ke peringkat akar umbi? Barulah kita akan melihat bahawa semua persatuan belia baik di peringkat negeri, peringkat daerah, termasuk persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi akan mendapat tempias kebaikan daripada kerajaan yang ada.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Beluran dan juga saya ingin masukkan ucapan beliau ke dalam ucapan saya. Sememangnya saya akui gerakan belia di kawasan luar bandar agak jauh ketinggalan dan juga mendapat maklumat. Ini saya melihat daripada konteks struktur KBS sendiri di negeri Sarawak. Saya telah membangkitkan perkara tersebut dalam ucapan ataupun perbahasan saya yang lepas berkenaan tentang sebagai contoh saya ambil bahagian Miri. KBS hanya mempunyai satu pejabat yang terletak di RTC, manakala struktur pentadbiran di negeri Sarawak menggunakan daerah.

Di bahagian Miri, kita mempunyai beberapa daerah, contohnya Daerah Subis di kawasan Sibuti. Ada kawasan daerah kecil Niah, ada kawasan daerah di Marudi di kawasan Baram, terdapat dua tiga lagi daerah di sekitar hanya menggunakan di bawah bahagian Miri. Di situ saya melihat kementerian perlu melihat dan juga menempatkan pegawai-pegawai KBS di daerah-daerah tersebut ataupun meletakkan pegawai-pegawai KBS mengikut struktur Parlimen.

■1500

Ini adalah sangat penting kerana kita melihat banyak sangat maklumat berkenaan tentang aktiviti-aktiviti belia ketinggalan memang tidak sampai. Contohnya kalau di kawasan Baram, memang belia di sana sangat susah untuk mendapatkan maklumat dan juga mereka perlu berjalan dengan jauh untuk sampai ke Bandaraya Miri hanya semata-mata untuk berjumpa dengan ..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Pegawai Belia dan Sukan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bagi sedikit pandangan dan apakah pandangan Yang Berhormat Sibuti. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Beluran tadi ...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Selain daripada faktor-faktor peruntukan kepada pengerusi-pengerusi belia yang berumur 30 tahun ini, kita harus ingat bahawa badan gabungan di bawah Majlis Belia Daerah kerana Sibuti dengan Jelebu lebih kurang, kita kawasan luar bandar.

Pemimpin-pemimpin belia daripada gabungan GPMS umpamanya, daripada Pengakap umpamanya dan gabungan-gabungan seumpama ini kita kekurangan pemimpin belia yang berumur bawah 30 tahun. Jadi bagaimana kita hendak mengatasi masalah untuk mengisi keperluan kepada perjawatan badan gabungan ini terutamanya di kawasan luar bandar. Satu perkara lagi yang kita harus ingat ialah pegawai-pegawai belia KBS bersedia atau tidak untuk memastikan pegawai-pegawai belia daerah ini mestilah bawah 30 tahun.

Ini faktor penting, kalau pegawai belia yang berumur 56 tahun umpamanya ataupun 50 tahun mana mungkin pegawai belia yang berumur terlebih tinggi nak *adapt* budaya itu di dalam pemimpin belia yang berumur 30 tahun. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Setuju dengan Yang Berhormat Jelebu, saya pun hendak ingin menyatakan bahawa sekiranya kita ingin menurunkan had umur pegawai-pegawai KBS pun mestilah merupakan pegawai muda ataupun pegawai yang memahami keinginan dan juga keperluan belia-belia semasa dan juga selain daripada itu untuk menjayakan penerimaan masyarakat ataupun pemimpin-pemimpin yang telah lanjut usia untuk menerima penurunan had umur ini adalah perlunya satu pendidikan. Bukan hanya setakat mendidik belia untuk menyertai persatuan tetapi mendidik pemimpin-pemimpin yang pernah memimpin persatuan belia untuk menerima dan juga mempunyai satu proses *grooming* belia-belia tertentu untuk mengambil alih persatuan-persatuan belia.

Saya ingin menutup perbincangan saya ini dan juga saya merasakan ini adalah satu *moving forward policy* yang perlu kita ambil dan juga kita perlu mencabar diri kita untuk menerima sesuatu perkara yang baharu. Saya juga berharap agar mana-mana badan belia dapat berunding dan duduk bersama semula dengan Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan agar proses perolehan ini tidak menjejaskan ataupun menimbulkan kemarahan kepada pemegang jawatan pada masa sekarang.

Itu sahaja daripada Sibuti, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar, 15 minit.

**3.03 ptg.**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Saya ingin mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas usul pindaan yang di bawa kepada rang undang-undang ini.

Meskipun ada yang berpendapat kata tindakan ini sebagai tergesa-gesa, bagi saya ia sebenarnya telah lewat kerana kegagalan pentadbiran lalu yang mungkin tidak memiliki iltizam politik yang cukup untuk melakukan hal ini dengan lebih cepat. Mengapa saya katakan ia tidak lewat kerana apa yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dalam melalui usul pindaan ini bukanlah perkara baharu.

Kalau kita rujuk semula kepada laporan media sempena Hari Belia pada tahun 2015, Mantan Perdana Menteri pada waktu itu iaitu Yang Berhormat Pekan sendiri sebenarnya telah mengumumkan satu dasar belia yang baharu bagi menggantikan akta yang lama, yang digubal pada tahun 1997, yang mana antara inti pati penting dalam dasar belia yang diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan pada waktu itu ialah untuk menurunkan had usia belia antara 15 hingga 30 tahun.

Jadi kita hairan dengan kawan-kawan kita di sebelah sana seolah-olah benda ini macam baharu dan tergesa-gesa sedangkan dalam pengumuman dasar belia yang pada waktu tahun 2015, mengatakan ia akan bermula pada tahun 2018, maksud ia sudah tiga tahun sudah bagi. Ini Yang Berhormat Menteri bagi lagi diskaun dua tahun lagilah baru dikuatkuasakan sepenuhnya. Jadi tidak timbul isu tergesa-gesa atau tergopoh-gapah dalam hal ini. Kalau hendak ikutkan kawan-kawan kita di sebelah sana yang mana yang habis universiti pun kadang-kadang mereka juga masih hendak tubuh satu persatuan hendak kawal mahasiswa universiti. Jadi sama juga dengan persatuan belia, sudah habis tempoh jadi belia pun masih juga hendak cuba kawal persatuan belia.

Saya ingat lebih 10 tahun dulu, kali pertama saya diberi peluang untuk mewakili delegasi Malaysia dalam satu Program Pembangunan Belia Serantau, saya sangat teruja apabila kawan-kawan daripada negara-negara serantau ini yang mewakili mereka adalah semua muda-muda belaka yang menurut mereka had usia belia di negara mereka bawah 35 tahun, bawah 30 tahun.



Jadi, umum maklum dalam pentadbiran yang terdahulu sebelum-sebelum ini kita pernah dengar yang mewakili Malaysia di pentas antarabangsa, di pentas serantau ada pemimpin yang berusia lebih setengah abad pun jadi wakil belia. Jadi kita pun hairan kenapa pada waktu itu tidak ada rasa canggung, tidak ada rasa bersalah bahawa itu adalah satu petunjuk bahawa kita gagal. Pada waktu itu lagi kita telah gagal untuk menyediakan pelapis kepada kepimpinan belia.

Lebih buruk lagi mereka ini yang tidak mahu melepaskan jawatan adalah juga terdiri daripada orang-orang politik yang pasti mahu tidak mahu bertujuan untuk mengawal pengaruh belia terhadap diri mereka. Dengan kekuatan jaringan kekuasaan dan juga kewangan, akhirnya belia terpaksa 'akur' kepada kehendak politik mereka. Kalau ada sekalipun suara yang berbeza, ia mungkin dipendam ataupun diluahkan di belakang tabir. Jika ada yang berani sedikit pun nanti mungkin akan diminta untuk menyuarakan mengikut saluran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri serta rakan-rakan Ahli Parlimen sekalian, saya percaya potensi belia ini diakui oleh kita semua baik di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang. Malah ramai di kalangan kita di sini- di kedua-dua belah posisi sebenarnya adalah bekas pemimpin belia dan tentunya mempunyai pengalaman kepimpinan yang unik semasa era masing-masing. Jadi saya percaya...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Minta laluan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya percaya dan kita mahu lahirkan pemimpin belia yang unggul...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Minta laluan. Yang Berhormat Kangar bagilah sikit Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Bukan pemimpin belia yang unggul...  
*[Tepuk]*

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita mahu lahirkan pemimpin belia yang cerdas bukan pemimpin belia pembodek dan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar, jangan emosi sangat Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ini yang tidak unggul, tidak unggul.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Baik-baik. Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita mahu lahirkan ialah pemimpin belia yang berbakat bukan pemimpin belia yang berkarat dan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita mahu lahirkan ialah pemimpin belia yang hebat bukan pemimpin belia musibat dan kita mahu lahirkan pemimpin belia bermutu bukan pemimpin belia yang beku... *[Tepuk]*

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Kangar, boleh bagi laluan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Justeru itu kita pasti sedar, sekejap lagi saya bagi.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Kangar boleh Yang Berhormat Kangar?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Justeru itu kita pasti sedar...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Justeru itu kita pasti sedar bahawa ada penambahbaikan perlu dibuat bagi mengatasi persoalan-persoalan pembangunan belia di negara ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Diamlah Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Kangar boleh Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Jelutong, boleh tidak Yang Berhormat Jelutong?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Akan tetapi kita bukan tidak biasa mendengar belia sering dikaitkan dengan istilah-istilah seperti dengan izin, *angry young man*, ejen perubahan, bersikap idealistik, kurang berpengalaman dan pelbagai lagilah istilah yang mana ada yang konotasinya bersifat positif ada yang juga tidak kurang meremehkan golongan ini.

Ada yang suka membanding belia dulu dan masa kini. Tadi pun saya ada dengar minta maaf, Yang Berhormat Pasir Gudang membandingkan tahun era 1950-an dan juga zaman sekarang. Saya percaya zaman berubah, cabaran berubah meskipun ada ketikanya kita mahu suara dan peranan belia lebih kedengaran namun bukanlah bererti mereka tidak cuba melakukan sesuatu pada zaman yang berbeza.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Kangar boleh laluan?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dalam sesetengah kes tidak keterlaluan jika dikatakan generasi abang-abang inilah juga antara punca yang menyebabkan penggerakan-penggerakan belia lesu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar, sikit.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Aduh [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besarlah kawan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang sabar Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ini sebab baru balik sekali ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Cepat, cepat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kangar berkaitan saya nyatakan seperti mana Yang Berhormat Kangar katakan kita melihat di sebelah blok pembangkang ini ia agak tergesa-gesa dan tergopoh-gapah. Cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Kangar, mengapa Kementerian Belia dan Sukan tidak membuat rundingan terakhir dengan Majlis Belia Malaysia (MBM). Itu yang pertama.

Kedua, adakah Yang Berhormat Kangar bersetuju dengan dana pentadbiran yang dahulunya pernah diberi pada zaman Barisan Nasional kepada MBM dan disalurkan kepada Majlis Belia Daerah Negeri Kebangsaan RM40 ribu di peringkat daerah, RM80 ribu di peringkat negeri dan kebangsaan RM100 ribu. Manakala MBM *itself* dekat peringkat *national* RM1.5 juta tapi belum disalurkan kepada mereka ini. Dana pentadbiran ini tidak diberikan. Adakah KBS memandang MBM ini tidak penting?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sekejap lagi saya bagi. Sekejap lagi saya bagi saya jawab dulu Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey, Setiawangsa tidak boleh?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Nanti, nanti sekejap lagi. Untuk soalan yang kedua Yang Berhormat Paya Besar itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri lah untuk jawab sebab ia berkaitan dengan perbelanjaan kementerian. Untuk soalan yang pertama tadi, tentang rundingan kepada MBM. Tadi saya sudah sebut, apabila dahulu Yang Berhormat Pekan sudah umum maksudnya tidak timbul lagi soal rundingan.

■1510

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri jumpa ini hanyalah memperbaharui komitmen yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan dulu.

**Seorang Ahli:** ...Betul, betul, betul.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Bagi saya tidak patut kita kata Yang Berhormat Menteri tidak berunding sebab Yang Berhormat Pekan dulu sudah umumkan akan dilaksanakan pada tahun 2018.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sekarang sudah 2019...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar tahu tidak apa yang berlaku, Yang Berhormat Kangar?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Dia tidak tahulah. *You all* rasa?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Apa yang...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar tahu tidak? Yang Berhormat Kangar tidak buat *research*.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, tidak apa, ini *floor* saya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kangar tidak buat *research*. Yang Berhormat Menteri tidak jumpa.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, ini *floor* saya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Itu sebab saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Kangar, saya hendak perbetulkan Yang Berhormat Kangar. Saya hendak tolong kawan-kawan saya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya pun ada kawan-kawan. Saya pun ada kawan-kawan lain MBM. Tidak apa. Sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya perbetulkan Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar jangan tersilap.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya pun dimaklumkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sebab mereka tidak berjumpa...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, Yang Berhormat Paya Besar duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini perkara yang disebut.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, Yang Berhormat Paya Besar duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini perkara yang disebut.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Duduk, duduk. Ini *floor* saya. Tidak apa, duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Setuju atau tidak setuju...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau, Arau, Arau.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, nanti...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dana pentadbiran perlu diberikan? Tidak akan itu pun tidak reti hendak jawab Yang Berhormat Kangar?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa duduk, duduk. Selaras...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan cara ini kita hendak dengar siapa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Ya, Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang adalah *floor* Yang Berhormat Kangar. Mengikut peraturan tetap Perkara 37, jika Yang Berhormat memberi laluan, baru kita Pengerusi bagi kebenaran baru boleh berucap.

**Seorang Ahli:** ...Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat Kangar teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Kangar. Arau...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya bagi Yang Berhormat Lenggong seminit...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Setiawangsa seminit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau, Arau, Arau.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar, saya hendak kongsi maklumat. Kalau dari segi pengalaman, MBM lebih berpengalaman daripada KBS kerana MBM ditubuhkan tahun 1948. MBM lah yang mencadangkan penubuhan Kementerian Belia dan Sukan, itu satu.

Kalau Yang Berhormat sebutkan tadi kata pergi ke mana-mana forum antarabangsa memang usia generasi muda yang mewakili negara-negara berkenaan ada 16 tahun, 17 tahun. Betul! Akan tetapi, ada sesetengah negara, dia tidak mendapat pengiktirafan sebagaimana yang Malaysia buat. Ini kerana tidak ada banyak negara sebagaimana Malaysia yang telah mewujudkan akta sebagaimana yang ada dalam negara ini. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Itu pengiktirafan yang dibuat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** ...oleh Kerajaan Malaysia dulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya bagi dekat Yang Berhormat Setiawangsa pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat Setiawangsa.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey, soalan saya mudah Yang Berhormat Kangar. Soalan saya adalah apabila kita bercakap tentang transisi ya, umur tersebut. Kalau kita melihat pengalaman yang pernah kita lalui misalnya. Kita sama-sama dalam Parti Keadilan dulu dalam Angkatan Muda Keadilan, kita turunkan daripada 40 tahun kepada 35 tahun. Timbul penentangan yang sangat besar ketika perlembagaan parti hendak dipinda.

Akan tetapi ia tidak menimbulkan masalah selepas itu apabila kita melihat hari ini pun ramai anggota Parlimen daripada Keadilan dari kalangan mereka yang sama ada AMK ataupun mantan AMK pada usia yang 40 tahun atau 45 tahun ke bawah. Jadi, ini membuktikan penurunan usia belia ini mampu untuk mengarusperdanakan mereka yang kehilangan dalam kategori umur yang baru.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Setiawangsa. Saya tidak tahu Yang Berhormat

Lenggong selepas dia tanya, dia keluar. Mungkin dia tidak berminat dengan jawapan. Cuma daripada apa yang Yang Berhormat Lenggong...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Pergi *PC, PC*.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Apa yang Yang Berhormat Lenggong sebutkan tadi, saya boleh sebutlah ini lah perangai parti kita di sebelah sana.

**Beberapa Ahli:** ...Betul!

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia sentiasa membandingkan benda yang lebih teruk.

**Seorang Ahli:** ...Betul!

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia bukan hendak cari standard yang lebih tinggi.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Itu masalah dia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau. Arau, Arau... [*Tepuk*]

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jadi...

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jadi, saya hendak sebut lagi, saya hendak teruskan perbahasan saya. Ini disebabkan nanti dalam perbahasan saya ini memang ada saya sebut sikit fasal AMK. Jadi, selaras dengan perkembangan zaman juga, kehendak dan cabaran berubah. Sebagaimana disebut, banyak pertubuhan belia tidak dapat mencari lebih ramai ahli dan terpaksa dibubarkan kerana tidak cukup pelapis.

Orang muda umumnya mungkin minat beraktiviti tetapi kurang berminat dengan benda yang rasmi-rasmi. Mereka mungkin tidak berminat bermesyuarat, hendak menyediakan dokumen dan sebagainya. Jika ada yang ramai pun, biasanya mereka sama ada mahasiswa, graduan universiti ataupun golongan pekerja yang diasuh dari dekat sama ada oleh bekas pemimpin belia atau orang politik.

Saya sedar ada kebimbangan di kalangan rakan-rakan pemimpin belia seperti yang telah disuarakan oleh beberapa Ahli Parlimen sebelum ini. Perubahan usia belia ini bukanlah tidak ada implikasi. Tadi, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiawangsa, kami dalam Keadilan pernah berpengalaman menurunkan had usia sayap Pemuda daripada 40 tahun kepada 35 tahun. Sebagaimana yang disebut tadi, memang ada sedikit masalah tetapi biasalah benda baru, akan ada sedikit masalah. Lama-lama, ia akan jadi lebih baik.

Akan tetapi, masalah ini bukan hanya terhad setakat itu. Saya selepas sahaja PRU Ke-14 telah dilantik sebagai salah seorang daripada anggota Jawatankuasa Pemandu Jaringan Ahli Parlimen Muda di Bank Dunia. Jadi, ketika dalam mesyuarat pertama kami lagi sulit untuk kami tentukan had usia Ahli Parlimen muda kerana tidak ramai Ahli Parlimen muda seluruh dunia.

Jadi, apa yang ditetapkan oleh kami ialah di bawah 45 tahun. Namun, masalah yang datang kepada kita ini sebenarnya bukanlah untuk mematikan hasrat yang hendak dibawa tetapi sebenarnya menuntut kejujuran kita, kebijaksanaan kita dan juga keberanian kita untuk menghadapinya. *Alhamdulillah* ramai pemimpin muda telah dan akan muncul serta lebih menyerlah. *Insyaa-Allah* pertubuhan belia yang hebat pasti akan dapat menghadapi perubahan ini dengan jayanya.

Maka, selaras dengan pindaan yang mahu dibuat, saya ingin memberikan beberapa pertanyaan. Saya ada sepuluh pertanyaan untuk Yang Berhormat Menteri. Pertama, apakah kerajaan akan mengelaskan semula kategori umur remaja, belia dan mereka yang baru habislah? Sekarang bila sudah turun 30 tahun, adakah kita hendak ada satu lagi kategori umur? Ini kerana saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, golongan ini sebenarnya banyak pengalaman, banyak pengetahuan dan banyak jasa. Mereka ini juga boleh menyumbang tetapi mungkin dalam satu pertubuhan yang dalam bentuk lain.

Apakah kesan-kesan perubahan had usia belia ini kepada pertubuhan-pertubuhan yang tidak mempunyai cukup barisan pelapis? Jadi, apakah mungkin pelan B daripada pihak kementerian untuk menangani persoalan ini?

Ketiga, apakah rancangan kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai belia terlibat dalam pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia?

Keempat, apakah rancangan kerajaan untuk memastikan pertubuhan belia boleh berdikari dari segi kewangan?

Kelima, apakah rancangan kerajaan kepada belia yang tidak berpersatuan yang sebenarnya jauh lebih ramai?

Keenam, apakah kerajaan berhasrat melarang penglibatan persatuan belia dengan parti politik? Ini disebabkan kita tahu, tadi ada dengar sebut ada persatuan belia menyokong. Bagi saya, saya seorang yang percaya dengan kebebasan. Mereka boleh terlibat mungkin sebagai individu ataupun persatuan. Jadi, ini kementerian kena tentukanlah garisnya.



Apakah ahli politik yang berjawatan di dalam parti boleh memegang jawatan dalam pertubuhan belia? Ini juga perlu ditentukan. Apakah kerajaan berhasrat memasukkan sayap-sayap pemuda parti politik sebagai pertubuhan belia yang mana sedikit sebanyak akan mengukuhkan mesej demokrasi melalui pengiktirafan sayap-sayap pemuda ini dan juga mungkin menjadi pencetus kepada dasar pendanaan politik secara rasmi?

Terakhir, apakah kerajaan berhasrat untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendaftar pertubuhan mahasiswa di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia? Ini kerana semasa kita meminda AUKU tahun lepas, saya telah sebut bahawa mahasiswa juga mesti bertanggungjawab terhadap kebebasan yang kita bagi. Bukan sekadar bertanggungjawab dari segi aktivisme mereka tetapi juga dari segi pengurusan organisasi.

Jadi, sekiranya mereka berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia, mereka terikat dengan laporan-laporan tahunan. Jadi, mereka pun dapat berorganisasi dengan lebih cermat, teliti dan betul. Barulah apabila mereka mewakili negara di peringkat yang lebih tinggi, mereka dapat menunjukkan pemahaman dan juga pengalaman yang betul-betul kukuh.

Saya percaya tentulah banyak lagi persoalan yang boleh kita bangkitkan dari semasa ke semasa. Saya ingin mengakhiri ucapan saya. Saya mohon menyokong usul pindaan yang ingin dibuat. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Selepas itu, Yang Berhormat Kluang. Sila, 15 minit.

**3.17 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Majlis Belia Malaysia mengandungi 39 badan gabungan. Antara 39 badan gabungan itu ialah Majlis Belia Perlis sampailah ke Majlis Belia Sabah. Jadi, Presiden Majlis Belia ini, antaranya untuk maklumat kita di sini seperti:

- (i) tahun 1982 sehingga tahun 1886, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali, mantan Menteri Besar;
- (ii) tahun 1986 sehingga tahun 1988, Dato' Hasan Malek, mantan Menteri;

- (iii) tahun 1988 sehingga tahun 1990, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, mantan Ketua Menteri;
- (iv) tahun 2005 sehingga tahun 2009, Yang Berhormat Lenggong, yang banyak berdiri tadi;
- (v) tahun 1998 sehingga 2002, Yang Berhormat Indera Mahkota, Menteri Luar Negeri; dan
- (vi) tahun 1972 sehingga 1976, Yang Berhormat Port Dickson, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Jadi, apa juga yang mereka nyatakan, maka saya ingin sampaikan di sini. Semalam dua EXCO Majlis Belia Malaysia menemui saya. Hari ini saya menerima surat dan juga kenyataan media daripada Jufitri Joha, Presiden Majlis Belia Malaysia yang telah disebut oleh rakan-rakan terutamanya Yang Berhormat Paya Besar. Mereka menyebut perkara dua. Ada sepuluh perkara yang mereka sebut.

Perkara kedua, pindaan ini dibuat tanpa persetujuan terakhir bersama MBM selaku pihak yang bakal terkesan langsung dan KBS kali terakhir menemui mereka hanya pada 16 April 2019 dan pada ketika itu, belum ada kemuktamadan terhadap RUU ini.

Satu lagi ialah sekali lagi, sepertimana yang disebut Yang Berhormat Pasir Mas, mereka terus merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Menteri pada Hari Belia 2019 di UKM yang bersetuju tentang umur 15 tahun hingga 35 tahun. Perkara yang mereka khuatir dalam perkara yang keenam ialah kemungkinan menyebabkan lebih banyak pertubuhan belia di akar umbi akan mati akibat daripada perkara yang kita buat dan akan luluskan sebentar lagi ini.

Perkara kelapan, mereka menyebut pertubuhan belia masuk ke sekolah-sekolah, latihan pengkaderan, kepimpinan muda yang lebih agresif, penubuhan Lembaga Kerja Belia Profesional, itu harapan mereka. Akan tetapi, mereka juga menyatakan bahawa seksyen penubuhan Lembaga Kerja Belia Profesional tidak dimasukkan dalam pindaan RUU Akta 668 ini. Harapan mereka ialah supaya kementerian dan Yang Berhormat Menteri menimbang semula tentang perkara ini.

#### ■1520

Saya hanya menyampaikan sebab saya diamanahkan untuk menyampaikan. Saya yakin Yang Berhormat Menteri sudah menerima kenyataan media dan memorandum daripada MBM selaku badan gabungan induk rakan strategik Kementerian Belia dan Sukan.

Perkara kedua yang saya ingin saya tanyakan di sini adalah tadi Yang Berhormat Menteri menyebut data 2018 jumlah belia di Malaysia ialah 15.1 juta dan ini adalah 46.4 peratus daripada penduduk. Lantas beliau merumuskan pada tahun 2030 majoriti penduduk Malaysia kemudian nanti akan terdiri daripada majoritinya adalah pihak belia. Saya ingin bertanya tentang statistik ini. Adakah statistik Yang Berhormat Menteri sebut itu adalah statistik antara 15 ke 30?

Oleh sebab statistik yang saya ada pada tahun 2107, 15 hingga 40 sebanyak 14.95 juta, 15 hingga 30 tahun hanya sembilan juta. Kalau kita memastikan statistik yang kita ambil itu statistik yang tepat, maka kita akan buat rumusan yang tepat. Akan tetapi kalau statistik kita yang diambil itu tidak tepat, rumusan itu juga akan tidak tepat. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri terutamanya yang menyediakan teks ucapan Yang Berhormat Menteri, tolong lihat dari segi statistik ini kerana ia memberi satu kenyataan yang tidak benar pada pandangan saya.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perkara ketiga- ya? Yang Berhormat Lenggong, Presiden Majlis Belia 2005 hingga 2009. Silakan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya hendak rujuk dalam akta ini. Kalau kita lihat dalam Bab I Peruntukan Am, badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan, maknanya MBM pernah mewakili suara belia. Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut tadi bahawa pandangan-pandangan daripada Majlis Belia Malaysia yang mewakili gerakan belia harus diambil kira sebagaimana awal pelaksanaan akta ini. Akta ini dibuat dahulu diwujudkan Jawatankuasa Teknikal. Saya sendiri waktu itu dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maknanya sebarang ayat, sebarang perkataan yang dibuat dalam akta ini mesti mendapat persetujuan kerana ia memberi kesan langsung.

Kedua Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Bukan soal umur yang penting sini, yang penting untuk kita beri pengiktirafan dengan kepada generasi muda ialah dari segi peranan mereka, tanggungjawab mereka diberi. Misalnya jawatan dan sebagainya. Saya bersetujulah Menteri Belia orang muda, itu pengiktirafan. Akan tetapi soal-soal lain, itu harus diberi keutamaan. Umur soal satu bab tetapi bab-bab yang lain. Ini yang harus diberi penekanan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta sedikit Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Arau– bukan Yang Berhormat Arau ya?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kangar? Beliau tidak termasuk dalam senarai saya Presiden MBM... *[Ketawa]* Tadi sudah cakap.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sedikit?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Cukuplah ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sedikit, minta penjelasan sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa belia ini perlu kita- pertama, kita perlu tumpukan kepada pendidikan mereka. Kedua, kita tumpukan kepada kemahiran mereka.

Ketiga, tumpukan kepada menjadikan mereka generasi usahawan melibatkan perniagaan. Keempat, kita tumpukan kepada kepimpinan rumusan Pendidikan, Kemahiran, Perniagaan dan Kepimpinan (PKPK) supaya belia ini bukan sahaja dikenali sebagai belia dan sukan tetapi belia dan pendidikan, belia dan kemahiran, belia berniaga dan belia memimpin. Saya harap formula mudah PKPK itu boleh dipertimbangkan.

Perkara yang keempat ialah Yang Berhormat Menteri, *Malaysia Future Leader School* (MFLS) ini iaitu Sekolah Pemimpin Masa Depan Malaysia. Saya ingin bertanya, berapa ramai yang sudah masuk dalam MFLS ini? Berapa umur mereka? Berapa tempoh mereka? Apakah kurikulum yang ditekankan dalam latihan itu? Bagaimana pemilihan untuk menghadiri MFLS ini? Satu lagi ialah, apakah jumlah tertentu yang ingin dicapai oleh kementerian? Mungkin RM10 ribu hingga RM20 ribu setahun kah, itu juga ingin saya tahu dan tanyakan.

Perkara kelima *Youth Power Club*. Yang Berhormat Menteri sebut Kelab Kuasa Belia kalau kita terjemahkan, ingin ditubuhkan di 222 kawasan Parlimen. Apa perincian tentang *Youth Power Club* ini? Kita hendak berikan ia kuasa apa? Apakah hasrat yang sebenar KBS tentang *Youth Power Club*?

Perkara keenam ialah, adakah kita bercadang apabila perkara ini dilaksanakan juga – sebab kalau di undi pun kami kalah sebelah sini ya. Untuk kita menjadikan mereka yang sekarang ini pemimpin dan apabila mereka tamat tempoh mereka memimpin, kita adakan satu semacam satu arahan pentadbiran misalnya, supaya bekas-bekas pemimpin ini menjadi penasihat secara rasmi kepada kumpulan-kumpulan atau persatuan-persatuan belia itu. Oleh kerana itu, kumpulan penasihat boleh melatih

pemimpin-pemimpin bawah umur 30 tahun itu supaya pada ketika umur mereka seterusnya, mereka boleh menjadi pemimpin yang baik. Itu perkara yang keenam.

Perkara yang ketujuh ada 8,000 lebih kurang pertubuhan belia sebagai mana Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Ada disebut pengiktirafan bintang tiga, empat dan lima. Saya ingin tahu, apa kelebihan yang diperolehi? Kalau ia boleh dijadikan satu motivasi, sebagai contoh kita memberikan peruntukan-peruntukan yang tertentu kepada lima bintang, peruntukan yang kurang sedikit kepada empat bintang, kepada tiga bintang lagi kurang, yang tidak ada bintang langsung jangan bagi peruntukan. Jadi, mereka akan lebih bermotivasi untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti.

Seterusnya ialah mengenai masalah-masalah belia yang dihadapi pada masa ini. Walaupun saya hanya menjadi penasihat kepada alumni belia, pertubuhan-pertubuhan belia di Johor tetapi saya mengetahui tentang masalah ini kerana kita ada keluarga yang anak-anaknya umur dalam umur belia ini. Antara masalah mereka ialah untuk mencari pekerjaan yang sesuai. Saya lihat Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa ada sekitar 500,000 penganggur dan 10.7 peratus lebih kurang begitu ya.

Bahawa belia yang menganggur ini menjadi satu perkara yang amat penting, mereka inginkan pekerjaan yang baik. Pakatan Harapan bercadang untuk mewujudkan sejuta pekerjaan dalam masa lima tahun. Kalau sekarang ini ada 500,000 belia menganggur bagaimana cara untuk kita mengatasi masalah pengangguran ini?

Barisan Nasional dahulu bercadang untuk mewujudkan tiga juta peluang pekerjaan dalam masa lima tahun. Pakatan Harapan hanya sejuta. Tidak apalah, mereka menang kerana di luar sana inginkan yang sejuta, tidak hendak tiga juta. Apa boleh buat. Akan tetapi perkara yang penting ialah soal ekonomi dan pekerjaan ini. Soal ekonomi dan pekerjaan amat penting kepada mereka. Selain daripada kos sara hidup, selain pada masalah sosial, dadah dan lain-lain, ini adalah satu perkara yang benar, Terkini masalah-masalah LGBT mungkin terlibat juga kumpulan belia dan kita tahu dalam media sosial tentang perkara-perkara ini.

Ada juga cadangan mengenai dana khas untuk mengatasi masalah mereka yang satu lagi ialah perumahan. Perumahan untuk kumpulan belia. Ada cadangan supaya ada dana khas untuk perumahan belia. Ini juga saya harap kementerian melihat tentang perkara ini. Kemudian, antara cadangan kita yang pernah disebut dalam Dewan Rakyat ini ialah bagaimana kita perlu mewujudkan satu subjek keusahawanan untuk kumpulan sekolah menengah dan juga universiti.

Presiden MBM mencadangkan satu subjek khas mengenai agama lain selain Islam di peringkat sekolah dengan universiti tetapi ia adalah cadangan yang kontroversi yang Gerakan Pembela Ummah dan 300 NGO menolak cadangan itu. Saya ingin mencadangkan supaya satu subjek tambahan untuk sekolah menengah dan di universiti iaitu subjek keusahawanan agar ia menjadi satu usaha yang betul-betul strategik bagi memastikan anak-anak muda belia mendapat peluang pekerjaan apabila mereka keluar daripada alam persekolahan.

Akhir yang saya ingin tanyakan di sini ialah mengenai masalah pertubuhan belia mendapatkan dana bagi melaksanakan kerja-kerja mereka. Saya difahamkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sudah tidak memberi dana-dana yang tertentu kepada belia seperti mana yang dibuat dalam era Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Mungkin sebab tidak cukup duit.

Mungkin sebab hutang yang ditambah oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Bukan hendak menyelesaikan hutang tetapi menambahkan hutang. Oleh kerana itu, mereka tidak cukup duit untuk memberikan dana kepada pertubuhan belia. Jadi, saya ingin cadangkan supaya pertubuhan-pertubuhan belia ini mengadakan konsep strategik kerjasama dengan pihak-pihak swasta, dengan syarikat-syarikat yang tertentu supaya mereka boleh...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Hendak tanya boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Silakan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tadi kita dengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian memang hebat.

■1530

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pontian. Bersetuju kah tadi Yang Berhormat Jelutong ada sebut bahawa gerakan belia daripada dulu hanya menyokong kerajaan, menjadi pak turut dan sebagainya? Itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat Jelutong tidak mengenali siapa Yang Berhormat Port Dickson. Zaman Yang Berhormat Port Dickson menjadi Presiden Belia, ia merupakan satu zaman yang warna-warni, menjadi pendesak kepada kerajaan, menentang pada kerajaan. Oleh sebab itu cadangan Menteri untuk mewujudkan bawah 30 tahun ini supaya belia lebih berfikir, sebenarnya bukan baharu. Dulu sudah. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita inginkan pihak belia bukan hanya menjadi pihak yang menerima segala-galanya. Mereka perlu menentang, sebagaimana surat kenyataan media ini sebagai contoh, bagaimana mereka menyatakan apakah hasrat mereka yang sebenar. Kita inginkan supaya mereka menyatakan perkara yang benar sebagaimana pantun...

*Satu, dua, tiga, empat;  
Lima, enam, tujuh, lapan;  
Belia hidup mesti bertempat;  
Mari fikir masa depan.*

*Dua, tiga, empat, lima;  
Enam, tujuh, lapan, sembilan;  
Belia mesti bangkit bersama;  
Terus berjuang demi kebenaran.*

Itu sepatutnya kerja belia [*Ketawa*] Sebagaimana yang dibuat dan dinyatakan oleh Sukarno. “Berikan aku 10 anak muda, maka aku mampu goncang Indonesia”. Dunia, bukan hanya Indonesia. “Berikan aku 10 anak muda, mampu kita goncang Malaysia” Sebagai contoh.

Saya ingin yang akhir tadi iaitu mencari dana sendiri. Oleh kerana kementerian sudah tidak bagi lagi wang kepada pertubuhan-pertubuhan belia kerana masalah hutang yang mereka tambah sendiri maka [*Ketawa*] Saya ingin mencadangkan supaya pertubuhan belia mencari dana sendiri. Bagaimana cara mencari dana sendiri? Kerjasama dengan pihak swasta dan adakan pelbagai aktiviti dengan pihak swasta supaya mereka yang menaja dan yang menggerakkan ialah pertubuhan-pertubuhan belia, sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat kampung yang ada di seluruh Malaysia ini.

Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Saya menyatakan di sini bahawa saya menyokong memorandum yang dibuat oleh Majlis Belia Malaysia dan saya harap Kementerian Belia dan Sukan buat pindaan dalam rang undang-undang ini di peringkat jawatankuasa supaya boleh...

**Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sebelum. Sebelum tutup...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sila.

**Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Pontian. Kita menyedari penglibatan belia ini

sebenarnya tidak meliputi hampir keseluruhan. Kebanyakan yang aktif dalam persatuan belia ialah di kalangan masyarakat Melayu berbanding belia di kalangan kaum-kaum yang lain. Apatah lagi di kawasan Sabah dan Sarawak. Apa mekanisme yang mungkin boleh dicadangkan kepada pihak kementerian supaya penglibatan ini tidak hanya melibatkan satu kaum dan di waktu yang sama, penglibatan itu juga menyebabkan soal jantina iaitu lelaki dan perempuan yang kita tengok tidak seimbang berjalan? Khusus dalam soal kepimpinan belia pada masa depan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Itu satu cadangan yang baik dan pandangan yang baik. Saya harap dapat respons daripada Menteri. Anggaphlah respons itu, kenyataan Yang Berhormat Kubang Kerian itu dianggap sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kluang. Sebelum itu seramai 21 orang Ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Oleh kerana itu selepas Yang Berhormat Kluang, 10 minit setiap orang kerana Menteri kena jawab lagi. Sila Yang Berhormat Kluang.

### 3.33 ptg.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa lebih baik saya masuk *straight to the point* kerana nanti saya perlu balik ke Mesyuarat PAC lagi.

Isu yang kita bincang hari ini amat jelas sebenarnya iaitu sama ada kita semua mempunyai iltizam politik, dengan izin, *political will* untuk melaksanakan satu pembaharuan, *reform* yang telah beberapa kali dibangkitkan sejak tahun 2011 lagi di bawah pentadbiran kerajaan lama. Apa yang lebih penting, pindaan ini selaras dengan Dasar Belia Negara tahun 2015, satu dokumen rasmi yang telah pun diterima pakai sama ada oleh kerajaan dahulu, kerajaan sekarang dan juga pergerakan belia di luar sana.

Kegagalan untuk melaksanakan pembaharuan secara menyeluruh sebelum ini adalah akibat daripada kekurangan iltizam politik. Sebagai salah seorang anak muda yang akan hilang status belia selepas pindaan ini diluluskan, saya tetap menyokong sepenuhnya pindaan tersebut kerana ia suatu tindakan yang betul dan benar-benar mampu untuk memperkasakan golongan belia.



Tuan Yang di-Pertua, definisi terdahulu dari 18 ke 40 tahun merupakan lonjakan jurang yang amat mendadak. Anak muda yang berumur 18 tahun sudah tentu begitu berbeza sekali daripada mereka yang sudah berumur 40 tahun. Satu kumpulan secara amnya masih belum habis belajar, manakala satu lagi kumpulan sudah pun tergolong dalam mereka yang kebanyakannya sudah pun bekerja dan berkeluarga, bahkan menjadi ibu bapa. Justeru, kategori umur belia ini perlu dirasionalisasikan agar merangkumi golongan kumpulan umur yang lebih sesuai dan sama dari segi pertumbuhan biologi dan pengalaman hidup serta sosial.

Bayangkan seorang anak muda yang telah berkahwin dan berkeluarga sudah mempunyai anak sebelum umur 25 tahun masih layak menyertai pertubuhan belia dalam 15 tahun yang akan datang sehingga beliau mencapai umur 40 tahun. Pada masa yang sama, anaknya pun sudah layak menyertai pertubuhan belia. Secara teorinya, seorang ibu atau bapa boleh menyertai pertubuhan belia bersama dengan anak beliau. Keadaan ini amat mengelirukan.

Adakah si anak itu sudah pun belia ataupun masih kanak-kanak? Adakah si ibu atau bapanya itu masih belia ataupun sebenarnya sudah dalam kategori *auntie* dan *uncle*? Inilah keadaannya sekiranya pindaan ini tidak diluluskan hari ini. Keutamaan keperluan aspirasi serta masalah seseorang yang berumur 40 tahun, sudah pasti berbeza dengan mereka yang masih mengejar impian dalam menara gading.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pindaan ini diumumkan kepada orang awam, ramai yang bertanya sama ada sayap belia mereka akan terpengaruh kerana ramai belum bersedia untuk melakukan perubahan ini. Namun, ramai mereka tidak tahu bahawa pindaan ini cuma memberi kesan kepada pertubuhan yang berdaftar di bawah pendaftaran belia, dengan izin, *Registrar of Youth (ROY)*. Justeru, majoriti sayap belia persatuan tidak akan terkesan sebenarnya.

Namun begitu, saya berharap mereka boleh mengambil inisiatif juga untuk menarik lebih ramai belia untuk menyertai program mereka. Ramai di kalangan mereka selalunya memberi alasan bahawa belia kurang minat dalam aktiviti mereka. Sebenarnya, perkara ini terjadi kerana banyak aktiviti untuk belia diilhamkan dan dianjurkan oleh pemimpin yang sudah pun bukan belia lagi. Maka wujud *generation gap* ataupun jurang generasi.

Saya sebenarnya setuju dengan cadangan ramai Ahli Yang Berhormat di sini bahawa pembaharuan ini perlu dilaksanakan secara berfasa. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh menjadi alasan untuk menangguhkan proses pembaharuan. Kita semua tahu

bahawa mantan Menteri Belia dan Sukan telah beberapa kali membangkitkan isu ini dan berniat membuat pindaan. Malangnya, kerajaan lalu telah gagal kerana bantahan kuat daripada pemimpin-pemimpin belia ketika itu. Alasan yang dipakai seperti tidak cukup ahli yang boleh menjadi pemimpin pertubuhan menyebabkan bahawa akhirnya Kementerian dinasihatkan untuk menundakan pindaan tersebut.

Walau bagaimanapun, statistik dengan jelas menunjukkan bahawa lebih 44 peratus pemimpin dalam pertubuhan belia masa kini berumur di bawah 30 tahun. Hanya 30 peratus sahaja yang berumur 31 ke 35 tahun dan hanya 25 peratus yang berumur 36 ke 40 tahun. Justeru, saya berpendapat, sudah tiba masa untuk kita laksanakan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma tidak puas hati dengan satu pindaan dalam rang undang-undang ini sahaja iaitu yang saya sebut tadi juga had umur bagi pemegang jawatan dalam pertubuhan belia. Bagi saya, adalah tidak masuk akal sekiranya kita izinkan anak muda mengambil bahagian dalam aktiviti pertubuhan tetapi tidak boleh bertanding sehingga berumur 18 tahun. Ini adalah satu diskriminasi kepada golongan berumur 15 hingga 17 tahun. Kalau kita lihat pada pemimpin luar negara misalnya, pengasas *Scholarism Hong Kong*, Joshua Wong yang telah menubuhkan satu gerakan aktivis pelajar dan menjadi ikon belia ketika beliau berumur 14 tahun sahaja. Pelajar-pelajar lain yang lebih senior daripada Joshua Wong pun mungkin tidak mempunyai iltizam dan keupayaan untuk mengetuai kempen mereka.

Dengan pindaan ini, kita akan mewujudkan dua lapisan dalam pertubuhan belia iaitu satu golongan belia yang mempunyai hak untuk undi dan memilih pemimpin dan satu golongan lagi yang belum layak untuk menjadi pemimpin.

■1540.

Justeru, lebih baik ada sayap kanak-kanak dalam pertubuhan belia ini dan ini adalah tidak masuk akal. Tuan Yang di-Pertua, untuk akhiri ucapan saya dengan memetik ayat daripada Si Putera Kecil- *The Little Prince*, “*All grown ups were once children, but only a few of them remember it*”. Saya harap yang semua *grown ups* di sini ingat balik pengalaman kita sendiri semasa kita berada dalam fasa belia. Biarlah kita memperkasakan mereka melalui pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang. Selepas itu Yang Berhormat Tebrau, sebelum ini. Sila.

**3.40 ptg.**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap membahaskan isu yang telah dibentangkan oleh Menteri Belia dan Sukan. Saya mulakan perbahasan hari ini dengan memetik kata-kata Sheikh Yussuf Al-Qardawi, seorang ulama Muktabar, "*Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman, makmur. Akan tetapi jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku*". Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri.

Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini secara prinsipnya saya lihat berniat baik untuk kita sama-sama mendefinisikan belia kepada had umur 30-an sahaja. Akan tetapi saya difahamkan untuk Yang Berhormat Menteri katanya perbincangan sudah berlaku dengan Majlis Belia Malaysia dan persetujuan umur daripada 40 turun kepada 35 ke 15, tiba-tiba *tabling* jadi 30 tahun.

Jadi, ini kena *refer* balik walaupun dalam urusan pentadbiran 35 tetapi ia mesti termasuk dalam Perlembagaan, jelas. Oleh sebab ia akan melibatkan semua NGO, parti-parti politik yang sekarang ini meletakkan tanda arasnya 40 sebagai umur belia. Jadi, kalaulah 30, itu saya katakan tadi kepada Yang Berhormat Menteri Belia, kalau umur daripada 40 turun kepada 30 menjadi umur belia, kita akan dapati Kementerian Belia akan kehilangan 4,786,600 golongan daripada 30 ke 40 tahun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Pendang, minta sedikit boleh?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak ada, nanti sat. Tadi masa kamu tadi, kamu sudah bercakap sudah. Ini kamu ini banyak merapu ini... [*Dewan ketawa*] Ini 4,786,600 maknanya tanggungjawab liabiliti daripada KBS ini telah berkurang. Jadi, saya hendak sarankanlah, biar lah Menteri Belia dan Sukan ini kahwin dahulu. Bila dia kahwin, dia ada isteri, dia ada anak, dia fahamlah masalah orang yang belia yang 40 ke 30 ini, masalah rumah tangga, masalah anak-anak semua. Jadi, sekarang dia tidak menjiwai. Tuan Yang di-Pertua, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Apa kaitan dengan pindaan akta ini?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya lah, merapu-merapu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Soal kahwin ini tidak ada masuk dalam skop akta ini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Cadang, cadang, cadang. Ya, sebab dia tidak ada pengalaman. Dia tidak ada pengalaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, teruskan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak apa, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan penjelasan saya. Jadi, yang melibatkan pindaan ini yang lelaki sahaja 2,525,000 untuk lelaki sahaja dan begitu juga yang wanita 2,261,000 yang dipindahkan daripada bawah belia ini, setelah kalau kita luluskan undang-undang ini. Jadi, kalau kita lihat yang menjadi persoalan saya ialah mengapa rang undang-undang ini dibentangkan tanpa persetujuan dan berbincang dengan Majlis Belia Malaysia tentang had umur ini yang merupakan rakan strategik utama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sendiri.

Jadi, apa penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan hal ini yang *insya-Allah* dia akan jawab dalam jawapannya nanti. Pindaan ini dibuat tanpa persetujuan terakhir bersama MBM selaku pihak yang bakal terkesan langsung dengan pindaan ini, khususnya berkaitan dengan pindaan had umur belia. Saya minta nyatakan berapakah bilangan pertubuhan belia yang mana ketua dan pemegang jawatannya berumur 30 tahun sehingga 40 tahun.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pendang, sedikit hendak bagi pandangan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, sila.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Persoalan yang ditimbulkan hari ini ialah apabila Yang Berhormat Menteri berjanji untuk menaikkan ke 35 tahun. Itu yang dipertikaikan, cuma boleh tidak kita cadangkan supaya ambil jalan tengah? Kementerian pun dapat untung, belia pun untung iaitu kita buat begini. Biar umur 35 tahun tetapi syarat kan kepada organisasi belia supaya diperbanyakkan pemimpin di kalangan umur 30 tahun, 50 peratus dan sebagainya. Itu pandangan saya, apa pandangan Yang Berhormat Pendang?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Mungkin kita boleh bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Belia sekiranya dia buat sedikit perubahan kepada 35, jadi tidak payah sangat kita bila masa pengundian nanti. Jadi, bukan kami tidak setuju sebenarnya sebab bila kita

berubah ini, sekarang ini, ke depan ini mungkin umur 18 tahun juga boleh jadi calon pilihan raya. Bukan setakat kita berdepan dengan masalah sosial dan sebagainya. Bila kita setuju yang ini, 15 ke 35 *insya-Allah*, 18 tahun juga boleh jadi calon.

Bukan sahaja setakat menjadi pengundi yang mungkin kita akan berdepan dengan isu ini ke depan. *Insya-Allah* saya sentuh sedikit berkenaan dengan ini. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi, kalau kita ambil jalan tengah. Kita ambil jalan tengah, 35 ini elok sudah saya rasa. Saya memang tidak bolehlah fasal saya pun sudah lebih daripada jadi tua sudah, bukan muda lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bekas Pemuda.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, bekas Pemuda, betul [*Ketawa*] Jadi, ada sedikit pengalaman. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi umur yang sekarang dalam NGO dan juga yang parti-parti politik yang berumur 30 ke 40 tahun. Oleh sebab ini memberi kesan langsung kepada NGO-NGO dan juga parti-parti politik seperti mana PKR, PAS, UMNO, DAP yang mana kita letakkan 40 siling umur untuk mereka menjadi Ketua Pemuda. Untuk ketua mungkin tidak ada apa-apa Perlembagaan yang menentukan 40 tetapi Timbalan kah menjadi ahli ke bawah ahli biasa mesti tidak boleh melebihi 40. Ini juga kita minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Belia supaya bincang balik ataupun tengok balik.

Tidak apalah yang itu kita buat perubahanlah, parti terpaksa kena ikut Perlembagaan yang Menteri kita setuju lulus, kalaulah kita setuju. Kalau kata pindaan 35. Adakah KBS juga saya minta, kita tidak mahu, "*yang kejar tidak dapat, yang dikendong keciciran*". Niat murni untuk memartabatkan itu tiba-tiba menjadi punca matinya pertubuhan belia di akar umbi. Kena tengok juga sebab bila sudah pegang ketua-ketua ini, bila sudah tidak melepasi 40, mereka tidak di *educate* menjadi *leader* kepada belia-belia. Jadi, orang yang 30 tahun ke atas akan mati, pertubuhan belia yang mana mereka ini merupakan ini *driver* kepada belia-belia negara.

Seterusnya, adakah KBS sudah membuat kajian yang terperinci berkenaan dengan hal ini? Sepatutnya proses perubahan dibuat secara teratur dan berperingkat dan bukan secara mengejut sebegini. Bukankah ini lebih transisi, proses transisi kepimpinan dilakukan secara sukarela berbanding dengan paksaan melalui undang-undang.

Jadi, kita lihat Ketua Ekonomi Ambank Research, Dr. Anthony Dass berkata, "*Pengangguran golongan muda Malaysia kekal pada kadar 10.8 peratus, lebih tinggi berbanding dengan Singapura - 4.6 peratus, Thailand - 5.9 peratus, Vietnam - 7.9*

*peratus dan India – 10.5 peratus*". Jadi, kita tinggi daripada negara-negara ini. Apakah langkah penyelesaian kita pada belia yang menganggur ini sekiranya ini juga berubah? Ia akan berubah lagi kadar-kadar yang saya sebut peratus-peratus tadi. KBS perlu memikirkan jalan perancangan bersepadu antara kementerian supaya golongan belia yang merupakan aset tetap negara dapat berperanan dalam menjana kemajuan negara.

Maknanya, kita ini semua, saya, Timbalan Speaker semua sudah 40 tahun ke atas semua ini akan meninggalkan Dewan ini. Merekalah yang akan ambil alih, perlu kita *educate* mereka menjadi penyambung mata rantai kita sehingga anak-cucu mereka, ini penting. Jadi, kena bersungguh, serius dalam kita membuat pindaan undang-undang ini supaya memudahkan mereka untuk menjalankan tanggungjawab membangunkan negara.

Dalam kesungguhan Menteri untuk membuat perubahan di era Malaysia Baharu ini usahlah sehingga kita terlupa berkenaan peri pentingnya aspek pembangunan rohani dan modal insan. Ini pun kena tengok, gejala sosial mat rempit dan sebagainya, ketum dan ini merupakan kita meninggalkan pembangunan rohani. Terutamanya pembangunan dalam membina modal insan yang kita letakkan istiqamah, iktikad mereka percaya kepada ketuhanan ini yang paling penting supaya mereka takut apabila mereka buat salah mereka akan dihukum apabila mereka meninggal esok.

Ini perkara-perkara yang harus dilihat oleh- ada banyak lagi sebab saya ada satu masa. Cuma saya hendak buat kesimpulan terus, satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1550

Antara perubahan ketara yang akan terjadi dengan pindaan ini adalah berubahnya orientasi kepimpinan belia, di mana kepimpinan pertubuhan belia dahulu adalah bersifat bimbingan. Di mana mereka yang dewasa membimbing para belia-belia di dalam mana-mana pertubuhan belia. Dengan pindaan ini kepimpinan belia akan lebih bersifat perkongsian idealisme dan saling memacu kemajuan di kalangan rakan sebaya. Ia mungkin kehilangan bimbingan sebagaimana sebelum ini- yang mana orang-orang yang berpengalaman yang 40 tahun ini akan membimbing anak-anak kita 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun akan bimbing. Mereka akan kehilangan ini. Akan tetapi tidak apa, kita mesti *facing. This problem is a norm for us when we change something*, dengan izin.

Sebagaimana sebelum ini tetapi ia adalah suatu cabaran yang positif yang perlu disambut oleh belia negara. Ia adalah proses yang membantu ke arah kematangan dan

rasa tanggungjawab dalam usia lebih awal. Sekian. Walaupun saya ada banyak lagi, saya menghormati masa yang ditentukan oleh- Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang, menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau tidak ada dalam Dewan, saya menjemput Yang Berhormat Arau. Sila, bekas belia.

**3.51 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya kalau Tuan Yang di-Pertua duduk situ, saya cuba mengosongkan jiwa saya supaya berjiwa besar supaya saya sayangkan dia, dia sayang pada saya. Sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak isytiharkan perang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak mahu ada sifat buruk sangka antara kita. Jadi, itu yang penting, itu sifat belia. Kalau sifat orang tua-tua lain ya. Okey, Yang Berhormat, saya hendak isytihar bahawa kita ada satu pertubuhan di peringkat Asia iaitu dipanggil *International Conference of Asia Political Parties* (ICAPP). ICAPP ini ia ada satu *wing*, namanya *used wing* dan saya adalah Presiden *Used Wing*. Saya sudah mencuba beberapa kali untuk membawa Ketua Pemuda, Menteri Belia pergi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa cucu Yang Berhormat Arau ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Cucu sudah pasti banyak ya. Akan tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Akan tetapi masih jadi Pengerusi Majlis Belia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan, saya masih jadi Pengerusi dan tahun ini kita ada persidangan di Baku, saya cuba hendak bawa ini, mungkin Menteri Belia kalau dia hendak ikut supaya saya boleh serah jawatan ini. Kalau saya gagal serah kepada orang Malaysia, bererti orang Azerbaijan akan ambil alih, seorang Menteri yang berumur 32 tahun, juga menanti untuk mengambil alih. Jadi, atas sifat saya ini orang Malaysia yang cinta kepada negara ini, saya lebih suka orang Malaysia ambil alih jawatan saya yang saya pegang sejak 10 tahun.

Saya ialah orang yang mencadangkan pewujudan biro ini dan oleh kerana tidak ada orang lain, jadi sayalah jadi heronya sampai sekarang. Itu saya hendak bagi tahu. Jadi, kalau dibunuh had umur, ia akan timbul masalah sebab cadangan itu daripada saya, hanya saya dilantik sampai sekarang- 10 tahun Yang Berhormat. Jadi, okey itu ialah pengisytiharan diri saya bahawa saya masih memegang Presiden ICAPP, ICAPP *Used Wing*. Jadi, saya harap kalau boleh...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Beri Yang Berhormat Lenggong, hendak puji Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Menteri Belia dan juga mana-mana pihak ambil alih daripada saya. Saya tidak mahu, kalau tidak dapat dekat Azerbaijan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Hendak puji.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, yang keduanya, ini fasal ini, Yang Berhormat Menteri Belia. Ada orang hendak tanya soalan tidak?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ada belakang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya belum berucap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mukadimah saja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ada 9 minit itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Biar Yang Berhormat Arau teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekejap lagi saya panggil Yang Berhormat Lenggong. Susahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tengok hari ini, semua dia hendak celah juga. Nanti ada giliran, akan bagi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Berminat fasal belia. Umur 15 tahun sudah jadi pembimbing belia. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau sebut tadi sebab itu saya sebut tadi pada Yang Berhormat Menteri, kena lihat perkara ini. Kesan besar daripada perubahan yang akta ini berlaku dulu ialah apabila kita turun kepada 40 tahun, bila kita turun pada 40 tahun, akhirnya kita hilang banyak pengaruh kita di peringkat belia antarabangsa. Saya cukup yakin apabila perkara ini dibuat daripada umur sekarang, diturunkan kepada 30 tahun, pasti akan berlaku. Bila itu akan berlaku, maka kita tidak boleh menonjolkan generasi muda Malaysia menjadi pemimpin belia di peringkat antarabangsa yang akhir nanti tinggalah orang macam Yang Berhormat Arau saja. Terus sampai bila-bila jadi pemimpin belia.



**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Itu saya masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Ini kebimbangan kita sebab kalau kita hanya hendak yang tempatan, kita rugi antarabangsa. Jadi, tolong fikirkan balik benda itu. Yang Berhormat, sebab beberapa orang Yang Berhormat daripada PH yang berucap tadi dia baca teks ucapan. Dia tidak langsung fikir suasana apa yang berlaku bahawa kita kena serta-merta luluskan. Kami semua setuju, tidak ada masalah. Jangan kata-kata lagi. Ini kita hendak ungkit kerajaan dulu, kerajaan dulu. Kerajaan dulu harga barang murah, sekarang mahal, sebutlah. Kerajaan dulu tidak hilang pekerjaan. Yang Berhormat Kangar, jangan, jangan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta sikit. Sikit saja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tadi saya minta, awak tidak bagi. Tidak mahu, tidak mahu. Cukup, cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jiran kan Kangar dan Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta lima kali, saya minta Yang Berhormat Kangar lima kali, dia hina saya sebagai *senior*.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mana ada hina, tiga orang hendak bagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Orang muda boleh hina, *shut up you!* Okey.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini kawan baik saya. Okey, sekarang ini kita ambil tajuk ini ya. Yang Berhormat Menteri, bila Yang Berhormat hendak perkenalkan apa-apa rang undang-undang, ambil pendekatan apa yang berlaku dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud, "*Pilihlah pemimpin di kalangan kamu seorang yang kuat dan juga amanah*", *qawi*. *Qawi* ini kuat. Imam Ahmad Hambal telah mentafsirkan perkataan kuat itu ialah berani dan orang yang berani majoritinya ialah orang muda.

Itu sebab Rasulullah SAW, Baginda melantik seorang yang paling muda dalam dunia, berumur 18 tahun, Usamah bin Zaid untuk menjadi panglima perang kepada 40 ribu orang tentera untuk melawan dengan tentera Rom. Saya hendak bagi tahu, siapakah anggota pasukan Usama bin Zaid. Umar Al-Khatib, semua sekali pemimpin-pemimpin *senior* berada di barisan bersama dengan Usama bin Zaid.

Akan tetapi bila Rasulullah lantik dia, selepas seminggu lebih kurang macam itu, Rasulullah pun wafat. Akan tetapi Sayidina Abu Bakar, bila dia memerintah sebagai khalifah yang pertama, dia meneruskan jawatan ini kepada Usama bin Zaid.

Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh ambil pendekatan dan cerita kepada orang bahawa semua sahabat-sahabat Rasulullah berumur 40 tahun ke bawah. Ini rahsia saya bagi tahu pada Yang Berhormat. Ambil pendekatan macam itu supaya orang boleh terima dengan baik. Kami tidak tolak, 40 tahun kah, 30 tahun kami tidak tolak. Akan tetapi Yang Berhormat tadi sudah jawab di bawah tadi bahawa bersetuju pada asalnya kita akan ambil 35 tahun tapi tidak boleh pinda, sebaliknya kita buat secara *administrative*.

Yang Berhormat, saya lebih gembira kalau kita pinda supaya 35 tahun itu had maksima dan kita tidak kurang daripada 6 tahun memegang jawatan itu kepada 4. Kita biar dia 6 tahun. Oleh sebab kalau tidak Yang Berhormat, kita akan ketandusan pemimpin. Sebagai Malaysia yang berada dalam pentas dunia yang sentiasa semasa, kita akan hilang pemimpin. Yang Berhormat akan hilang presiden macam saya di peringkat Asia kalau Yang Berhormat buang saya. Saya menawarkan untuk berhenti, tidak berhenti tapi tidak ada orang hendak ambil alih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh masuk kelab menimang cucu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab dalam pertubuhan ICAPP semua orang tua-tua, saya seorang yang muda. Okey, *mai* tajuk ini. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat mengambil pendekatan bahawa memang wajar untuk kita memilih orang muda, malah Rasulullah sendiri mempunyai sahabat-sahabat yang di bawah umur 40 tahun. Akan tetapi Rasulullah sendiri berumur 40 ke atas, malah Baginda di masa berumur 50 tahun itu dikelilingi oleh orang-orang muda. Semua peperangan-peperangan hebat, Baginda dikelilingi oleh orang-orang muda.

Akan tetapi ketuanya ialah orang yang berpengalaman sikit. Jadi, saya mencadangkan supaya apa yang dibuat oleh parti-parti politik, anggota-anggota lain dibenar berumur 35 tahun. Akan tetapi untuk pemimpin kita benar, untuk pemimpin macam Pengerusi Majlis Belia Malaysia, kita benarkan dia umur 40 tahun ataupun pemimpin-pemimpin persatuan. Di peringkat negara, kita bagi umur 40 tahun untuk membolehkan kita tidak ketandusan pemimpin.

Jangan lupa Yang Berhormat, sebagai orang muda Yang Berhormat tidak mahu hilang *contact* antarabangsa supaya kita bila pergi peringkat antarabangsa, jangan mereka terkejut melihat tiba-tiba orang yang datang mereka tidak kenali dan sebagainya. Dalam masa yang sama kita akan membawa sesuatu yang tidak berpengalaman masuk ke pentas antarabangsa.

Kedua yang saya sebutkan tadi ialah tentang umur jawatan hendaklah dibenarkan 6 tahun, bukan 4 tahun. Ketiga Yang Berhormat, saya hendak cadangkan sebab semua orang yang bekerja ialah orang muda. Pegawai PTD orang muda, saya jadi pegawai PTD dulu umur 23 tahun Yang Berhormat, di antara yang termuda. Saya memegang jawatan-jawatan tinggi juga, umur muda kerana tidak ramai orang bekerja. Masa saya cuma seribu orang saja lebih yang kerja pegawai PTD.

Apakah kita boleh syarat kan supaya pegawai-pegawai kerajaan ini disyaratkan mesti menyertai persatuan belia? Kalau tidak nanti persatuan belia ketandusan pemimpin, pemimpin yang berkelayakan. Kita bagi syarat sebab kalau tidak dia jadi cuma kerja, dia balik pukul 5, dia seronok tetapi tanggungjawab kepada masyarakat tidak ada kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kita bagi syarat, dia tidak perlu masuk politik tetapi dia masuk pertubuhan belia untuk sama-sama memberi sumbangan kepada gerakan belia.

#### ■1600

Kalau Yang Berhormat Lenggong ada soalan, boleh bangun, ya. Kemudian yang keempatnya adalah Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini bukan kami kompelin. Yang Berhormat tengok majlis belia ini telah hantar surat memorandum bahawa mereka tidak bersetuju dengan 30 tahun dan mereka juga pada asalnya bersetuju untuk dipertimbangkan di peringkat 35 tahun. Jadi saya ingat saranan majlis belia patut diambil pandangan dan Yang Berhormat kena elakkan daripada bertembung dengan majlis belia ataupun mana-mana pertubuhan belia sebaliknya Yang Berhormat mesti dilihat sebagai kawan. Mereka cukup seronok. Saya tengok Yang Berhormat orang sebut-sebut fasal kahwin-kahwin, saya rasa Yang Berhormat ada pemikiran untuk berkahwin dengan orang Kedah. Okey, selamat datang. Tidak ada masalah.

Jadi, kembali pada tajuk ini balik. Bukan, ada orang Kedah berminat pada Yang Berhormat. *Sorry*. Okey, mari tajuk ini balik. Jadi kita minta supaya Yang Berhormat sendiri dinampak berhemah bila berunding dengan majlis belia dan sebagainya. Kami sebagai pemimpin-pemimpin yang menyokong belia-belia kerana apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW mahu supaya kita buat cara berhemah.

Kalau buat cara berhemah, tidak ada masalah. Cuma pemimpin-pemimpin tadi termasuk Yang Berhormat Kangar cakap hendak maki kami sahaja. Yang Berhormat jangan ikut perangai itu. Kalau hendak maki kami, minta sokongan kami. Macam mana? Ini kerana mereka hanya baca teks. *Prepare* dua, tiga hari lepas *mai* baca. Kami tidak bermusuhan. Kelmarin kami menarik diri untuk berperang dengan Yang Berhormat

Jelutong kerana dia kata dia sakit. Hari ini baik-baik sakit *cengei* satu macam. Ya Allah ya tuhan ku.

Okey, mari tajuk ini balik. Saya hendak menyokong. Saya hendak beri tahu saya menyokong supaya had umur itu diletakkan di 35 tahun dan pemimpin di peringkat negara dibenarkan sehingga umur 40 tahun. Ini cuma cadangan. Kalau tidak bersetuju, tidak ada masalah. Akan tetapi saya harap cadangan ini dapat diterima kerana tuntutan semasa di peringkat antarabangsa yang memerlukan kita berhubungan di antara negara dengan negara. Terima kasih. Jadi saya sambung lagi seminit sebab speaker baru masuk. Terima kasih. Saya benarkan Speaker ambil tempat dahulu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Macam pemimpin belia lah. Dia tidak mahu tinggal. Tambah seminit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, terima kasih. Seminit lagi Tuan Yang di-Pertua ya. Oleh sebab apa, pertukaran tadi saya terhenti sebab saya menghormati speaker menukar tempat. Macam kapten kapal tukar *steering*. Kita tidak boleh ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, *mai* tajuk tadi Yang Berhormat. Saya hendak beri tahu bahawa kami menyokong kepada cadangan dibawa oleh Menteri Belia dan Sukan. Lagi sekali saya minta Menteri Belia dan Sukan ambil pendekatan yang berhemah. Macam saya kan berhemah, saya baik dengan semua orang. Yang Berhormat Jelutong penyokong saya nombor satu. Walaupun dengan orang lain dia bergaduh. Dengan saya tidak bergaduh. Ini kerana saya ambil pendekatan yang berhemah. Saya panggil dia seorang alim daripada agama Hindu sebab dia sentiasa pakai calit sebagai contoh. Jadi saya hormat dia, dia pun hormat saya. Saya pakai songkok.

Sebagai contohnya pendekatan berhemah adalah lebih baik daripada bertentangan dan cadangan Yang Berhormat untuk umur ini dinaikkan daripada 30 kepada 35 secara administratif saya minta dibuat cara pindaan. Tidak ada masalah, Yang Berhormat. Kami beberapa kali dahulu undang-undang kami tarik balik. Kami buat pindaan sebab DAP minta. Contohnya undang-undang ketum. DAP minta tarik balik dua

kali. Kami tarik balik. Fasal kami menghormati pandangan DAP. Ada sesetengah dibuat pindaan. Kita pinda sebab bagi kita rakyat nombor satu. Negara nombor satu. Kami nombor dua. Kami tidak pernah pun memaki hamun DAP ke ataupun mana-mana pihak pembangkang. Walaupun asal usul DAP kita tahu bahawa hubung kait dengan komunis. Kami tidak mahu kata sudah. Itu cerita sejarah. Yang baharu kita hendaklah bina negara ini bersama.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, tolong lah tarik balik kenyataan itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, saya hendak beritahu yang baharu kita semua sama-sama...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Siapa yang buat perhubungan dengan pihak komunis? UMNO yang menjemput mereka ke sini. UMNO yang hadir persidangan mereka di China.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya baru balik daripada Jelutong. Saya pergi ke kampung Jelutong. Rumah *color* oren. Dia kata rumah kami banjir tiga tahun sekali sahaja Dato'. Yang Berhormat Jelutong *mari?* Dia kata *mari*. Dia bagi apa? Tidak bagi apa. Kampung itu ialah kampung Melayu yang terakhir di Jelutong yang ada masjid sana.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, jangan sandiwara lah. Tiap-tiap kali banjir saya pernah turun ke kawasan lah. Itu pergi ke Jelutong yang lain itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Lepas itu saya pun bagi sumbangan. Saya kata, saya bagi ini. Ini adalah sumbangan daripada saya dan Yang Berhormat Jelutong. Saya jaga nama Yang Berhormat dan pegawai ini dia kenal Yang Berhormat sebab dia bekas anggota polis mahkamah. Saya hendak bagi tahu. Saya hadir di Jelutong. Yang Berhormat Jelutong tidak tahu saya hadir dengan diam-diam untuk melihat siapakah Yang Berhormat Jelutong. Rupanya bagus. Lawatan dibuat cuma sumbangan tidak ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bila pergi?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Last two weeks.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Last two weeks* tidak pernah banjir pun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *No.* Dia beritahu kawasan ini selalu banjir sebab dikelilingi oleh semua *flat-flat* bangunan tinggi. Longkang tidak dibina. Yang

Berhormat Jelutong memang hadir. Tiap kali banjir dia hadir. Cuma tidak sampai sumbangan sahaja lah. Itu sebab saya bagi sumbangan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, itu pun tidak benar Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya tidak apa, kita bagi duit.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jelutong datang tengok sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya hendak beritahu marilah kita semua membina negara ini. Membina bersama dengan tidak ungkit perkara yang lepas. Kalau Yang Berhormat ungkit kami, kami ungkit cerita komunis. Kami berbaik dengan parti komunis. Akan tetapi orang yang berkenaan berbaik dengan penganas komunis.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih kerana mengesahkan UMNO berbaik dengan komunis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita berbaik dengan parti komunis. Akan tetapi *you all* berbaik dengan penganas komunis dan membunuh banyak askar dan polis. Nak kata apa? Ini sejarah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, tolong lah tarik balik kenyataan itu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ini kena tarik balik ini. Ini melampau ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu tidak bertanggungjawab langsung.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ini lebih seminit sudah ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan meracau lah, jangan meracau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya tidak mahu meneruskan. Saya hendak beritahu. Hendak suruh tarik balik. Tuan Yang di-Pertua pun tahu memang saya tidak pernah tarik pun tidak berhenti. Akan tetapi sejarah tetap sejarah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak begitu betul.

**Seorang Ahli:** Pukul 4 macam itu lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesama kita mengkaji sejarah semula. Apa yang betul apa yang tidak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh itu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Menteri Belia antarabangsa boleh kah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sejarah tetap sejarah Tuan Yang di-Pertua. Orang yang tulis sejarah ini ialah Profesor Khoo Kay Kim. Dia adalah profesor saya masa di universiti. Jadi saya sayang kepada Khoo Kay Kim. Jadi, Khoo Kay Kim tulis saya percaya. Sekarang ini saya percaya Ridhuan Tee pula.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Arau kerana mengesahkan UMNO ada hubungan kait dengan parti komunis. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya juga hendak mengesahkan bahawa tuan-tuan semua berbaik dengan pengganas komunis dahulu. Sekarang tidak ada lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Kita beralih kepada tajuk yang menjadi pokok perbahasan iaitu belia ya. Tidak ada kena mengena dengan komunis sebenarnya. Pengganas ataupun apa-apa.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Hasil pimpinan belia di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai. 10 minit kan? 10 minit silakan.

#### 4.07 ptg.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan ayat surah al-Kahfi ayat 13 hingga 14... *[Membaca ayat al-Quran]* “Kami ceritakan kepada mu wahai Muhammad perihal mereka dengan benar. Sesungguhnya mereka itu orang muda yang beriman dengan tuhan mereka dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk. Dan kami kuatkan hati mereka dengan kesabaran dan keberanian semasa mereka bangun menegaskan tauhid lalu berkata, tuhan kami ialah tuhan yang menciptakan dan mentadbirkan langit dan bumi. Kami tidak sekali-kali akan menyembah tuhan yang lain daripadanya. Jika kami menyembah yang lain, bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran.”

Tuan Yang di-Pertua, malah kehebatan orang muda turut menyerlah semasa Nabi SAW menyebarkan Islam. Orang muda lah yang mula-mula beriman dan menyokong baginda. Generasi muda seperti Sayidina Ali, Sayidina Uthman bin Affan,

Abdul Rahman bin Auf, Abdullah ibnu Zubir, Abdullah ibnu Abbas dan lain-lain lagi menjadi penggerak kepada perubahan masyarakat bermula di Makkah sehinggalah berkembang di Madinah.

Mereka juga merupakan sahabat Rasulullah SAW yang berjuang dan berjihad menegakkan daulat Islamiah dengan penuh istiqamah tanpa rasa jemu dan putus asa. Di samping tokoh-tokoh yang berbilang berkenaan, sejarah juga turut mencatatkan kehebatan dan ketangkasan Usama bin Zayd r.a. yang berusia 18 tahun dalam memimpin bala tentera dalam berdepan dengan tentera Rom. Manakala Muhammad al-Fateh yang berusia 21 tahun pula membuka Kota Konstantinopel di Turki.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti pindaan yang dirangka berkenaan had umur belia berdasarkan kertas RUU ini. Sememangnya hasrat mengurangkan jurang generasi dalam kalangan belia serta mempercepatkan proses kematangan mereka sesuatu yang harus disokong. Namun saya berpandangan perubahan terhadap had umur ini masih perlu diperhalusi sedalamnya.

Pertama ialah Islam menggariskan umur akhir baligh sebagai pemisah di antara mukalaf dan sebaliknya. Mereka yang sudah mencapai usia berkenaan termasuk dalam kalangan mukalaf iaitu mereka perlu menanggung segala tindak tanduk mereka termasuk bermulanya perhitungan dosa dan pahala serta bertanggungjawab menunaikan kewajipan syarak yang diperintahkan ke atas mereka. Ini asas yang kita perlu pegang.

#### ■1610

Tuan Yang di-Pertua, kedua ialah kita perlu jelas terdapat tiga bentuk pindaan yang dicadangkan. Pertama, had umur belia iaitu 15 sehingga 30 tahun. Kedua, had umur pemegang jawatan iaitu 18 sehingga 30 tahun dan had umur menjadi ketua juga 18 sehingga 30 tahun. Maka, perbincangan yang berlangsung perlu meneliti ketiga-tiga fokus ini. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan umur ini sesuatu yang baik, selaras dengan peringkat umur yang digariskan di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun perubahan had umur belia pada 30 tahun ini kelihatan terlalu drastik. Malah, sebaiknya ia perlu dilakukan secara berperingkat. Sewajarnya pertimbangan diambil terhadap pindaan kepada had umur 35 tahun terlebih dahulu. Ini kerana saya memandang fasa umur 18 tahun hingga 30 tahun adalah fasa perkembangan kematangan.

Ini kerana ramai di kalangan mereka yang berumur 18 tahun ke atas ini baru menamatkan pengajian SPM dan tidak kurang juga yang akan masuk ke universiti



sehinggalah tamat belajar dalam lingkungan umur 23 sehingga 25 tahun sebab itu adalah tempoh untuk mereka mendapatkan pekerjaan dan berumah tangga. Maka, tempoh yang berbaki sehingga umur 30 tahun pula masih tidak stabil dengan faktor kewangan, pekerjaan dan sebagainya.

Walaupun ini bukanlah alasan kita memastikan keterlibatan sosial para belia di negara kita tetapi apa yang saya maksudkan adalah implikasinya secara umum kepada pertubuhan belia, apatah lagi mereka juga akan memegang jawatan tertinggi dalam mana-mana pertubuhan sosial dan juga belia. Soal yang lain adalah bagaimana pula mereka yang berumur 30 tahun ke atas yang pada asasnya masih relevan untuk terlibat dengan pertubuhan belia, melihat kepada sumbangan dan pengalaman yang mereka ada.

Tuan Yang di-Pertua, faktor sekeliling juga mempengaruhi pindaan ini untuk kita melihat realiti semasa belia di negara ini. Statistik dadah dan gejala sosial masih dikuasai oleh golongan belia. Jika kelompok belia dihadkan kepada 30 tahun, berapa tahun yang tinggal selepas mereka meninggalkan alam mahasiswa ditambah lagi dengan kesulitan sebagai mencari pekerjaan yang stabil untuk mereka terlibat dengan pertubuhan belia.

Saya tidak bercakap soal kekangan kerana kami barisan di kalangan Pemuda PAS khususnya turut dianggotai kelompok anak muda sehingga ke mahasiswa. Cuma apa yang menimbulkan persoalan adalah apa sistem sokongan bagi memastikan kematangan mereka dapat dibentuk dengan sebaik mungkin? Kita pernah ada Dasar Pembangunan Belia Negara yang digubal pada tahun 1997 menggariskan beberapa perkara penting. Antaranya soal ilmu, sikap, kemahiran dan keusahawanan, interaksi sosial dan jaringan antarabangsa. Jika satu sudut kita turunkan had umur belia tetapi satu sudut yang lain kita tidak beri sistem sokongan yang membantu mematangkan mereka. Apa yang akan jadi dengan belia di negara ini kelak?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah saya juga difahamkan pindaan kepada 30 tahun ini tidak mendapat persetujuan Majlis Belia Malaysia sebagaimana yang disebut beberapa rakan Ahli Parlimen tadi yang turut berpandangan had umur belia adalah pada 35 tahun. Sejauh mana konsultasi dengan *the main stakeholder* ini diambil berat oleh pihak kerajaan. Justeru, ada baiknya pindaan ini diteliti semula oleh pihak kerajaan.

Persoalan saya yang seterusnya ialah adakah pembentangan RUU Akta 668 (Pindaan) 2019 lebih kepada menyelesaikan beberapa janji manifesto yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan? Dalam masa yang sama, janji manifesto yang lebih utama

dibiarkan begitu sahaja tanpa ada apa-apa tindakan. Pembentangan ini ternyata dibuat pada pandangan saya ialah agak tergesa-gesa walaupun disebut tadi telah ada pengumuman semula daripada ini dan tidak masak sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya seterusnya ialah persoalan yang perlu ditimbulkan iaitu berapa lama tempoh transisi rang undang-undang ini akan dilaksanakan? Adakah tempoh yang dicadangkan tersebut mencukupi untuk menyelesaikan soal kepimpinan belia? Seterusnya, apakah yang dimaksudkan dengan empat tahun berterusan had umur? Adakah ia bermakna empat tahun sebelum masuk 30 ataupun empat tahun selepas umur 30 tahun? Maknanya, 30 sehingga 34 tahun ataupun perlu lebih awal daripada itu lagi iaitu 26 tahun.

Berapakah statistik pemegang jawatan utama yang berumur 30 hingga 40 tahun ketika ini dan sejauh manakah ia memberi kesan kepada pertubuhan belia sekarang? Saya melihat umur 31 tahun juga sedikit awal untuk menjadi senior. Mungkin 35 tahun lebih tepat sebagaimana pandangan sahabat-sahabat yang lain. Saya harap perubahan ini disertakan dengan kajian yang menyeluruh termasuk dengan beberapa rakan strategik dan pendidikan agar ia dapat mencatatkan pembangunan belia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan Dasar Belia yang ada di negeri Kelantan khususnya. Antaranya ialah kerana belia merupakan golongan majoriti daripada keseluruhan penduduk di Malaysia, belia merupakan aset penting dalam menentukan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Peranan belia dalam Islam tidak kurang pentingnya dengan tanggungjawab yang besar diamanahkan sebagai pewaris kepimpinan ummah.

Dasar Belia Kelantan meletakkan Islam sebagai teras utama yang bertujuan membentuk dan membina jati diri generasi belia yang perkasa, berteraskan ilmu, iman, akhlak dan berketerampilan ke arah kegemilangan ummah. Matlamat Dasar Belia Kelantan adalah untuk membentuk dan membina golongan belia yang mencapai tahap kemajuan dan kecemerlangan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat Kelantan dan ummah berpandukan cara hidup yang mulia melalui penghayatan asas-asas ketuhanan dan pengamatan nilai-nilai murni dalam segala bidang kehidupan. Ia bagi melahirkan belia yang mempelopori, mengisi dan menjana perubahan seterusnya menjadi pewaris kepada kepimpinan.

Nilai-nilai yang perlu ada sebagai prasyarat menjadi belia yang bersifat *Al-Qawiyiyul Amin* iaitu belia yang mempunyai kekuatan akidah dan fizikal, keunggulan

peribadi, keluasan ilmu dan kekuatan daya fikiran, keberanian kerana benar, berhikmah, beramanah, keterbukaan, keterampilan dan berjiwa besar.

Persoalan terakhir saya ialah bagaimanakah penyelesaian kepada golongan belia di Malaysia dalam negara kita ini yang terdedah dengan budaya luar yang sangat ekstrem? Apakah kesediaan kementerian dalam memperbanyakkan program keagamaan kepada golongan belia dan mengurangkan program yang melalaikan dan boleh merosakkan akhlak di kalangan para belia?

Kekurangan program pembangunan insan kepada golongan belia Malaysia, inisiatif kementerian dalam menjadikan golongan belia Malaysia sebagai generasi belia yang perkasa berteraskan ilmu, iman, akhlak dan berketerampilan ke arah kegemilangan ummah yang diperlukan oleh sebuah negara yang menuju ke arah negara maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah sebahagian daripada ucapan saya. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tepat pada masa, kurang sedikit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan. Ada? Tidak ada. Sudah cakap? Ya, baik. Seterusnya Yang Berhormat Rasah, silakan.

#### **4.17 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 ataupun secara ringkasnya Akta 668. Walaupun usia saya sebenarnya bukan lagi di peringkat belia tetapi saya rasa terpanggil untuk menyertai perbahasan pada petang ini di mana saya sendiri merupakan Penasihat Undang-undang kepada GBBM Negeri Sembilan dan juga Penasihat Undang-undang YMM Negeri Sembilan. Dua belia yang cukup sinonim, cukup terkenal yang telah bertapak di Malaysia, dia ada di peringkat kebangsaan dan di setiap negeri dan cawangan di setiap daerah sejak sekian lama.

Jadi saya rasa, saya sentiasa bersama dengan golongan belia dan mendengar pandangan, rintihan dan juga isi hati daripada para belia untuk dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini. Terutama saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak KBS khasnya Menteri yang paling muda yang kita ada. Bila kita ada Menteri dari kalangan belia, ia membawa satu perubahan yang sebelum ini banyak kita uar-uarkan tetapi tidak dilaksanakan. Saya nampak pindaan pada petang ini sebenarnya ia adalah

kesinambungan daripada Dasar Belia Negara yang telah digubal dan telah diputuskan pada tahun 2015. Ketika itu telah ditetapkan had umur 30 tahun.

Jadi kita mengaku, ini bukan sesuatu yang baharu. Jadi adalah kurang sesuai, adalah kurang molek kalau kita gunakan kata tergesa-gesa, tergopoh-gapah. Tidak, sebenarnya masa ataupun ruang yang cukup banyak telah diberikan dan semua pihak sebenarnya, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berada di sini pada penggal lepas sebenarnya telah tersedia maklum berkenaan dengan perkara ini. Perkara ini sebenarnya universal. Ia tidak kerana fahaman politik tetapi adalah untuk kebaikan semua, kebaikan semua belia di dalam negara kita.

Jadi, saya menyokong penuh pindaan ini dan saya harap ia dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik supaya akhirnya belia di bawah umur 30 tahun akan menjadi golongan yang menjadi sasaran yang mana fokus kita lebih tertumpu kepada belia di bawah umur 30 tahun.

#### ■1620

Pindaan ini bagi saya ia tidak merencatkan ataupun menghalang, mengekang peluang untuk mereka yang tergolong dalam usia 30 tahun hingga 40 tahun untuk terlibat di dalam pertubuhan ataupun persatuan. Oleh sebab apa? Mereka boleh teruskannya dalam pertubuhan, kelab sukan dan sebagainya dengan ROS. Kita buat pindaan hari ini adalah berkenaan dengan pendaftaran di bawah ROY.

Jadi, jangan disebabkan kita turunkan had usia daripada 40 tahun kepada 30 tahun, ia menjadi kekangan ataupun kita jadikan alasan bahawa mereka yang berusia 30 tahun hingga 40 tahun dihalang daripada persatuan, tidak. Ruang masih terlentang luas untuk semua yang terlibat di kalangan usia 30 tahun hingga 40 tahun untuk berpersatuan dan berbakti kepada komuniti dan masyarakat. Sebaliknya, pindaan pada petang ini bukan sahaja mempunyai fungsi untuk proses peremajaan golongan belia kita, tetapi ia juga berfungsi untuk pemerksaan golongan belia.

Kita kena faham apabila skop umur tersebut disempitkan dengan had umur 30 tahun, ia sebenarnya membolehkan peruntukan ataupun dasar kerajaan lebih berfokus kepada golongan tersebut dan menyediakan mereka untuk berbakti kepada masyarakat suatu hari nanti. Kita percaya perkembangan teknologi hari ini, saingan globalisasi tanpa sempadan yang kita hadapi, yang mana dengan pindaan pada hari ini saya percaya akan dapat menyediakan generasi muda kita supaya lebih berdaya saing dengan masyarakat antarabangsa, dengan kuasa-kuasa besar, dengan negara-negara maju pada masa-masa akan datang.

Kita kena mengakui bahawa akta yang telah digubal sebelum ini sudah lebih daripada 10 tahun. Ini adalah saat dan ketika yang terbaik untuk kita buat pindaan untuk membolehkan kualiti kepimpinan anak-anak muda kita dapat dipertingkatkan. Akhirnya, masa depan negara akan lebih cemerlang dan terbilang pada masa yang akan datang.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Rasah, izin laluan?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ya.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong pindaan rang undang-undang ini walaupun saya lebih setuju kepada had umur 35 tahun. Apabila rata-rata kita menyatakan bahawa kita ketandusan pemimpin muda, saya rasa ini ada kesannya kerana undang-undang sebelum ini, Akta Universiti dan Kolej 1971 telah menyekat aktiviti pelajar. Apabila mereka keluar, mereka *confuse*, mereka keliru sama ada benda ini politik *atau* persatuan, ini yang saya rasa memberikan kesan kepada golongan pelapis. Saya rasa dengan pindaan yang sebelum ini dapat meningkatkan lagi aktiviti orang-orang muda.

Saya ingin mengetahui, apakah mekanisme KBS untuk menambah baik aktiviti-aktiviti persatuan belia yang sekarang ini kebanyakannya bertumpu kepada sukan, futsal, bola sepak, konvoi, aktiviti makan-makan, *games* dan kurang dari segi sukarelawan? Alangkah hebatnya jika belia kita contohnya, menjadi sukarelawan membantu mengurangkan, jika pun tidak menyelesaikan masalah masyarakat seperti masalah-masalah yang kita hadapi di kawasan kempen merokok, antidadah, *peer* kaunseling, kebersihan, kelestarian kampung dan rakan masjid. Apa pendapat Yang Berhormat Rasah?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Cadangan yang cukup baik, saya minta masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Oleh sebab beliau berpengalaman sebagai pensyarah universiti. Jadi pengalaman beliau, pandangan beliau cukup bernas dan terima kasih.

Saya juga mengambil peluang pada petang ini. Tadi ada rakan-rakan di sebelah sana mengatakan bahawa pandangan daripada Majlis Belia Malaysia (MBM) yang dikatakan bahawa perjumpaan terakhir pada 16 April tahun ini sebagai mana kenyataan media yang dikeluarkan oleh Encik Jufitri Joha, Presiden MBM pada hari ini walaupun beliau sekarang berada di Moscow. Saya percaya, selain daripada apa yang dinyatakan oleh Presiden MBM tersebut, Yang Berhormat Menteri KBS kita sentiasa *engaged*, sentiasa bersama dengan golongan muda. Saya percaya pertemuan terakhir bukan pada tarikh tersebut.

Saya difahamkan pada minggu lepas pun sebelum beliau berlepas ke Moscow, sebenarnya Yang Berhormat Menteri ada berjumpa. Jadi, saya- tidak apa, nanti kita serahkan kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya rasa boleh memberikan satu jawapan yang boleh menjawab segala tohmahan, tuduhan bahawa tidak ada konsultasi dan sebagainya.

Saya tahu benda ini sebenarnya berlaku, konsultasi ataupun perjumpaan dan dengar pandangan daripada pelbagai pihak, para pemegang-pemegang taruh di seluruh negara. Antaranya, termasuklah pada 14 November yang lepas di tempat Negeri Sembilan, di Kompleks Sukan Paroi sebenarnya telah berlaku konsultasi. Maknanya, rakyat dari seluruh negara. Dari Sabah, Sarawak, dari utara dan selatan, telah diberikan peluang untuk menyatakan pandangan dan juga komen masing-masing. Ini telah dilakukan di bawah kerangka Kerajaan Pakatan Harapan. Kalau dulu jangan harap, jangan mimpi ia boleh berlaku.

Akan tetapi hari ini, komitmen yang begitu baik, satu pembaharuan yang telah dibawa di bawah kerangka Malaysia Baharu yang mana Yang Berhormat Menteri kita sendiri turun padang untuk mendengar pandangan, barulah dibawa ke sini. Jadi ini menunjukkan ia sebenarnya telah merangkumi hujahan, pandangan daripada pelbagai pihak. Sama ada yang kritis, sama ada yang sokong ataupun yang sebaliknya. Ia adalah berbentuk inklusif daripada semua golongan, semua pemegang taruh, masing-masing telah diberikan peluang yang terbaik untuk melakukannya.

Saya juga percaya, Yang Berhormat Menteri akan ada satu tempoh peralihan. Akan tetapi apabila kita buat pindaan terhadap akta, kita tidak adalah buat pindaan terhadap akta setiap tahun. Jadi, saya bersetuju had umur diturunkan daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Cuma mekanisme pelaksanaan, pendekatan ia mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan supaya mungkin ada dua tahun atau tiga tahun agar ada transisi daripada 40 tahun kepada 35 tahun, selepas itu kepada 30 tahun.

Akan tetapi untuk tujuan kita, melalui prosiding di dalam Dewan yang mulia ini adalah suai manfaat, adalah lebih sesuai kalau ikut apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu daripada 40 tahun turun kepada 30 tahun. Cuma pendekatan itu, mekanisme yang bagi saya lebih kepada *administrative* dari segi pentadbiran dengan kuasa budi bicara pihak Yang Berhormat Menteri boleh berikan sedikit kelonggaran. Jadi, itu sahaja pandangan saya pada petang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Ya, silakan.

**4.27 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

*Bunga melur harum mewangi;  
Hiasan sanggul si dara sunti;  
Orang muda kita sayangi;  
Orang lama kita hormati.*

Tahniah di atas pindaan akta ini dan saya sebagai seorang ibu, saya bukan seorang pemimpin belia. Saya sebagai seorang ibu, sangat menyokong penuh di atas pindaan ini dan ingin melihat masa depan anak muda kita yang akan menjadi pelapis kepada pemimpin negara kita. Harapan kita pindaan ini akan lebih banyak lagi aktiviti persatuan belia untuk anak-anak muda dapat dimanfaatkan oleh anak-anak kita.

Saya mengambil peringatan juga daripada peringatan Nabi SAW yang bermaksud, "*Ambillah peluang semasa muda sebelum masa tua*". Begitu pentingnya usia muda. Saya yakin hampir kesemua pemimpin, wakil-wakil rakyat yang ada di Dewan ini bermula daripada mereka yang aktif pada zaman muda. Jadi, apa yang penting di sini ialah walaupun sehebat mana orang muda jangan tinggalkan orang lama sebab mereka mempunyai pengalaman yang boleh kita ambil pelajaran daripada mereka. Kekuatan fizikal, kecergasan berfikir, ketangkasan bertindak yang ada pada orang muda hendaklah digabungkan menjalinkan dengan pengalaman yang hebat yang ada pada orang lama.

Saya ingin tahu, apakah kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan kesan positif daripada pindaan ini? Sejauh mana kesan kepada mereka yang berumur 30 tahun ke atas? Mungkin berlaku kebimbangan di kalangan mereka sebab dasar ini baru diubah. Adakah mereka mendapat hak-hak mereka yang telah ditetapkan seperti kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi yang berumur di bawah 40 tahun? Jadi, perkara ini harus di jelaskan supaya tidak menjadi kekeliruan terutama mereka yang di luar sana, yang berasa terpinggir apabila mereka sudah terkeluar daripada lingkungan golongan usia belia.

Saya ingin tahu juga, apakah kesan iaitu daripada pindaan ini terutama dari sudut program-program yang akan ditawarkan oleh pihak kementerian dari segi positifnya?

Begitu juga saya ingin tahu jumlah pertubuhan, persatuan dan wanita terutama yang melibatkan belia wanita di seluruh negara?

■1630

Kita lihat pelbagai isu yang melibatkan anak muda dan daripada jawapan pembentangan Menteri tadi, kita dapat tahu bagaimana 2,260 persatuan belia yang telah dibatalkan. Jadi saya ingin tahu, apakah punca? Kenapa persatuan ini dibatalkan? Apa punca menyebabkan banyak persatuan belia, lesu? Ini adalah satu perkara yang merugikan. Saya ingin tahu juga, bagaimana pindaan yang telah dibuat ini sejauh mana keberkesannya terutamanya yang melibatkan belia yang berumur 15 tahun yang masih di alam persekolahan? Sejauh mana perundingan yang telah dibuat dengan Kementerian Pendidikan? Ini disebabkan kita tidak mahu kerana aktif dengan persatuan, pembelajaran mereka terjejas.

Begitu juga ingin tahu iaitu dari segi strategi jangka panjang, jangka pendek dan jangka sederhana untuk pembangunan belia di bawah Kementerian Belia. Sebab kita ingin melihat belia kita bukan semata-mata cemerlang dari sudut persatuan tetapi mereka mempunyai perancangan apa yang jelas untuk masa depan mereka. Sejauh mana dasar belia dapat diterjemahkan secara terperinci dalam membangunkan pertubuhan belia setakat ini? Apakah kajian telah dibuat dan sejauh mana pemimpin-pemimpin pertubuhan belia diberi latihan, bimbingan secara profesional dan terlatih dalam mengendalikan pertubuhan belia? Ini disebabkan kita tidak mahu persatuan yang di tubuh akhirnya lesu dan akhirnya terbatal macam itu sahaja.

Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh Majlis Perundingan Belia sebagai rakan kongsi yang bertindak sebagai pembimbing persatuan belia. Sejauh mana tindakan yang telah dimainkan oleh MPB ini? Begitu juga saya ingin tahu, apakah analisa telah dibuat terhadap program-program sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat kita tadi program yang dilaksanakan oleh belia? Sebab kita hendak melahirkan belia yang mempunyai jati diri, yang mempunyai akhlak yang tinggi, yang berintegriti. Kita tidak mahu hanya seronok-seronok ataupun dalam program yang hiburan ataupun sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, perkara-perkara yang kita melihat jangka panjang. Sebab kita mengharapkan belia ini akan menjadi pelapis kepada pemimpin negara pada masa depan.

Apa yang paling membimbangkan kita ialah bagaimana hari ini kita melihat semakin ramai belia kita terlibat dengan gejala sosial. Ini adalah suatu perkara yang sangat membimbangkan kita, sama ada terlibat dalam isu dadah, isu dedah ataupun isu



LGBT dan sebagainya dan majoriti mereka adalah di usia muda. Jadi saya ingin tahu, apakah dasar yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan program-program yang dibuat di bawah kementerian, sama ada ia di peringkat kebangsaan atau ia diperturunkan di peringkat negeri-negeri, yang boleh memberi kesedaran dan jati diri kepada mereka untuk menjauhi perkara mungkar? Jadi bukan semata-mata untuk mengajak mereka kepada yang makruf tetapi mengajak mereka supaya menjauhi yang mungkar, perkara-perkara yang boleh merosakkan masa depan mereka.

Begitu juga dengan program sukan yang dikendalikan di bawah kementerian. Saya sangat mengharapkan satu dasar dibuat. Contohnya bagi orang Islam, etika berpakaian yang menutup aurat terutama bagi wanita Islam, begitu juga lelaki. Jadi sepatutnya perkara ini menjadi satu agenda perubahan baharu yang dibuat di bawah kementerian untuk kita maju ke depan. Ini disebabkan kita ingin melihat generasi negara kita masa depan adalah generasi yang hebat, generasi yang kuat, dapat melahirkan belia yang berilmu, yang berwibawa, berintegriti, yang beriman, bertakwa. Ini yang kita harapkan. Belia yang macam inilah yang menjadi harapan negara.

Jadi kami, para ibu dan para bapa, begitu juga abang-abang yang ada di Dewan ini, sangat menyokong penuh dan mendoakan semoga kita dapat melahirkan belia negara kita belia yang mantap, yang akan mewarisi kepimpinan negara dengan baik, *insya-Allah*. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lenggong. Silakan. Tidak ada? Baik. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Contoh pemimpin belia.

#### **4.34 ptg.**

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker, sahabat saya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri yang paling muda, atas keberanian untuk membawa pindaan ini. Ini kerana saya juga berada dalam barisan pimpinan muda di mana saya melihat beberapa perkara yang boleh dikongsi atau menjadi rujukan bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti kita sedia maklum, belia adalah tulang belakang kepada sesebuah negara. Mereka adalah pewaris daripada kepimpinan hari

ini, mereka adalah pelakar kepada sejarah negara pada masa hadapan. Dalam era serba canggih, belia kita mudah untuk mendapatkan informasi terkini. Segala maklumat di hujung jari. Kadangkala mereka lebih pakar dalam mencari ilmu di gudang-gudang ilmu sama ada di atas talian ataupun tidak. Belia hari ini akan membuat apa sahaja yang diminati, maka tidak salah kita gunakan peluang ini untuk memperdayakan mereka.

Saya melihat apabila Yang Berhormat Menteri mencadangkan pindaan ini bagi menyelaraskan Akta 668 dengan Dasar Belia Negara, ia adalah satu peluang yang baik kepada belia-belia di luar sana kerana proses memperdayakan belia akan sentiasa berlaku. Pihak kepimpinan sesuatu pertubuhan akan sentiasa mencari pelapis tanpa henti dan ketika proses ini berjalan, lebih ramai anak muda akan digilap bakat mereka untuk menjadi seorang pemimpin yang baik dan berintegriti.

Walaupun daripada peringkat awal saya melihat takrif umur belia dalam sesuatu pertubuhan adalah lebih wajar dihadkan pada usia 35 tahun kerana dilihat lebih matang dalam membuat sesuatu keputusan termasuk hal-hal lain. Walaupun begitu, dengan izin, saya memetik, "*The UN, for statistical consistency across regions, defines 'youth', as those persons between the ages of 15 and 24 years, without prejudice to other definitions by Member States*". Maka tidak salah untuk kita memperkasa anak muda kita yang berusia 30 tahun dan ke bawah. Saya pasti golongan ini akan lebih berpotensi dan mampu meningkatkan mutu berdaya saing.

Secara tidak langsung, negara akan mendapat kebaikan di antaranya. Saya difahamkan bahawa apabila sesuatu persatuan yang dipegang oleh ketua dan jawatankuasa di antara 35 ke 40 tahun, pergerakan persatuan mereka lebih kepada pergerakan dan fokus dasar sesuatu persatuan. Persatuan untuk mendayakan belia lebih muda adalah dilihat agak suram berbanding persatuan-persatuan belia dipimpin oleh ketua-ketua dan jawatankuasa lebih muda.

Saya juga percaya bahawa rasional bagi penurunan had umur belia adalah untuk memastikan bahawa belia ini mampu bergerak lebih pantas kerana mereka berada dalam jurang generasi yang sama dan ia mampu bagi mempercepatkan proses kematangan para belia. Mengapa saya katakan sedemikian adalah oleh kerana belia berusia 18 ke 30 tahun lebih mudah berinteraksi di antara mereka, manakala mereka akan lebih menghormati pimpinan yang berusia di antara 35 tahun dan ke atas. Perkara ini berlaku kerana ini adalah budaya bangsa Malaysia. Kita sebenarnya telah terbiasa dengan nilai hormat-menghormati. Maka proses untuk meningkatkan daya anak muda, dikhuatiri terbantut oleh sebab nilai hormat yang terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendalami hasrat pindaan ini, saya melihat ia mempunyai sifat yang baik dan positif. Demi kemajuan Malaysia, kelak ia harus dilaksanakan. Saya akui bahawa walaupun negara telah mempunyai pimpinan yang hebat-hebat tetapi kita harus mempunyai barisan pelapis yang ramai bagi memastikan kesinambungan negara bergerak selaras menuju negara maju.

Walaupun begitu, saya baharu sahaja menerima satu pesanan ringkas daripada salah satu *group* di media *WhatsApp* daripada saudara Jufitri Joha selaku Presiden Majlis Belia Malaysia, di mana beliau tidak setuju terhadap pindaan ini. Saya memohon agar Yang Berhormat Menteri dapat menjawab persoalan ini untuk memastikan beliau di luar sana memahami apakah hala tuju KBS sebenar kerana secara tidak langsung, ia dilihat seolah-olah KBS membuat keputusan sendiri tanpa mengambil kira keputusan *consensus* dari rakan-rakan strategik lain.

■1640

Soalan kedua saya, apakah pindaan ini hanya diguna pakai oleh seluruh persatuan yang didaftar melalui ROY sahaja atau persatuan-persatuan di bawah ROS juga turut terlibat? Soalan ketiga saya, apakah selepas pindaan ini berlaku, adakah barisan kepimpinan KBS juga dirombak bagi memastikan tujuan dan asas yang sama diguna pakai dalam kementerian? Selain daripada ini, saya melihat bahawa apabila pindaan ini dipersetujui, secara tidak langsung ia dapat menstabilkan identiti beliau itu sendiri.

Mereka akan mempunyai ruang yang lebih besar untuk menentengahkan bakat mereka dalam pembangunan modal insan yang merangkumi kecerdasan intelektual, spiritual, emosi dan fizikal akan bermula dari ruang ini. Saya berpendapat untuk kebaikan negara perkara ini harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan nilai dari pindaan ini adalah penghasilan pelapisan yang berkualiti. Saya juga beranggapan dengan implementasi undang-undang ini beliau tidak lagi berpersatuan hanya untuk bersuka ria, malahan mereka akan menggunakan pentas ini untuk mengenal pasti kekuatan diri dan pasukan sambil membina saf barisan kepimpinan berkualiti demi generasi seterusnya.

Saya juga mencadangkan agar pihak kementerian mampu menyediakan prasarana seperti pusat bimbingan ilmu untuk menggunakan beliau yang dahagakan ilmu-ilmu baru untuk memperkukuhkan jati diri dan skil pimpinan mereka. Sebagai tambahan akhir bagi memperkukuhkan hujah saya pada petang ini, saya ingin memberi contoh bahawa persatuan-persatuan yang didominasi oleh golongan belia berusia 40

tahun lebih berperanan sebagai ketua yang mengawal pergerakan ahli-ahli mereka bagi memastikan pimpinannya dapat diteruskan dalam satu tempoh masa yang lebih panjang.

Jadi, apabila perkara ini berlaku, budaya untuk memperdayakan lapisan baru akan terbantut oleh sebab kepentingan individu-individu berkepentingan ini. Jadi, apabila pindaan ini dilaksanakan, kebbaikannya akan kembali kepada golongan pelapis kelak. Akhir sekali, Batu memohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Seterusnya, Yang Berhormat Bachok, ada Bachok? Tidak ada, sudah tiga orang tidak ada. Yang Berhormat Gerik ada? Silakan.

#### **4.42 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut sama hendak membahaskan rang undang-undang Akta 668 ini melibatkan umur belia daripada 15 tahun ke 35 tahun. Saya juga dahulu seorang belia. Saya masih ingat kalau sebelum tahun 2007, pengerusi belia sampai umur 60 tahun. Ini bermakna ketika itu beliang-beliang lah yang memimpin belia. Akan tetapi apa yang penting yang saya hendak tonjolkan ialah kerajaan sentiasa peka.

Daripada umur 60 tahun dibuat perubahan turun kepada 40 tahun. Akan tetapi kita melihat kesannya, apabila umur belia diturunkan daripada yang tiada had kepada umur 40 tahun, mulalah kita lihat suasana belia-belia di seluruh negara agak gawat. Nampak corak belia yang aktif belia Melayu, Cina dan India boleh dikatakan amat-amat tidak bergerak aktif ketika itu.

Kemudian Yang Berhormat Menteri KJ ketika itu telah mencadangkan supaya umur belia diturunkan daripada 40 tahun kepada 35 tahun dan 15 tahun tetapi tidak kesampaian. Akan tetapi saya melihat sampai hari ini, walaupun kebanyakan ataupun mungkin Yang Berhormat Menteri telah berjumpa dengan pelbagai kumpulan untuk mendapat pandangan dan nasihat, di seluruh negara terdapat juga segelintir belia-belia memberi pandangan, "*kami belum bersedia*". Jikalau turun umur 30 tahun, ramai hendak kena digantikan, ini keluh kesah belia-belia Melayu.

Secara positif, saya tidak nafikan amat baik kalau umur 30 tahun ini diturunkan daripada 40 tahun ke 30 tahun. Akan tetapi permasalahan yang ada, bagaimana persatuan belia yang hidup kekal dalam negara daripada dahulu sehingga ke hari ini,

semangat sukarelawan yang dibentuk ketika dahulu, hari ini persatuan-persatuan belia, “*hangat-hangat tahi ayam*”, yang muda-muda ini aktif dalam masa enam bulan, selepas enam bulan tidak menggerakkan persatuan belia masing-masing. Ini yang berlaku di peringkat bawah. Akan tetapi kita ada sistem di dalam negara dengan ada payungnya, Majlis Belia Malaysia. Kita ada Majlis Belia Negeri, kita ada Majlis Belia Daerah. Rungutan daripada persatuan tidak mendapat bantuan kepada persatuan-persatuan belia.

Oleh sebab itu, mungkin pandangan Yang Berhormat Menteri melihat dengan menyelesaikan masalah umur 15 tahun ke 30 tahun ini, mungkin ini satu kaedah untuk memastikan belia di kawasan ini akan hidup. Saya melihat walaupun kita mungkin boleh mengubah umur 15 tahun ke 30 tahun, selagi Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai satu strategi *Blue Ocean Strategy* iaitu bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, di mana sebenarnya belia dilahirkan di sekolah. Pelajar-pelajar dari Tingkatan 1 sampai Tingkatan 6, mungkin mereka ada setengah sampai Tingkatan 5, di sini kita kena tengok. Jikalau kita mengharapkan pelajar yang keluar daripada Tingkatan 3 yang tidak berjaya di sekolah dan mereka aktif dengan aktif dengan persatuan belia, kita akan gagal.

Begitu juga kalau kita mengharapkan pelajar-pelajar ini keluar daripada Tingkatan 5, tidak mungkin. Akhirnya, kita melihat tumpuan kita kepada pelajar-pelajar yang belajar di pusat pengajian tinggi. Akan tetapi sejauh mana mereka memahami sebagai seorang sukarelawan tidak memikirkan program besar-besar. Setiap program selalu difikirkan kena buat *t-shirt*, belanja yang besar-besar tetapi kesan pada masyarakat tidak ada.

Saya lebih suka kalau belia-belia di kampung didaftarkan, kerjasama dengan JKKK. Kalau di kampung Melayu, buat sambutan Maulidur Rasul. Belia tadi tidak menggunakan modal, duduk dengan JKKK aturlah program. Kenduri-kendera, belia yang kena kontrol basuh pinggan, angkat hidang. Walaupun satu peringkat kita memperkasakan belia dengan memberi pelbagai latihan kemahiran yang akhirnya boleh kita membentuk satu bentuk kelompok belia yang boleh memberi pembangunan negara yang amat baik.

Oleh sebab hari ini, persatuan belia yang ada ini, pemikiran kepimpinan mereka lebih serupa parti politik juga. Tidak ada duit, program tidak boleh berjalan. Akan tetapi saya yakin, saya percaya semasa saya bergerak dalam Persatuan GPMS, saya bergerak dalam Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP), kami sebenarnya tidak perlu

banyak duit. Kami mendekati kumpulan belia, kerjasama dengan jawatankuasa masjid, kerjasama dengan JKKK dan pelbagai lagi bagi memastikan belia-belia tadi sentiasa mengisi masa lapang. Dilatih masa lapang mereka dan menjadi belia yang ada keyakinan diri untuk membantu kampung sendiri, tempat sendiri, negeri sendiri dan peringkat yang paling besar, negara sendiri.

Saya sebenarnya tidak ada halangan, pada saya 15 tahun ke 30 tahun. Akan tetapi yang kita bimbang, kelompangan apabila kita luluskan 15 tahun ke 30 tahun. Kalau kita ambil berdikit biar dahulu 35 tahun, mungkin selepas ini telah kita sedia pelapis-pelapis, maka sudah bersedia, tidak timbul cerita minat semasa, Kementerian Belia dan Sukan mungkin boleh susun modul baru untuk memastikan setiap belia kita latih mereka menjadi pemimpin.

#### ■1650

Kalau kita tengok di bawah belia sendiri pada tahun 2018, umur yang 15 tahun ke 40 tahun dengan hanya sejumlah 260 buah persatuan belia. Orang yang menjadi belia, yang aktif dengan belia cuma sejumlah 4,571 orang berdasarkan daripada pejabat pendaftar pertubuhan punya rujukan. Ini menggambarkan sejauh mana? Kalau betul kita laksanakan perkara ini, kalau kelompangan tadi menyebabkan hanya kita letak orang untuk menjadi pemimpin dalam persatuan-persatuan belia di dalam kawasan masing-masing. Apa akan berlaku? Sekadar ada nama belia, ABC, JKR dan pelbagai lagi yang akhirnya tidak ada ahli, tidak ada pemimpin yang menjalankan aktiviti. Akhirnya, mulalah rungutan daripada masyarakat, "*Oh! Yang banyak terlibat dengan kegiatan belia, orang Melayu*".

Akhirnya, pelbagai ini— inilah antara yang saya minta Kementerian Belia dan Sukan melihat semula supaya semangat sukarelawan, sedikit bantuan kewangan kena beri kepada persatuan-persatuan belia. Selepas itu, belia ini terlampau banyak cita rasa. Bagaimana kita mengadakan melalui pemantauan pegawai belia yang boleh merujuk juga di Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah?

Faktor minat belia-belie tadi yang akhirnya yang kita mahu ialah persatuan belia mesti digerakkan dengan aktif bagi memastikan anak-anak muda yang menjadi pelapis dan juga yang menentukan masa hadapan negara ini dibendung ke arah budaya yang baik, ke arah budaya yang boleh dibanggakan oleh setiap ibu bapa dalam negara ini.

Jadi dengan ini, saya mencadangkan supaya akta ini dipindalah supaya sesuai dengan cadangan Majlis Belia Malaysia, 15 tahun ke 35 tahun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Kita tiba ke pembahas yang terakhir iaitu Yang Berhormat Sandakan. Silakan.

**4.52 ptg.**

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Saya menyokong penuh hasrat kementerian untuk memperkasa belia. Kita menjadi pemimpin masa depan kepada masyarakat. Saya selalu percaya dengan kata-kata, "*If you are good enough, you are old enough*". Penurunan had umur di bawah pindaan akan memulakan proses pembaharuan organisasi belia kita lebih awal lagi. Ia memberi peluang kepada belia untuk terlibat secara aktif dalam pengurusan dan menjalankan persatuan, berbanding menunggu giliran mereka untuk lima hingga 10 tahun yang akan datang, sebagai contohnya.

Pembaharuan ini akan menjadikan belia kita untuk lebih serius dan bersedia mengambil tanggungjawab tambahan serta peranan apabila mereka tiba ke posisi berkenaan. Ini juga akan menjadi latihan yang baik untuk belia kita pada masa hadapan. Selain saya menyokong pindaan Akta 668, saya juga ingin berkongsi kepada Yang Berhormat Menteri, beberapa kebimbangan saya terhadap golongan pemuda dan rakyat saya di Pantai Timur untuk pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama. Dalam kita memperkasa belia iaitu untuk masa depan negara kita, dalam masa yang sama kita juga harus melihat dan peka dengan cabaran yang kita hadapi ketika ini berkenaan belia. Kadar perubahan teknologi dekad yang lalu yang begitu cepat juga membuatkan kita sedar bagaimana atau betapa bezanya generasi masa kini. Dengan penurunan umur belia, adakah akan wujud ketegangan baharu di kalangan yang muda dan yang tidak muda di kalangan masyarakat kita?

Jika adanya ketegangan ini, konflik baharu mungkin wujud dalam kalangan masyarakat kita. Mengambil contoh, dengan izin, *The Brexit Referendum* pada tahun 2016. Walaupun ia seharusnya menjadi undian untuk menentukan posisi UK ke dalam Kesatuan Eropah, ia kemudiannya menjadi cabaran antara generasi yang muda dengan yang tua dengan pertembungan ideologi antara generasi berbeza ini.

Saya menyokong pindaan akta ini dan saya percaya rakyat di Malaysia juga sudah bersedia untuk menerima wakil rakyat yang *leadership*, melihat keputusan PRK Sandakan baharu-baharu ini... [*Dewan riu*] Untuk makluman, dianggarkan 80 peratus

persatuan belia di Sabah diterajui oleh- Oh! *Sorry-sorry*, ini dahulu. Walau bagaimanapun, saya risau pindaan ini akan menjejaskan kawasan seperti di Sandakan.

Oleh kerana masalah yang kami hadapi adalah kebanyakan golongan umur 18 tahun ke 30 tahun telah pun berhijrah ke bandar besar untuk melanjutkan pelajaran oleh ketiadaan *full fledge university* di Sandakan. Saya bimbang masalah ini kerana rakyat yang di bawah jagaan saya di Sandakan adalah lebih banyak daripada golongan pelajar hingga Tingkatan 6 dan golongan yang umur lebih daripada saya. Jadi, untuk makluman dianggarkan 80 peratus persatuan belia di Sabah diterajui oleh mereka yang berusia 30 tahun atau lebih tua dari usia itu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar minta laluan.

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** *Let me finish this first. Sorry.*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh?

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Adakah impak pindaan ini akan menjejaskan *performance* pertubuhan belia di bandar seperti Sandakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberikan laluan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]** Boleh Sandakan, sedikit? Hendak sokong Sandakan.

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Oh! *One sentence.* Seperti Sandakan, seperti kekurangan ahli. Ya silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Dia bagi lah Jelutong. Hormat sedikit *junior* yang baharu ini.

**Seorang Ahli:** Cemburu kah?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kamu cemburu kah? Saya bukan hendak dengan dia, saya hendak tanya soalan. Yang Berhormat Sandakan, saya minta pandangan Yang Berhormat Sandakan. Semasa kita menubuhkan ROY pada tahun 2007, di bawah Yang Berhormat Pengerang ketika itu. Ramai yang juga tidak bersetuju untuk masuk ke satu Akta ROY. Akan tetapi dengan penurunan umur sampai ke 30 tahun ini, adakah Yang Berhormat bersetuju, persatuan di tempat Yang Berhormat pun akan keluar balik daripada ROY pergi kepada ROS? Minta pandangan Yang Berhormat Sandakan.

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** *Actually...*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Mike, mike.*



**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Jawapan adalah di dalam teks saya [Ketawa] Sorry ya. Okey, jadi yang ketiga. Berdasarkan statistik laman web Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia, terdapat kira-kira sejumlah 2.7 juta orang keahlian dengan 10 thousand persatuan yang berdaftar dengannya. So, Yang Berhormat Menteri sekiranya pindaan ini sudah diluluskan dan dilaksanakan, berapa ramai ahli dan persatuan berkenaan akan dibatalkan pendaftarannya?

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah terdapat cadangan untuk melibatkan para graduan macam saya, selari dengan pindaan ini bagi mereka yang berusia 31 hingga 40 tahun? Usia mereka tidak akan lagi layak menyertai persatuan belia di bawah pindaan ini. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melibatkan mereka ke dalam program kementerian, agar pengalaman dan kemahiran mereka masih boleh dimanfaatkan atau menjadi rujukan kepada belia supaya kita tidak mensia-siakan sumber bernilai ini kepada masyarakat kita.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Boleh tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mas Gading, ya diberikan.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Okey, terima kasih Sandakan. Sebenarnya saya bersetuju dengan hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sandakan kerana apa yang disuarakan adalah sentimen yang ada di luar bandar iaitu yang melibatkan belia-belia di luar bandar. Seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat Sibuti, belia di Sarawak, terutamanya di luar bandar jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek. Taraf hidupnya, taraf ekonominya, pekerjaan mereka, latar belakang pendidikan mereka, kesedaran politik mereka. Ini kerana apa? Ini kerana kurangnya pendedahan, kurangnya perhatian, mereka dibiarkan hanyut daripada arus pembangunan.

Oleh itu, banyak berlaku penghijrahan ke bandar-bandar, ke Semenanjung untuk bekerja. Jadi, jumlah belia di luar bandar itu sangat rendah. Apatah lagi untuk membentuk sebuah persatuan ataupun pertubuhan. Jika had umur 40 tahun diturunkan kepada 35 tahun, saya yakin peluang untuk mengumpulkan anak-anak muda atau belia bagi membentuk pertubuhan itu masih ada. Oleh sebab apa? Tidak semua belia berusia 18 tahun ke 30 tahun itu berminat untuk terlibat dalam aktiviti berpersatuan, kecualilah persatuan ataupun pertubuhan itu mampu mendatangkan faedah, mendatangkan pendapatan yang boleh menyara kehidupan mereka. Oleh sebab di luar sana, di luar

bandar khususnya, apa yang paling penting adalah apa yang hendak diletakkan di atas meja, apa yang hendak dihidangkan di atas meja.

Jadi, had umur 35 tahun lebih sesuai jika mengambil kira rentak ataupun corak kehidupan masyarakat di luar bandar. Oleh sebab, apa yang saya perhatikan di kawasan saya, belia 30 tahun ke 35 tahun ini lebih stabil dari segi kematangan, pekerjaannya dan mempunyai rasa tanggungjawab untuk balik ke kampung pada hujung minggu, membuat atau menganjurkan program bersama belia-belia di kampung. Walaupun kekurangan dana, mereka inilah yang akan mengeluarkan wang untuk menyokong program-program di luar bandar itu nanti.

#### ■1700

Yang Berhormat Menteri, saya sendiri bermula dalam dunia politik ini pada usia 26 tahun, tujuh tahun masa yang diperlukan untuk meyakinkan masyarakat di luar bandar bahawa anak muda juga mampu berpolitik, anak muda juga boleh menjadi pemimpin sebab perkara ini- penglibatan anak muda dalam pertubuhan persatuan, dalam politik terlalu baru bagi mereka. Jadi mohon pertimbangan pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** So, soalan saya yang terakhir. Kementerian- KBS Persekutuan, adakah telah pun mendapatkan cadangan-cadangan dan persefahaman daripada *state*, kementerian- KBS untuk pindaan yang paling sempurna. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memerhatikan kebimbangan kami.

Akhir kata saya, saya menyokong- *young leadership* dan juga menyokong pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan.

Masih tinggal satu minit 50 saat. Itu sahaja ya? Setakat ini kita telah mendengar 17 orang pembahas. Empat orang pembahas dalam senarai tidak hadir, jadi kita berhenti di sini sahaja.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 5.01 ptg.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut

serta dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi salah seorang Ahli Parlimen, saya mungkin terlepas nampak daripada mana ada membangkitkan bahawa dalam pindaan ini tidak memerlukan sokongan dua pertiga tetapi saya ingin tekankan bahawa, saya agak yakin setiap pandangan, kritikan yang disampaikan akan diambil kira dalam pelaksanaan pindaan ini khususnya selepas tempoh pindaan. Tidak kira pandangan yang datang daripada Ahli Parlimen, daripada kerajaan ataupun pembangkang dan saya agak yakin dalam usaha untuk membangunkan belia wujudnya persefahaman bersama.

Izinkan saya menjawab beberapa persoalan yang diketengahkan. Pertama sekali soalan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Paya Besar iaitu adakah pindaan ini dilakukan secara tergesa-gesa.

Untuk makluman Yang Berhormat, pertama kali perbincangan pindaan seperti ini berlaku bukan pada tahun 2019, tahun 2018 ataupun tahun 2017. Kali pertama ia berlaku adalah pada tahun 2010, November ke Disember dan setiap tahun kita mengadakan perbincangan, pembentangan, diskusi dan dialog yang sama berulang kali dan setiap tahun apabila ia hendak diputuskan ada yang meminta permohonan untuk ditangguhkan berkali-kali sampai ke satu tahap pimpinan yang sama memonopoli pentadbiran pertubuhan belia dan muka-muka muda tidak diberikan peluang yang secukupnya.

Persoalannya agak khusus juga iaitu bukan sahaja sebelum ini tetapi pada masa yang sama ia telah pun dimasukkan ke Dasar Belia Malaysia pada tahun 2015 yang telah pun dirasmikan oleh Yang Berhormat Pekan sendiri yang pada masa tersebut merupakan Perdana Menteri Malaysia. Diletakkan di sini dipersetujui oleh kerajaan terdahulu. Cuma seperti saya tekankan sebelum ini setiap tahun ada penangguhan kerana tiada iltizam politik yang mencukupi. Saya rasa kita sudah tiba masanya untuk kita ada iltizam politik untuk melakukan perkara ini.

Apakah implikasinya seperti yang dipersoalkan? Pertama sekali jika kita mengekalkan had umur kepada 35 ataupun 40 tahun khususnya, kita tidak akan memberi ruang dan peluang kepada pemimpin muda yang lain untuk mengepalai pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia dan wajah-wajah yang sama sahaja akan mengepalai tanpa ruang dan peluang dibuka seluas mungkin.

Implikasi kedua adalah peruntukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan di bawah kerajaan negeri, peruntukan ataupun tajaan daripada sektor

korporat akhirnya akan didominasi atau disalurkan kepada kumpulan-kumpulan yang sama dan akhirnya wakil-wakil anak muda yang berniat untuk menjadi seorang sukarelawan yang ingin memimpin masyarakat akhirnya tidak akan mendapat peruntukan tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu, saya katakan ini apabila mendengar sesi perbahasan tadi bahawa kita mahukan lebih banyak anak muda sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan ini, kita mahukan lebih banyak anak muda sebagai tokoh korporat pada masa yang akan datang tetapi kita tidak mempercayai atau membuka ruang seluas mungkin kepada mereka untuk mengepalai pertubuhan belia, tidak usah kita membicarakan soal ingin mencalonkan mereka sebagai Ahli Parlimen pada masa yang akan datang.

Pada masa yang sama Yang Berhormat Paya Besar ada membangkitkan berapa kali pertemuan Kementerian Belia dan Sukan khususnya saya bersama dengan pimpinan Majlis Belia Malaysia. Saya hendak membacakan satu persatu *and let it be minuted*, dengan izin. Pertemuan pertama secara rasmi adalah pada 13 Ogos 2018. Kedua, pada 5 Oktober 2018. Ketiga, 8 Januari 2019. Keempat, 5 Mac 2019. Kelima, 20 Mei 2019. Keenam, 28 Jun 2019. Ini pertemuan rasmi di mana saya bersama dengan kepimpinan. Saya tidak masukkan program-program yang saya hadiri bersama dengan mereka. Setiap bulan saya bersama dengan mereka dalam program-program berasingan. Paling mudah sekali adalah pada minggu lepas hari Jumaat dalam satu sesi dialog terbuka yang dianjurkan bersama dengan Majlis Belia Malaysia di Johor yang dihadiri oleh 500 orang termasuk pimpinan Majlis Belia Malaysia sendiri...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya rasa pertemuan agak jelas dan pada masa yang sama setiap kali saya turun negeri ke negeri ada juga perjumpaan dengan majlis belia negeri di mana saya juga menjemput EXCO belia dan sukan negeri tersebut tidak kira daripada parti mana pun untuk kita menggerakkan agenda pembangunan belia sama. Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Paya Besar dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagi saya dahulu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bagi dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dia sebut fasal saya punya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih kekal dengan kenyataan bahawasanya rang undang-undang ini agak tergesa-gesa dan tergapoh-gapah. Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan jadual Yang Berhormat Menteri bertemu tetapi makluman yang sampai kepada saya adalah berkaitan Dewan Tertinggi MBM, itu yang pertama. Adakah Yang Berhormat Menteri berjumpa dengan dewan tertinggi daripada dahulu 39 orang campur lagi dua menjadi 41 orang, itu yang pertama.

Saya suka untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri. Pada 12 April 2019 seperti mana Yang Berhormat Menteri sebut dalam huraian bacaan kali kedua, Jemaah Menteri telah meluluskan agar rang undang-undang ini dibuat pindaan dan dibawa dalam mesyuarat pada kali ini, itu yang pertama. 12 April 2019. Pada 19 April 2019, konsultasi dibuat bukan Yang Berhormat Menteri yang hadir tetapi konsultasi dibuat di antara pegawai jabatan kepimpinan belia dan Pegawai Khas Yang Berhormat Menteri bertemu dengan mereka. Mereka mengharapkan sesuatu keputusan dibuat. Mereka tidak bersetuju kepada umur 30 dan meminta supaya pertimbangan dibuat untuk umur 35 tahun. Itu premis yang kedua.

Premis yang ketiga, mereka mengharapkan ada satu keputusan tetapi dalam ucapan aluan Presiden MBM di UKM pada tarikh 15 Mei, dia menyatakan kepada Yang Berhormat dan saya syukur Yang Berhormat membuat jawab balas dalam ucapan Yang Berhormat mengatakan "*Ya, bersetuju dengan Saudara Julfitri.*" Ini bermakna pandangan rakyat terutamanya anak muda belia bahawasanya umur akan diturunkan kepada 35 tahun. Jadi saya tidak faham macam mana Yang Berhormat sebab sepatutnya Yang Berhormat menggunakan dan memberikan penjelasan bahawa Jemaah Menteri tidak meluluskan atau bagaimana. Ini perkara yang perlu diperjelaskan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Ada beberapa isu yang dibangkitkan. Saya menjawab isu paling mustahak sekali iaitu berkenaan dengan ucapan semasa Hari Belia Malaysia di UKM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada banyak persoalan berkenaan tempoh transisi. Perbincangan ini sudah berlaku sekian lama dan sepatutnya transisi tersebut atau persediaan untuk transisi tersebut sudah pun bermula sejak perbincangan kali pertama pada tahun 2010 dan dimuktamadkan dalam Dasar Belia Malaysia pada tahun 2015. Akan tetapi kita tetap memberikan masa dan transisi yang kami maklumkan semasa Hari Belia Malaysia tetap akan dilakukan. Cuma perbezaan adalah kita tidak

boleh mengizinkan transisi itu berlaku tanpa ada tarikh tamat yang akan menyulitkan keadaan kerana kita akan kembali semula kepada masalah yang lepas di mana pada akhir setiap tahun akan ada desakan untuk penangguhan berlaku dan akhirnya kita tidak akan mendapat apa-apa perubahan.

■1710

Maka dengan itu apa transisi yang kita akan lakukan. Pertama sekali selaras dengan apa yang saya maklumkan semasa ucapan di UKM, Hari Belia Malaysia transisi pertama dan awal selepas ini akan bermula daripada 40 tahun ke 35 tahun terdahulu. Walaupun seseorang itu berumur contoh pada tahun depan 36 tahun atau 37 tahun dia tetap boleh tamatkan tempoh ataupun had pemerintahan dia. Selepas tahun- dalam akhir tahun 2021 khususnya Disember 2021 maksudnya ada tempoh masa lagi dua tahun pada tahun tersebut barulah kita akan masuk kepada kadar transisi yang kedua iaitu di bawah 30 tahun.

Maksudnya ruang diberikan agak luas dan masa yang ditetapkan begitu jelas sekali. Kenapa saya tekankan keperluan untuk adanya masa ini. Ini kerana tanpa ketetapan masa, perkara ini akan ditangguhkan pada akhir setiap tahun dan akhirnya kita takkan dapat perubahan yang dimahukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang didesak atau disampaikan oleh Majlis Belia Malaysia apabila kita tekankan tentang tempoh transisi mereka minta tempoh transisi tersebut hanya untuk dipraktikkan pada tahun 2050. Saya hendak tanya siapa paling muda...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ... Dalam Dewan ini, Yang Berhormat Batu, saya rasa pada masa itu pun dia sudah beruban jugalah. Tahun 2050 itu bukan tempoh transisi itu sudah berapa kali sudah pemilihan dilakukan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Satu generasi itu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Oleh sebab itu, saya hendak tekankan di sini, saya rasa pentingnya untuk kita ada iltizam politik bersama untuk lakukan dan ini merentasi parti politik. Apa yang saya lakukan adalah untuk meneruskan usaha baik kerajaan terdahulu untuk mempertingkatkan perwakilan belia khususnya bawah 30 tahun. Kalau terdahulu kita lihat, pelbagai program-program yang dikhususkan kepada anak muda di bawah 30 tahun. Contoh Rakan Muda, saya rasa kebanyakan daripada kita begitu tahu dengan baik program Rakan Muda kerana ia difokuskan kepada anak muda di bawah 25 tahun.

Akan tetapi di dalam tempoh terdekat, program Rakan Muda atau yang disasarkan kepada anak muda 25 tahun ke bawah khususnya lepasan SPM ataupun universiti seperti tiada lagi. Oleh sebab itu kita kena hendak memastikan selepas pindaan ini dana yang disalurkan akan dikhususkan, disampaikan dan digerakkan oleh pemimpin-pemimpin belia untuk program-program anak muda...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar minta laluan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta sikit laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencilah sikit ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita beri Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hairan juga bila tadi dalam perbincangan kita sudah menyentuh tentang Dasar Belia Malaysia ini tetapi kawan-kawan kita di sebelah sana secara berterusan membangkitkan persoalan tentang rundingan dengan Majlis Belia. Saya sendiri pun dihubungi oleh kawan-kawan daripada Majlis Belia Malaysia. Akan tetapi, saya berpendapat ketika Yang Berhormat Pekan semasa menjadi Perdana Menteri sudah mengumumkan maksud dia Yang Berhormat Pekan sudah *aware* sudah pastinya sudah ada rundingan pada ketika itu untuk dia membuat ketetapan pada tahun 2018 untuk dilaksanakan dan kali ini Menteri pun lanjutkan.

Jadi tak patutlah jadikan isu semata-mata hendak mewujudkan ketegangan antara persatuan-persatuan belia dengan Yang Berhormat Menteri. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun sudah bertimbang rasa untuk tambah sehingga tahun 2021. Itu sahaja.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Kangar, persoalan juga dibangkitkan adalah berkenaan apabila kita melakukan pindaan ini apa akan terjadi kepada peruntukan belia khususnya bagi pertubuhan belia kerana ada persoalan berkenaan wang pentadbiran yang dikurangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, wang yang akan diperuntukkan kepada anak muda akan dikekalkan. Cuma cara permohonan akan berubah kerana terdahulu ia fokus lebih kepada wang pentadbiran.

Apa maksud wang pentadbiran? Wang pentadbiran adalah untuk membayar gaji penuh seseorang pegawai yang ditempatkan di sebuah pejabat tersebut untuk membayar kos sewaan pejabat untuk perkara-perkara seperti itu. Akan tetapi fokus kami pada hari ini kurang kepada pentadbiran tetapi adalah untuk menyalurkan dana tersebut

untuk program-program yang impaknya dapat dirasai di peringkat akar umbi. Itu fokus kami. Persoalan yang ditanyakan, berapa jumlah wang yang diperuntukkan?

Dalam tempoh masa setahun sahaja kita telah memperuntukkan RM22 juta melalui Kumpulan Wang Amanah Sukan untuk program sukan yang digerakkan oleh belia dan RM11.6 juta bagi wang yang diperuntukkan kepada pertubuhan belia tetapi bukan lagi sebagai wang pentadbiran bulanan atau tahunan tetapi sebagai wang bagi program-program yang telah pun sudah siap kertas kerja untuk digerakkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia.

Kenapa sistem sedia ada jauh lebih baik? Dua sebab. Pertama, kita hendakkan wang ini betul-betul inklusif dan boleh diguna pakai oleh semua bukan sahaja segelintir atau sesetengah pertubuhan belia tradisional yang telah wujud sekian lama. Mana pembelaan kepada kumpulan-kumpulan belia yang tidak berdaftar, mana pembelaan kepada individu-individu yang ingin mengharumkan nama negara ke persada dunia akan tetapi tidak ada wang penerbangan contohnya untuk mewakili Malaysia. Mana pembelaan kepada mereka?

Saya rasa kementerian mengambil pendirian untuk memastikan bahawa permohonan tetap boleh dilakukan tetapi berdasarkan kepada program-program sedia. Kita tiada diskriminasi sebagai contoh kalau ada permohonan daripada Kelantan, Terengganu, Perlis tidak ada masalah untuk ia tetap dibenarkan kerana seperti yang kita tekankan kita hendak memastikan pembelaan bagi anak muda itu tetap dilakukan untuk semua. Oleh sebab itu, setiap kali bila saya turun ke program-program rasmi kerajaan di negeri Terengganu, Kelantan, Perlis, Pahang tidak pernah saya gagal untuk menjemput EXCO Belia Sukan negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pelaksanaan program itu digerakkan sekali.

Sebagai contohnya Program Fit Malaysia yang baru-baru ini di Terengganu di mana jemputan digerakkan kepada pimpinan kerajaan negeri dan pelaksanaan itu sendiri dilakukan bersama salah satu pembaharuan yang dilakukan untuk pastikan pembangunan belia dan sukan dapat dilakukan sekali.

Contoh kedua, ini juga setiap bulan atau setiap *quarter* iaitu setiap empat bulan kita akan adakan mesyuarat bersama dengan semua EXCO Belia dan Sukan di seluruh Malaysia di mana keputusan yang dilakukan oleh KBS akan dibincangkan bersama. Sebagai contoh, pada bulan 10 ini kita ingin mengerakkan *Malaysia Sport Challenge* yang ingin digerakkan di setiap negeri kita hendakkan keterlibatan negeri.



Kita hendak pastikan bahawa dana diturunkan dan disampaikan kepada peringkat akar umbi. Kita hendak pastikan kita boleh berkolaborasi bersama. MSN yang sebelum ini dikawal oleh Kerajaan Persekutuan, sekarang kita gerakkan sekali juga dengan kerajaan negeri untuk pastikan bahawa pembangunan atlet-atlet muda dapat dilakukan bersekali.

Oleh sebab itu saya tekankan lagi sekali, pendanaan bagi anak muda itu akan sentiasa kena ada. Cuma saya rasa lebih baik kita agihkan, *its inclusive* mungkin dan pada masa yang sama untuk menggerakkan sebanyak program di peringkat akar umbi dan tidak lagi hanya dikawal oleh tangan segelintir pihak...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, saya ingat Yang Berhormat Arau dah balik tadi. Silakan, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak... *[Ketawa]* Saya sayang ini Yang Berhormat dengan Yang Berhormat, saya sayang, saya tunggu. Saya tunggu sampai habis. Yang Berhormat, saya tertarik hati dengan penjelasan Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat berjumpa Menteri Besar di peringkat negeri. Bagaimana Ahli Parlimen? Ahli Parlimen Kangar tertunggu-tunggu sebab apa, dia pun juga menunggu kalau Yang Berhormat turun di Kangar dia pun hendak hadir sama. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tak maklum dekat dia padahal yang jaga bahagian adalah kami. Kalau Arau sayalah.

Okey, keduanya oleh kerana Yang Berhormat bagi penjelasan itu betul-betul mempengaruhi, bila Yang Berhormat hendak dilaksanakan? Sebab Yang Berhormat kena ingat kalau RM6.7 juta untuk belia seluruh Malaysia itu adalah angka yang terlampau kecil untuk kita hebahkan. Patutnya RM60 juta ataupun RM600 juta itu kita akan sokong. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ini bila hendak laksana adakah esok ataupun lusa, kami hendak sokong ini sebab apa tertarik hati dan kami tidak mahu cakap-cakap itu hanya jadi gemburan tetapi dia jadi kenyataan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Arau tadi dia cakap dia pengerusi belia.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya akan ingat kalau saya turun Kangar memang saya kena menjemput dan bersama dengan Yang Berhormat Kangar. Minta maaf kalau sebab belum berkesempatan lagi. Di Arau pun belum berkesempatan

lagi. Minta maaf... [Disampuk] Itulah, betul, betul. Nanti kita aturkan program bersama Yang Berhormat.

Akan tetapi untuk menjawab persoalan berkenaan perbelanjaan yang saya maklumkan tadi dalam tempoh masa setahun di mana kita anggarkan dalam RM35 juta telah pun dibelanjakan untuk program-program belia dan sukan itu telah pun dibelanjakan.

■1720

Cuma pada tahun depan, ini saya hendak perbetulkan salah faham di mana orang kata RM50 juta akan dibelanjakan kepada *Youth Power Club*, itu tidak betul. *Youth Power Club* itu merupakan persatuan belia, yang salah satu persatuan belia seperti persatuan-persatuan belia yang lain. Dana RM50 juta yang akan diperuntukkan pada tahun 2019 khususnya akan diguna pakai oleh pertubuhan-pertubuhan belia yang konvensional dan juga tidak konvensional dan termasuk kepada individu, anak muda yang memohon sebagai contoh untuk mewakili Malaysia ke *conferences* di peringkat dunia. Pada masa yang sama ingin menggerakkan program-program kesukarelawanan tetapi tidak bernaung di bawah mana-mana pertubuhan belia berskala besar. *So, it's application based*, dengan izin, tetapi boleh dimohon dan diguna pakai oleh semua.

Pada masa yang sama, kita dalam proses untuk menstrukturkan semula cara permohonan supaya semua Yang Berhormat dan pada masa yang sama semua anak muda di luar sana boleh aksesnya dengan mudah. Sebagai contoh, kita terus boleh muat naik permohonan kepada sistem pendaftaran *online* dan pada masa yang sama akan ada maklum balas dalam tempoh terdekat.

Sebagai contoh, ada persatuan belia ingin menggerakkan pertandingan futsal di daerahnya secara kecil-kecilan, kosnya hanya RM10,000. Mungkin kerajaan akan tetapkan kita boleh sumbangkan lagi RM5,000 tetapi kamu perlu mencari dana lagi RM5,000. Apa yang penting untuk kita mengagihkan dana ini seadil mungkin dan juga fokus dan sasaran dana ini adalah di kawasan luar bandar. Bukan sahaja kawasan luar bandar tetapi kawasan yang dikategorikan kawasan yang mempunyai ramai belia berisiko yang telah pun ditetapkan oleh AADK di kawasan merah, kuning dan hijau. Klasifikasi tersebut akan difokuskan kepada kawasan belia berisiko. Izinkan saya habis menjawab soalan ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sikit sahaja Yang Berhormat, fasal dana ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta kepastian dan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri

bermakna dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi berkaitan dana iaitu dana pentadbiran maknanya tidak akan ada lagi dana pentadbiran. Itu yang pertama.

Kedua, pengesahannya adalah adakah Yang Berhormat Menteri menjangkakan- sebab semasa kita melaksanakan atau memperkenalkan rang undang-undang ini pada tahun 2007? Ini kerana apa, NGOs induk ini berminat untuk berada di bawah ROY kerana ada peruntukan khusus diberikan bagi membantu mereka. Ini kerana apa? Ini kerja sukarela, bukan kerja bergaji.

Jadi, adakah Yang Berhormat- keduanya, Yang Berhormat Menteri menjangkakan akan ada badan-badan NGO induk ini keluar daripada MBM atau keluar daripada ROY? Apakah tindakan kementerian? Adakah kementerian telah menjangkakan dan mewujudkan YPC ini sebagai badan untuk menggantikan badan-badan induk yang saya sebutkan tadi?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Wang pentadbiran bagi pertubuhan belia peringkat pusat ataupun Persekutuan masih akan dikekalkan tetapi ada tempoh transisinya. Sebagai contoh, untuk menjawab persoalan ataupun cadangan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Kubang Kerian, bagaimana kita hendak meningkatkan penyertaan golongan wanita muda dan juga anak muda yang berbilang bangsa dan agama dalam beberapa persatuan.

Apabila mereka memohon untuk dana pentadbiran tersebut, kita akan letakkan prasyarat supaya akan ada pelantikan ataupun pemilihan lebih banyak wanita muda dalam pimpinan tertinggi dan juga anak muda yang berbilang bangsa dan agama. Di peringkat Persekutuan tetap akan dikekalkan.

Di peringkat negeri dan daerah, wang pentadbiran tersebut akan disalurkan melalui program-program yang dipohon dan dimohon. See, saya tekankan ini perkara lebih mustahak kerana apabila kita fokus kepada pendanaan daripada segi program maka dengan itu mereka akan menggerakkan lebih banyak program. Seperti Yang Berhormat katakan, mereka ini adalah sukarelawan. Maka dengan itu, apabila mereka sukarelawan kita harus fokus kepada program-program...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Akan tetapi pada masa yang sama untuk membantu transisi tersebut, kita telah pun mengambil keputusan untuk pastikan- sebagai contoh, mereka tidak perlu lagi menyewa pejabat mereka yang

tersendiri tetapi dengan kos yang sangat rendah ataupun *minimal cost*, boleh bersama contoh agensi-agensi di bawah KBS ataupun di Jabatan Belia dan Sukan Negeri di peringkat negeri ataupun juga di peringkat daerah menggunakan kekosongan pejabat yang ada di sana daripada menyewa pejabat lain. Akhirnya, kata putus adalah untuk fokus pendanaan kepada program-program dan bukan lagi duit pentadbiran bulanan ataupun tahunan seperti yang berlaku pada tahun-tahun yang lepas.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Sikit Menteri.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sikit, sikit.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bagi Lenggong sikit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua Yang Berhormat sedang bangun untuk mencelah-tiga. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Paya Besar dan Lembah Pantai.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Lembah Pantai, belum sempat lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai, silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ini kerana saya ada bangkitkan tentang...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, poin tidak tahu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ...Isu penyertaan wanita. Saya terima baik pandangan Yang Berhormat Menteri. Masa yang sama, saya pun tertarik dengan isu pendanaan bagi di peringkat daerah ataupun di peringkat kawasan. Kawasan ataupun daerah. Saya sebutkan satu statistik sewaktu saya berhujah tadi dalam perbahasan iaitu di Lembah Pantai kita ada 62 pertubuhan yang berdaftar tetapi cuma enam sahaja yang aktif.

Kalau pada waktu ini di mana diberikan dana untuk pengurusan, pentadbiran dan sebagainya, cuma ada *barely 10 percent*, dengan izin, yang aktif. Kalau tiada, adakah kesannya bagaimana? Bagaimana kita hendak, dengan izin, *resuscitate* ataupun menghidupkan semula? Ini kerana masalahnya juga berkait dengan data. Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Oleh sebab itu, apabila kita transisi keluar pada zaman yang fokus kepada wang pentadbiran, kepada wang untuk menggerakkan program, maka dengan itu pertubuhan-pertubuhan belia akan lebih aktif

untuk merancang program-program yang memberi impak yang tinggi di peringkat akar umbi itu jika hendak dibandingkan dengan wang pentadbiran yang disalurkan secara bulanan ataupun tahunan. Oleh sebab kita hendak pastikan bahawa pertubuhan-pertubuhan ini fokus kepada pelaksanaan program-program kementerian lain. Pada masa yang sama...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, sambung sikit Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sebentar. Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang iaitu bagaimana....

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sikit, sikit. Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sebentar, saya hendak jawab dulu sebab belum berkesempatan lagi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bagi saya sikit Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Soalan Yang Berhormat Pendang iaitu berkenaan...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Cara kita mengendalikan...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Lenggong, lenggong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah dahulu. Yang Berhormat Menteri sedang jawab Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Tadi saya sudah menjawab dua, tiga kali. Izinkan saya menjawab yang lain dulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Satu sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berkenaan belia berisiko. Bagaimana kita ingin mengendalikan masalah belia berisiko...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, mengenai dana pentadbiran Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tidak

faham kedudukan demografi Yang Berhormat Menteri. Demografi contohnya, diambil kira...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Di sini saya hendak tekankan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dahulu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya akan menjawab selepas ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya beritahu Yang Berhormat Lipis tadi, Yang Berhormat Lipis dengan saya akan bersama-sama Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya akan menjawab selepas ini. Sudah beberapa kali saya menjawab.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Katakan Paya Besar, Paya Besar ini...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya ada lebih 50 persoalan yang perlu dijawab.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya ambil lebih lima minit untuk menjawab persoalan Yang Berhormat Paya Besar sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan Yang Berhormat Menteri, ini bukan Paya Besar sahaja punya isu...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Izinkan saya untuk menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Menteri sedang menjawab. Kalau tidak diberi kesempatan, sila duduk dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya berkaitan...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sabar, saya akan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesti ada peraturan yang harus diikuti. Sila duduk. Silakan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Akan sampai masa. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Pendang dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hai, Tuan Yang di-Pertua garang hari ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini berkaitan dana pentadbiran. Apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi dengan *minimal cost* yang akan menumpang di agensi-agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Demografi berbeza Yang Berhormat Menteri. Paya Besar, Paya Besar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat Menteri tidak perlu menjawab dulu. Jawab yang lain dulu. Kemudian berikan...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tidak ada *floor* Yang Berhormat Paya besar. Duduklah. Jangan degil.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini dalam konteks yang berbeza... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar, bukan Yang Berhormat Menteri tidak memberikan kesempatan, sudah berikan dua kali kesempatan. Duduklah dahulu... [*Dewan riuh*] Duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Akan tetapi ini penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ada persoalan daripada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya ingin menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pendang dan lagi dua Yang Berhormat iaitu bagaimana dengan cara ini kita dapat mengendalikan masalah belia berisiko khususnya kumpulan mat rempit, penagih dadah dan mereka mungkin ada masalah disiplin di peringkat sekolah dan berlarutan sampai semasa pekerjaan.

Dengan usaha untuk menurunkan had umur belia daripada 40 tahun ke 30 tahun, kita dapat menyasarkan pendanaan kepada kumpulan berisiko dengan sasaran yang lebih baik. Sebagai contoh, kalau kita lihat kumpulan belia berisiko khususnya tinggi dalam lingkungan umur 15 tahun ke 25 tahun. Oleh sebab itu, terdahulu ada banyak program yang tersasar seperti pergerakan Rakan Muda yang dikhususkan kepada anak muda bawah 25 tahun. Akan tetapi sekarang ini, pendanaan tersebut selalunya atau lazimnya difokuskan kepada anak muda atas umur 35 tahun. Mereka yang berumur 30 tahun ke bawah merupakan minoriti dalam sektor pendanaan ini.

Oleh sebab itu, apa yang dicadangkan adalah dua perkara. Pertama, pendanaan RM50 juta yang boleh dipohon oleh semua pihak akan diberikan *priority* utama di kawasan luar bandar dan luar bandar zon merah di mana telah pun dikategorikan sebagai kawasan yang mempunyai banyak belia berisiko. Kedua, bukan sahaja daripada segi pendanaan pergerakan program tetapi juga pembangunan infrastruktur sukan. Pada tahun hadapan, kita telah pun *carved out or set aside budget* berjumlah RM100 juta yang juga boleh dipohon oleh semua Yang Berhormat, pertubuhan-pertubuhan belia, ketua-ketua kampung. Kita akan mendemokrasikan pendanaan tersebut di mana agak mudah untuk muat turun borang permohonan, perlu dapat sokongan yang jitu untuk menunjukkan bahawa ada keperluan yang mendesak di kawasan tersebut.

#### ■1730

Sebab kita akan melihat contoh kalau ingin membina *futsal court*, dah ada berapa *futsal court* di kawasan tersebut, berapa kosnya. Kalau boleh, *priority* utama diberikan kepada kontraktor di kawasan tersebut untuk membangunkannya dan pada masa yang sama untuk memastikan bahawa wujud banyak belia berisiko di kawasan tersebut. Rumusannya adalah, cara terbaik untuk kendalikan belia berisiko bukan untuk menyisihkan mereka, menghukum mereka tetapi untuk terus bersama membimbing mereka.

Contoh yang digerakkan di Iceland dan Ireland pada tahun 90-an di mana jumlah belia berisiko sangat tinggi dan mereka yang memonteng sekolah sangat tinggi tetapi dalam tempoh masa satu dekad atau sepuluh tahun, mereka klasifikasikan zon merah, hijau dan kuning dan mereka menyalurkan dana-dana program kepada kawasan merah dan pada masa yang sama memfokuskan pembangunan infrastruktur sukan berskala kecil, bukan besar yang berjumlah RM30 juta ke RM50 juta.

Akan tetapi untuk membina *futsal court* yang kalau dibuat dengan baik, *open tender* boleh kosnya hanya RM250,000 akan difokuskan di kawasan-kawasan luar bandar dan zon merah untuk menyelesaikan masalah belia berisiko. Sebelum saya menjawab soalan lain, saya biar Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Lenggong ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong, silakan. Ini cara kita berbahas kan? Lebih baik.



**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju bahawa peruntukan penting tetapi daripada segi realitinya...  
*[Disampuk]*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, garanglah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini hari garanglah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** ...Yang Berhormat boleh menyediakan peruntukan kebangsaan, negeri dan mungkin di peringkat daerah sahaja. Banyak lagi persatuan lain yang kita boleh buat. Saya bersetuju jika tumpuan kepada program. Akan tetapi satu perkara lagi yang Yang Berhormat kena beri tumpuan ialah bagaimana nak membolehkan suara belia ini diketengahkan. Sementara kita berbincang soal akta ini, masukkan juga supaya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia, saya tak tahu mesyuarat telah dibuat ataupun tidak tetapi cadangan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia itu dicadangkan oleh Majlis Belia Malaysia waktu saya jadi presiden.

Waktu itu dicadangkan supaya golongan muda ini diberi tempat di peringkat kampung dalam JKK, dalam majlis perbandaran, majlis daerah dan sebagainya kerana itu juga lebih penting supaya suara mereka dapat dibawa. Ini kerana tidak boleh hanya dilihat bahawa peranan mereka hanya di peringkat kebangsaan sahaja, di peringkat bawah, mereka nak bercakap soal kepentingan mereka di peringkat akar umbi. Ini juga harus Yang Berhormat berikan penekanan. Jangan soal kewangan kerana kewangan, Yang Berhormat tak boleh bagi kepada semua orang dengan kekangan yang ada.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Lenggong, terima kasih di atas cadangan yang disampaikan. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, kali ini bukan sahaja Jawatankuasa Pembangunan Belia diteruskan tetapi kita buat pindaan supaya ia akan dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah pun ada mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Belia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, yang dihadiri oleh Menteri-menteri Kabinet dan dua pembaharuan yang kita lakukan adalah untuk menjemput semua EXCO Belia dan Sukan setiap negeri supaya mereka dilibatkan dalam penggubalan dasar belia.

Pada masa yang sama, kita menjemput Presiden Majlis Belia Malaysia yang sebelum ini tidak pernah dimasukkan dalam mana-mana jawatankuasa Kabinet khususnya yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diwakili oleh Menteri-menteri Kabinet. Dalam Jawatankuasa Kabinet tersebut, apa

yang dibincangkan oleh Yang Berhormat juga telah pun diusulkan. Sebagai contoh, untuk memastikan wujudnya pelantikan yang lebih banyak dari segi ahli majlis dan ketua kampung di kalangan anak muda. Sebab itu di peringkat negeri selepas diusulkan, kita melihat sebelum ini majoriti ketua kampung ataupun MPKK berusia lebih daripada 40 tahun tetapi sekarang telah pun diturunkan kepada 21 tahun ataupun 25 tahun dan perwakilannya lebih besar.

Ahli majlis, perwakilannya di beberapa negeri sangat besar sekali dan akan terus berkembang. Sebab itu kita nak pastikan sambil kita bincangkan berkenaan soal pendanaan, kita juga ingin memastikan bahawa anak muda ada tempat dalam struktur rasmi kerajaan supaya akhirnya mereka akan diwakili pada masa yang akan datang. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kita juga tengah dalam proses untuk mencari lebih banyak anak muda supaya mereka boleh dilantik sebagai, dengan izin, *board members of the top corporate* ataupun *GLC's* di Malaysia.

Sebab itu pada hari ini kita lihat dalam agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan, GLC-GLC, ada jauh lebih banyak anak muda yang telah pun dilantik sebagai *board member*. Lihat sahaja di KBS, Perbadanan Stadium Malaysia, ada dua. Di *Sepang International Circuit* ada saudara Jazeman Jaafar yang lingkungan umurnya baru pertengahan 20 tahun tetapi minatnya dalam bidang *motorsport* sangat baik dan sumbangannya sangat tinggi. Di kementerian-kementerian yang lain, perkara yang sama sedang dipraktikkan kerana apabila ada yang mempersoalkan apa akan terjadi kepada anak muda apabila mereka melepasi umur 30 tahun?

Jawapan daripada saya, sepatutnya mereka bukan lagi memimpin pertubuhan belia tetapi mereka sepatutnya sudah pun memimpin ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kampung. Mereka dah boleh menyertai GLC-GLC kerajaan sebagai pemimpin, mereka dah boleh jadi calon pilihan raya. Inilah masa depan mereka dan bukan sahaja tertumpu pada pertubuhan-pertubuhan belia sebagai kawalan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan mengambil berapa lama lagi?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dia ada terlalu banyak soalan, *total* ada dalam sampai tak terkira. Saya akan cuba rumuskan, mana yang tak hadir, dengan izin, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jawab bertulislah bagi yang tak hadir.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ya. Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan iaitu apa akan jadi kepada graduan persatuan belia apabila mereka sudah pun melangkaui usia. Pertama sekali,

seperti yang saya maklumkan tadi, kita sepatutnya melantik mereka sebagai ketua masyarakat atau masukkan ke dalam MPKK atau pada masa yang sama, mereka dah boleh menyertai atau menggerakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang tidak didaftarkan di bawah ROY. Ada banyak lagi ruang dan peluang yang di mana kita boleh memanfaatkan kepakaran mereka.

Pada masa yang sama, jangka masa panjang, kita ingin adakan, dengan izin, *youth workers*. Ini telah pun dibincangkan yang *insya-Allah* dalam tempoh terdekat akan kita bawa pindaan juga untuk memastikan bahawa akan ada lebih banyak anak muda yang ada gaji yang tersendiri, minat dalam bidang sukarelawan tetapi boleh dijadikan profesion seperti negara-negara maju yang lain.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau, soalnya nakal tetapi tetap perlu dijawab iaitu Yang Berhormat Arau bangkitkan bahawa beliau merupakan presiden pertubuhan belia di peringkat Asia.

Untuk saya maklumkan Yang Berhormat Arau, dalam piawaian yang kita dah tetapkan, Yang Berhormat Arau tetap boleh jadi presiden tetapi bila ada pemilihan dalam tempoh yang akan datang, Yang Berhormat Arau, minta maaf, perlu berundur. Saya agak yakin ada banyak lagi anak muda yang ingin bersama dengan Yang Berhormat Arau memimpin gerakan belia di peringkat Asia Pasifik ini.

Pada masa yang sama, saya nak tekankan, kalau kita lihat trend baru di pertubuhan-pertubuhan belia peringkat antarabangsa, ada lebih banyak anak muda yang ingin memimpin dan Yang Berhormat Arau sendiri tekankan bahawa bakal penggantinya berumur dalam 31 tahun ke 32 tahun. Saya agak yakin dalam Majlis Belia Malaysia ada ramai anak muda bawah 30 tahun yang ingin mencalonkan diri untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat Arau untuk mengepalai gerakan belia di peringkat Asia Pasifik ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, oleh kerana akta ini lebih menjurus pelantikan pemimpin di peringkat tempatan. Jadi yang saya maksudkan, bagaimana pemimpin belia Malaysia untuk pergi ke peringkat antarabangsa kalau orang tak kenal. Saya tak mahu serah kepada negara lain, saya nak serah kepada orang Malaysia. Saya nak serah kepada Yang Berhormat kalau boleh, akan tetapi Yang Berhormat tak mahu hadir mesyuarat APYC yang dibuat tiga bulan sekali di pelbagai negara seperti Azerbaijan, Vladivostok dan pelbagai lagi. Pemimpin PAS ramai hadir.

Akan tetapi akta ini cuma menjurus kepada pemimpin tempatan. Dia bukan di peringkat antarabangsa. Itu maksud saya umur untuk ketua itu biar dibenarkan sehingga

peringkat 40 supaya orang yang ada pengalaman di peringkat Malaysia ini boleh sama-sama memimpin di peringkat dunia.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa walaupun saya tidak- minta maaf kerana ada kekurangan masa untuk menawarkan diri sebagai pengganti atau untuk bersama dengan Yang Berhormat pergi melawat negara-negara ini, saya agak yakin ada ramai lagi di antara kita mungkin Yang Berhormat Batu, boleh. Saya agak yakin kawan-kawan di sebelah sana pun yang muda-muda boleh mencalonkan diri. Ia bukan persoalan ketandusan pemimpin muda kerana pemimpin muda itu sentiasa ada dan jumlahnya sangat besar.

Persoalannya, adakah kita akan membuka pintu kepada mereka untuk menyertai dan mengepalai pertubuhan-pertubuhan belia ini. Sebab itu untuk menjawab persoalan berkenaan, apakah atau bagaimana kita ingin menyediakan pimpinan muda ini untuk mengepalai pertubuhan-pertubuhan belia akan datang. Kalau kita lihat statistik yang dikeluarkan, lebih 44 peratus pemimpin belia yang sedia ada dalam Majlis Belia Malaysia, negeri atau daerah di bawah umur 30 tahun. Maksudnya, jumlah itu ada dan ia boleh dipertingkatkan tetapi persoalannya adakah kita ada iltizam politik untuk membenarkan mereka untuk mengepalai ataupun untuk jadi salah seorang ahli jawatankuasa pimpinan tertinggi Majlis Belia Malaysia, negeri ataupun di peringkat daerah.

▪ 1740

Pada masa yang sama, Kementerian Belia dan Sukan telah pun lakukan, dengan izin, Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) yang akan kita laksanakan dalam tahun ini- minta maaf, yang telah pun bergerak sejak tahun lepas yang mana kita akan adakan lebih 121 kursus di seluruh Malaysia untuk menyediakan pimpinan muda untuk mengepalai pertubuhan-pertubuhan belia. Setakat ini sejak 30 Jun 2019, sebanyak 60 Program KPO telah pun dilaksanakan yang melibatkan jumlah penyertaan dalam lingkungan 2,500 anak muda di seluruh Malaysia. Kita ingin menyiapkan mereka, kita ingin pastikan bahawa apabila wujudnya transisi ini akan ada kepimpinan anak muda yang boleh mengambil alih dan menggerakkan kepimpinan belia tersebut.

Yang Berhormat Pontian ada?... Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya setuju banyak benda dengan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya hendak minta, apabila kita fokus sangat kepada umur tetapi kita kena seiring. Adakah Yang Berhormat Menteri sebut juga ataupun sudah ada perancangan dalam Dasar Pembangunan Belia Negara dan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan secara komprehensif bagi menyelesaikan masalah belia negara, gengsterisme, pergaduhan di sekolah-sekolah, ketum, mat rempit dan juga masalah yang paling besar sekarang belia-belia kita sekarang sedang menghadapi hutang PTPTN.

Jadi, kena fokus juga bagaimana kita hendak membangunkan modal insan yang baik supaya mereka tidak menjadi gejala sosial kepada kita yang belanja besar apabila mereka jadi gejala sosial untuk kita bagi peruntukan, polis dan keselamatan pula. Jadi, kalau kita ada perancangan awal macam ini, sekurang-kurangnya kita mengurangkan kos yang lain. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Apa yang diajukan memang betul. Oleh sebab itu, apabila kita menurunkan definisi belia ini, maksudnya pendanaan yang sebelum ini agak terhad, sekarang dapat disasarkan dan difokuskan kepada kawasan di mana wujudnya belia berisiko yang paling tinggi dan golongan anak muda yang paling terdedah kepada masalah-masalah sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang.

Saya tekankan masalahnya yang paling menyedihkan adalah kepada anak muda dalam lingkungan umur 15 tahun ke 25 tahun. Akan tetapi pada hari ini kalau kita lihat daripada segi pendanaan, majoriti pendanaan tersebut disalurkan kepada mereka yang berumur 35 tahun ke atas dan 30 tahun ke atas, mereka yang sudah pun ada keluarga, mereka yang sudah pun ada pengalaman untuk menyara hidup sendiri dan keluarga tetapi bukan lagi kepada golongan yang betul-betul memerlukannya. Oleh sebab itu, dengan adanya pindaan ini, ada banyak lagi aktiviti, program yang boleh digerakkan sekali untuk memastikan bahawa masa depan anak muda ini terjamin.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian iaitu berkenaan pelaksanaan Malaysia *Future Leaders School* ataupun Sekolah Pemimpin Masa Hadapan. Kalau saya boleh ambil masa untuk menjemput Yang Berhormat Pontian dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini untuk turut turun bersama ke kem-kem BTN sebelum ini, sekarang dipanggil Kem Wawasan, turun dan lihat pergerakan program ini, saya agak yakin Yang Berhormat akan terkejut betapa baiknya pelaksanaan program ini. Ini kerana saya hendak kongsi- apabila kita

merancang program ini, ia bukan sahaja digerakkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, seperti saya tekankan, apabila ia program melibatkan anak muda, lebih baik untuk ada *bipartisan effort*.

Oleh sebab itu, dalam Jawatankuasa Pembangunan Anak Muda yang diwakili oleh EXCO Belia dan Sukan semua negeri, perkara ini dibentangkan, mereka memberikan input dan input tersebut bukan sahaja didengar atau dicatatkan tetapi dilaksanakan. Sebagai contoh, fasa ketiga pelaksanaan FLMLS akan melibatkan kerajaan-kerajaan negeri, EXCO-EXCO negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di peringkat negeri yang *insya-Allah* dapat mementor anak-anak muda yang melepasi fasa kedua. Pada masa yang sama, mereka juga boleh ada *so-called spot check* untuk memastikan bahawa kem-kem ini mengajar atau mendidik anak muda untuk menjadi seorang pemimpin masa hadapan tanpa membawa masuk unsur politik kepartian. Ini kerana kita tidak ingin perkara tersebut.

Modul atau kursus yang dirangka, digerakkan bersama. Kita mempertanggungjawabkan Khazanah Nasional untuk menggerakkan kursus tersebut. Khazanah Nasional memanggil Ernst & Young, syarikat- *audit firm*, memanggil kumpulan-kumpulan persatuan belia, cikgu-cikgu, anak-anak muda untuk bersama berbincang berkenaan kursus tersebut. Akhirnya, kita persetujui ada tiga fasa. Fasa pertama di peringkat sekolah yang melibatkan 500,000 anak muda. Di kalangan mereka yang dipilih melalui sistem *Duke of Edinburgh* ataupun Anugerah Remaja Perdana (ARP). Mereka akan disenarai-pendekkan dan dicalonkan oleh guru besar dan cikgu-cikgu untuk akhirnya masuk fasa kedua yang melibatkan 35,000 anak muda.

Untuk maklumat Yang Berhormat, ada berita baik juga. Sekarang ini walaupun kita dapat pendanaan tersebut, kita tetap ada wang berlebihan untuk dibelanjakan. Oleh kerana *alhamdulillah*, penjawat awam kita menjalankan kerja dengan sangat efisien dan baik. Kita mungkin boleh mengambil lebih peserta untuk menyertai kem-kem kita, khususnya dalam fasa ketiga. Kalau boleh kita hendak melibatkan lebih banyak anak muda yang cemerlang yang melalui fasa kedua. So, fasa kedua melibatkan 35,000 orang anak muda di setiap negeri ada kem-kemnya. Fasa ketiga melibatkan dalam 200 orang tetapi dengan pendanaan yang lebih, *insya-Allah* dapat dipertingkatkan kepada 500 orang ataupun 1,000 orang anak muda yang terpilih yang *insya-Allah* pada masa akan datang akan menggantikan kita sebagai Ahli Yang Berhormat, tokoh-tokoh korporat, pejuang aktivisme yang tersendiri dan yang lain.

Saya ingin menjawab persoalan Yang Berhormat Pasir Gudang. Ada?...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, ada.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Batu ada juga tetapi saya nak menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang terdahulu.

Yang Berhormat Pasir Gudang ada bertanyakan mengapakah belia-belie, khususnya pada tahun 1950-an sehingga tahun 1980-an, seperti pada zaman tersebut ia merupakan era kegemilangan persatuan-persatuan belia yang berjaya menyalurkan kepimpinan muda yang akhirnya berada dalam Ahli Parlimen ini ataupun sebagai tokoh-tokoh korporat. Untuk dikongsi Yang Berhormat, pada hari ini kita lihat ada sangat banyak persatuan belia jika hendak dibandingkan dengan sebelum ini.

Sebelum ini ia terfokus kepada MBM. Dalam MBM itu ada banyak rangkaian yang tersendiri. Akan tetapi sekarang kita telah pun ada Program Rakan Muda yang dikhususkan kepada anak muda bawah 25 tahun. Kita juga ada Parlimen Belia, kita juga ada Felo Perdana, kita juga ada pelbagai program di peringkat negeri ada, peringkat yang Felo ADUN dan yang lain. Ada banyak, terlalu banyak. Ia tidak bermaksud bahawa taring anak muda itu hilang tetapi sebab ada banyak program anak muda yang ingin melatih kepimpinan mereka, akhirnya melalui program ini akan ada lebih banyak anak muda yang boleh menampilkan diri sebagai seorang pemimpin.

Sebagai contoh, program yang sangat baik digerakkan oleh kerajaan lepas adalah Felo Perdana. Felo Perdana di mana akan ada dalam 40 ke 50 anak muda yang akan diletakkan di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri, bagi diri saya Yang Berhormat Nancy Shukri, mentor saya sebelum yang bersama dengan GPS. Selepas diberikan peluang untuk bekerja bawah beliau dan akhirnya menyertai dunia politik. Ada banyak lagi pimpinan yang lain melalui perkara yang sama. Oleh sebab itu, kita hendak pastikan dengan wujudnya landasan-landasan yang lain ini, yang penting adalah fokus ataupun matlamatnya tetap sama, yang mana mereka tetap boleh memperjuangkan masa depan anak muda.

Kedua, seperti yang dibangkitkan semasa sesi perbahasan tadi, kita juga perlu pastikan dan izinkan anak muda kita untuk menyampaikan pandangan yang kritikal, tidak kira kepada mana-mana parti politik ataupun individu politik. Oleh sebab itu, usul untuk meminda AUKU- izinkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk bantahkan tetapi kita hendak pastikan bahawa anak muda tersebut boleh bebas berbicara, berdialog, berfahaman kritis dan berfikiran kritis untuk memastikan bahawa pandangan mereka diambil kira dengan serius supaya akhirnya mereka boleh jadi kumpulan mendesak yang kuat untuk memastikan bahawa nasib anak muda sentiasa dibela.

Yang Berhormat, saya rasa kalau teruskan akan ada banyak lagi. Banyak persoalan lain berkait rapat dengan perkara-perkara yang telah pun saya jawab. Izinkan saya untuk menggulung- izinkan saya untuk merumuskan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju apabila Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bagaimana Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia diangkat begitu tinggi. Maksudnya, daripada Timbalan Perdana Menteri dan kini Yang Amat Berhormat Langkawi mempelgerusinya.

Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya wakil daripada MBM, Presiden dijemput atas status pemerhati. Maksudnya, pemerhati bukan orang yang hadir untuk bercakap atau memberikan pandangan. Adakah Yang Berhormat akan *reconsider* dalam jawatankuasa ini supaya mereka tidak lagi berstatus pemerhati tetapi mereka hadir boleh terlibat membuat sebarang cadangan, membuat sebarang undian dalam mesyuarat tersebut. Itu yang pertama.

■1750

Keduanya Yang Berhormat, saya masih menunggu jawapan Yang Berhormat. Saya harap sebelum Yang Berhormat menggulung ini supaya Yang Berhormat dapat memberi penjelasan sejelas-jelasnya bahawasanya adakah kementerian mempunyai jangkaan berapa ramai kah badan-badan induk yang akan membuat tindakan kembali balik kepada ROS. Ini kerana saya risau Yang Berhormat, niat Barisan Nasional dahulu pada tahun 2017 untuk mengiktiraf golongan belia dengan mewujudkan akta pada 2007 dan Akta 668 ini ada niat yang begitu mulia dan hari ini telah diperkasakan oleh pentadbiran Yang Berhormat.

Jadi bagaimana Yang Berhormat bersiap-sedia dalam perkara ini? Adakah YPC itu sebagai landasan untuk menggantikan MBM dan saya yakin dan percaya Yang Berhormat kita nak belia ini diperkasakan sebagaimana minat Yang Berhormat dalam sektor sukan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai nak bertanya, ya sila.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Berkait dengan isu pengurusan ataupun pentadbiran. Saya ada bangkitkan dalam sewaktu perbahasan tadi isu pendaftar pertubuhan belia itu sendiri ataupun ROY. Harapan saya, kita dapat



dengar satu komitmen daripada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian bahawa satu proses untuk mereformasi ataupun menambah baik sistem ROY itu boleh kita persetujui dan kita komited kepada proses itu memandangkan sekiranya ada penyelarasan ataupun penambahbaikan ataupun pertambahan jumlah pertubuhan, saya rasa isunya juga adalah pertubuhan-pertubuhan yang tidak hidup, tidak aktif. Jadi saya rasa ROY memainkan peranan yang penting dan harap boleh dipertimbangkan. Kita lihat bagaimana ROS sekarang ini sedang direformasi dan kita guna pakai sekali. Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Izinkan saya untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar terdahulu berkenaan kemungkinan penghijrahan pertubuhan belia mendaftar di bawah ROY untuk pergi ke ROS.

Untuk menjawab secara spesifik agar sukar kerana ini masih dalam tempoh spekulasi. Oleh sebab itu kita tetap memberikan tempoh ataupun transisi yang sedia ada. Tempoh ini seperti saya maklumkan telah pun dimaklumkan jauh lebih awal bukan sahaja tahun 2017 tetapi sejak tahun 2010. Akan tetapi saya faham mungkin pemerintahan baharu mereka tetapi perlukan tempoh transisi tambahan. Oleh sebab itu kita tetapkan cadangan yang disampaikan adalah kepada Disember 2021 untuk tempoh transisi itu berlaku.

Persoalannya kalau masih ada pertubuhan belia yang rasa betul-betul terdesak dan mereka tidak ada lagi kepimpinan anak muda bawah 30 tahun yang boleh mewakili pertubuhan belia mereka, kita akan menghormati niat mereka untuk berhijrah. Akan tetapi saya agak yakin seperti nombor yang saya berikan tadi, ada dalam 44 peratus ahli jawatankuasa atau kepimpinan anak muda di bawah umur 30 tahun yang bersama MBM pada hari ini, mereka boleh menggerakkan diri sebagai pemimpin masa yang akan datang untuk menggerakkan pertubuhan-pertubuhan belia tersebut.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai berkenaan permasalahan yang timbul di bawah sistem pendaftaran belia iaitu ROY. Untuk makluman Yang Berhormat, kita baru sahaja melantik ketua ataupun pengarah ROY yang baharu dan beliau telah pun dimaklumkan berkenaan perkara ini. Masalah agak spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga telah pun dimaklumkan dan kita ambil maklum. Dari masa ke semasa memang kita akan terus

proses reformasi untuk memastikan atau kita memudahkan pertubuhan-pertubuhan belia untuk terus mendaftarkan diri.

Untuk berkongsi pengalaman peribadi kepada Yang Berhormat, saya sendiri pernah cuba untuk mendaftarkan pertubuhan belia dalam tiga ke empat tahun yang lepas tetapi tidak lepas kerana empat, lima kali cuba mendaftarkan. Hari ini saya pergi balik kepada pimpinan di KBS kata kenapa tidak boleh, dia kata ada *very strict technical requirements*, dengan izin, yang mereka perlu muktamadkan yang saya rasa akhirnya akan menyebabkan lebih banyak pertubuhan belia antara akan gagal atau tidak mahu untuk mendaftarkan diri. Akhirnya apabila kita lihat hari ini dengan kekurangan pertubuhan belia, ia tidak bermaksud bahawa aktiviti anak muda itu seperti lupus. Akan tetapi kebanyakan daripada mereka akhirnya tidak ingin mendaftarkan diri kalau proses reformasi melalui ROY tersebut tidak dilakukan.

Pejabat saya juga mengalu-alukan cadangan atau kritikan yang datang daripada Yang Berhormat Lembah Pantai kalau ingin bersama membantu dalam proses reformasi tersebut, kita mengalu-alukannya dan kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai kerana bukan sahaja menyokong pindaan ini tetapi pada masa yang sama sempat buat *background check* untuk semak, berapa pertubuhan belia yang ada di Lembah Pantai, bagaimana beliau boleh membantu dan *insya-Allah* kita semua sebagai Ahli Parlimen boleh membantu pertubuhan-pertubuhan belia di kawasan-kawasan kita.

Izinkan saya untuk merumuskan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan ke atas cadangan, pandangan dan pertanyaan yang telah dikemukakan mengenai rang undang-undang ini. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Soalan Kangar minta bertulis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah habis dah [Ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

### **Fasal-fasal 1 hingga 6 –**

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak cakap? Ada yang bangun awal tu. Ya, silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**5.56 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong pindaan rang undang-undang ini dengan alasan-alasan yang saya nyatakan tadi akan saya sampaikan nanti.

Merujuk fasal 2 berkaitan seksyen 2A, B dan C. Saya memang bersetuju supaya taklimat belia itu kita gantikan daripada perkataan “empat puluh” dengan perkataan “tiga puluh”. Pada seksyen 2B, “untuk takrif pemegang jawatan, seseorang yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun”, saya setuju. Takrif pertubuhan belia dengan menggantikan perkataan “empat puluh” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “tiga puluh”.

Mengapa saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua? Selepas mendengar perbahasan yang panjang lebar dengan dua pandangan yang berbeza, saya rasa sudah sampai masanya iaitu pindaan Akta Pertubuhan Belia ini khususnya dalam soal kepimpinan umur ahli belia ini kerana ini sesuai dengan kita menjadi sebuah negara yang nak bergerak ke depan, kita mesti berani. Saya percaya bukan sia-sia atau suka-suka oleh kerajaan yang sekarang ini melantik Menteri Belia dan Sukan kita berumur 20-an tidak sampai 30 lagi. Ini satu simbolik bahawa satu *benchmark*, satu tanda aras telah dibuat oleh kerajaan sekarang ini bahawa pimpinan belia ini, negara kita perlukan pemimpin-pemimpin yang bertenaga dan muda. Ini satu isyarat, satu simbolik oleh kerajaan yang baharu ini.

Secara ringkas beginilah, kita lihat sejarah negara kita dan negara jiran kita. Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, masa

menggerakkan gerakan kemerdekaan tanah air mereka dalam 20-an lagi sejak dari di London dan sebagainya terus kemudian menjadi pimpinan. Ini di pihak kerajaan yang memerintah. Dalam sejarah negara kita, perjuangan kemerdekaan di pihak yang pembangkang pula, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Pak Sako, Ahmad Bustamam juga menggerakkan perjuangan mereka menjadi pemimpin umur 20-an sampai umur 30-an sudah pegang jawatan. Begitu juga dengan negara jiran- Sukarno, Dr. Mohd Hatta waktu memimpin perjuangan kemerdekaan revolusi di Indonesia umur mereka 20-an dan akhirnya belum 30-an sudah menjadi pemimpin negara.

■1800

Dengan itu kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong ini walaupun umur saya sudah usia warga emas tetapi saya sangat teruja untuk menjadi Ahli Parlimen terlibat dalam membuat perubahan dalam segi undang-undang berkaitan pindaan pertubuhan belia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Lepas itu saya bagikan Yang Berhormat Arau.

**6.02 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara yang ringkas sahaja iaitu isu kecualian 6(1) dan saya cuma ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kalau kita lihat dari segi teknikal sekiranya seseorang itu telah melebihi 30 tahun, kalau kita lihat dia bukan lagi boleh menjadi anggota kepada satu pertubuhan belia kerana lebih daripada usia 30 tahun. Akan tetapi dalam kecualian ini disebut yang telah dilantik atau dipilih sebagai pemegang jawatan dalam satu pertubuhan belia yang telah mencapai umur 30 tahun atau telah melebihi umur 30 tahun sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini adalah dibenarkan untuk pegang jawatan sehingga tamat penggalnya.

Jadi persoalan yang saya harap Yang Berhormat Menteri boleh berikan sedikit penjelasan, adakah seseorang yang secara teknikalnya bukan lagi menjadi anggota berusia katalah 31 tahun memegang jawatan, adakah dia kekal sebagai anggota dalam pertubuhan itu ataupun adakah saya tersalah baca ataupun boleh beri sedikit pemahaman tentang isu ini agar tidak timbul isu ultra virus ataupun melanggar dengan perlembagaan pertubuhan itu.

Jika kita boleh fahami dengan betul adakah kecualian ini membolehkan seseorang yang memegang jawatan itu terus kekal sebagai anggota sehingga tamat tempoh jawatan tersebut sehingga tamat penggalnya. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan Yang Berhormat Arau.

### **6.03 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, saya bersama dengan kawan-kawan iaitu persoalan umur di bawah pindaan seksyen 15 dan juga seksyen 12. Jadi pertama sekali, Yang Berhormat masa penerangan dekat bawah tadi, Yang Berhormat bersetuju dengan pada dasarnya cadangan Majlis Belia Malaysia supaya umur itu 35 tahun tetapi hendak pinda di sini sudah agak terlambat sebab nasihat daripada undang-undang, amat sukar untuk kita berbuat demikian dalam keadaan sekarang.

Jadi Yang Berhormat menyebut bahawa ia akan disertakan syarat administratif dan administratif ini boleh dibuat di bawah Perkara 6(1) dan juga 6(2). Akan tetapi perkataan administratif saya ingat kalau kita kata sehingga tamat tempoh. Jadi oleh kerana belia ini dia umurnya berterusan, orang yang muda akan jadi belia, jadi belia akan datang bertimpa-timpa. Jadi apakah Yang Berhormat hendak bagi tempoh?

Dalam masa tiga tahun undang-undang ini diwartakan jadi semua orang sudah bersedia. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata tahun depan jadi saya ingat sangat tidak adil. Kita bagi tempoh, saya ingat tiga tahun ataupun tempoh lima tahun, sebab umur 35 tahun tapi tiga tahun yang terbaik. Manakala tahun 2021 sebagai contoh kuat kuasa undang-undang ini jadi semua orang sudah bersedia untuk bila mereka capai umur yang telah ditetapkan mereka sudah bersedia untuk pergi.

Jadi orang mungkin tempoh jawatan tiga tahun jadi kira tahun biar sama supaya orang membuat persediaan dan tidak ada mereka yang tergantung-gantung, tertunggu-tunggu dan perkataan sehingga 'dia tamat tempoh jawatan' itu juga tidak sesuai sebab apa? Mungkin dua tahun, mungkin tiga tahun, kalau tiga tahun senang. Jadi orang yang berumur 30 tahun sekarang pun masih boleh bertanding lepas tiga tahun dia akan berhenti.

Keduanya, kita minta perkataan 'empat tahun' itu diganti dengan 'enam tahun'. Kalau boleh dibuat secara administratif ini yang terbaik sebab apa, kita tidak mahu katalah belia memegang jawatan pada umur 18 tahun jadi empat tahun umur 22 tahun dia kena berhenti. Bayangkan umur 22 tahun sudah tidak boleh jadi belia lagi dia hendak

jadi apa? Jadi sekarang ini hanya enam tahun yang terbaik sebab melalui pengalaman yang dia dapat dia boleh kembangkan ke tempat-tempat lain. Saya hendak beritahu 'Tan Sri', kalau 'Tan Sri' belum jadi ahli lagi...

**Tuan Pengerusi:** Saya ini 'Dato' sahaja [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dato'? Makna kita Parlimen naikan pangkat jadi Tan Sri. Jadi sebab tiap-tiap Speaker mesti bergelaran 'Tan Sri'

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu kalau Tuan Pengerusi belum jadi ahli saya hendak jemput Tuan Pengerusi untuk jadi ahli Persatuan Bulan Sabit Merah. Saya Pengerusi Presiden Perlis- tiga bintang.

Jadi siapa yang berumur tidak kira umur, rambut putih pun boleh jadi ahli Persatuan Bulan Sabit Merah ataupun menjadi Pengakap. Pengakap ia tidak kira umur tetapi dalam Pengakap dan Bulan Sabit Merah kita ada bahagian orang muda. Contohnya macam Bulan Sabit Merah Perlis kita ada bahagian orang muda. Baru-baru ini calon Tokoh Belia Negeri Perlis ialah daripada Bulan Sabit Merah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita dalam Peringkat Jawatankuasa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini contoh. Tuan Pengerusi tidak baca undang-undang?

**Tuan Pengerusi:** Peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, contoh. Jadi makna kata janganlah bimbang wahai rakyat Malaysia, walaupun tidak jadi *youth* tapi pasukan beruniform itu boleh kita sertai. Bulan Sabit Merah, Pengakap, APM. Jadi orang *dok* tanya kalau dia tidak jadi *youth* lagi apa dia hendak jadi? Sekarang dia boleh jadi seperti yang telah saya sebutkan. Saya bagi alternatif.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, Yang Berhormat bukan mencadangkan pindaan apa-apa tetapi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi pindaannya ialah supaya "empat" jadi "enam" balik dan tempoh kuat kuasa..

**Tuan Pengerusi:** Tapi kalau hendak cadangkan pindaan mesti ada usul juga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, ini Menteri jawab ini saya hendak beritahu supaya Menteri bagi penjelasan 6(1) iaitu 'kuat kuasa'.

**Tuan Pengerusi:** Ya, penjelasan. Menteri akan memberi penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau tidak, sampai bila pun tidak selesai. Bertengkar dengan Tuan Pengerusi saja.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Pengerusi, Kapar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar? Nanti. Yang Berhormat Paya Besar bangun awal tadi. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat Paya Besar.

**6.08 ptg.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya faham. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pertamanya saya ingin merujuk kepada pindaan seksyen 12 Yang Berhormat Menteri. Apabila kita memegang jawatan, persoalan saya adalah begini. Kalau betul-betul niat untuk kita meminda pindaan ini umur 30 tahun dan seharusnya mereka tidak boleh memegang jawatan dan bertanding umur pada 30 tahun, kerana apa? Apabila mereka bertanding pada umur 30 tahun dan empat tahun berikutnya mereka berumur 34 tahun. Jadi kita hendak 30 tahun.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat kenapa kita tidak letakkan dalam pindaan seksyen 12 ini mereka hanya boleh bertanding umurnya 26 tahun atau 25 tahun kerana apa, niat asal semasa kita bincang di peringkat dasar tadi adalah untuk 30 tahun ke bawah. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat kerana saya yakin kita hendak dalam era Malaysia Baharu ini tetapi kita mesti teliti niat kita supaya tidak terpesong.

Keduanya, adakah transisi ini kita hendak lakukan dan ada komitmen daripada Yang Berhormat Menteri seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi. Saya tidak mahu kita hari ini meluluskan 30 tahun, akhirnya transisi ini akan berubah-ubah kerana ia tidak termaktub dalam perundangan. Jangan kita mengubah-ubah kerana apa Yang Berhormat Menteri sudah ubah semasa ucapan Yang Berhormat Menteri di UKM tempoh hari. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar, silakan.

**6.09 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terpaksa cakap sebab saya didatangi oleh beberapa persatuan belia-belia di dalam Parlimen ini baru-baru ini atas menyinggung pindaan seksyen 2, (a)(b)(c) termasuklah seksyen 12 yang mana saya akui dengan iltizam dan juga komitmen Menteri untuk meminda takrif belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun dan lingkaran daripada itu saya juga meneliti bahawa hasrat Menteri itu sebenarnya baik.

Namun saya hendak minta Menteri supaya berjumpa dengan persatuan belia-belia ini dan maklumkan hasrat itu terus kepada gabungan ini supaya mereka tidak terletak di atas diri terpinggir. Jadi seolah-olah pada pandangan mereka tidak diambil kira. Jadi ini satu daripada untuk merumuskan segala bentuk cadangan yang telah dibuat, perkara ini baik.

Namun dalam masa yang sama, untuk mengimplementasikan akta atau pindaan rang undang-undang ini saya melihat tidak ada persoalan apabila ia dikuatkuasakan, apabila ia diperkenalkan sebab mereka ada mesyuarat agung dan automatik Perlembagaan itu akan dipinda dan waktu itulah apabila umur di antara 30 tahun hingga 40 tahun tidak menjadi permasalahan sebab ia *automatic apply*.

Jadi untuk saya hadam pindaan ini, saya merasai bahawa ini platform terbaik untuk mereka bersedia dalam Perlembagaannya untuk dipinda secara automatik untuk selari dengan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Sekian, Tuan Pengerusi.

■1810

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.00 ptg.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan. Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai terdahulu.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai berkenaan isu yang teknikal yang dibangkitkan. Saya berkesempatan untuk mengajukan soalan ini sebelah pagi tadi, bersama dengan Penasihat Undang-undang Kementerian Belia dan Sukan. Saya dimaklumkan dalam seksyen 6 subseksyen 1, kecualian itu telah pun mencukupi di mana ada dua kata-kata yang perlu kita memperhalusi iaitu "*bukan sahaja dilantik atau dipilih*" tetapi anggota atau setiap pihak atau mana-mana pihak tetap akan dirangkumi dalam pengecualian ini.

Ia juga berkait rapat dengan persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, apa akan berlaku kepada mereka? Sebagai contohnya, yang pada tahun hadapan akan capai umur maksimum. Adakah mereka tetap akan mengepalai gerakan belia tersebut atau secara langsung beliau akan digugurkan? Beliau tidak akan digugurkan seperti mana yang dimaklumkan dalam pengecualian.



Hanya apabila mereka sudah habis, dengan izin, *serving the full term* baru selepas itu beliau tidak boleh lagi bertanding pada sesi-sesi yang akan datang.

Kedua, merupakan persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Arau iaitu permohonan untuk mengeluarkan salah satu seksyen yang penting iaitu pindaan dalam mengurangkan daripada enam tahun kepada empat tahun. Perkara ini untuk makluman Yang Berhormat Arau, itu bukan saja jawatan di mana dia boleh dipertandingkan tetapi ada banyak lagi jawatan di peringkat negeri atau persekutuan yang turut boleh dipertandingkan juga. Permohonan untuk empat tahun ini juga telah pun diguna pakai oleh kebanyakan majlis pertubuhan-pertubuhan belia, cuma belum diselaraskan. Pada masa yang sama, pemakluman ini telah pun dilakukan sekian lama selepas mendapat input-input yang telah pun disampaikan.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar, berkait rapat juga yang dibangkitkan persoalan Yang Berhormat Arau iaitu berkenaan tempoh transisi. Dengan izin, *certainty* untuk pastikan bahawa transisi ini agak jelas, ingin saya maklumkan dalam pindaan ini pada umur 30 tahun tetapi untuk dikuatkuasakan cadangan adalah pada 31. Saya tidak tahu sama ada 1 ataupun 31 Disember tetapi pada bulan Disember 2021. Itulah di mana transisi daripada 35 tahun ke 30 tahun itu akan diguna pakai. So, tarikh itu telah pun ditetapkan

Saya faham juga, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar berkenaan pertemuan dengan pertubuhan-pertubuhan belia ini, pintu Kementerian Belia dan Sukan sentiasa terbuka. Seperti saya maklumkan kepada Dewan sebelum ini, baru minggu lepas kita adakan satu sesi dialog bersama dengan pertubuhan-pertubuhan belia dan anak-anak muda di kawasan saya di Muar di mana saya himpulkan wakil-wakil pertubuhan belia bukan sahaja di Johor tetapi di seluruh Malaysia. Setiap bulan adakan sesi dialog di setiap negeri bukan sahaja dengan Majlis Belia Malaysia tetapi juga dengan pertubuhan-pertubuhan belia dan juga anak-anak muda yang tidak berpersatuan di peringkat negeri.

Seperti saya maklumkan, sejak tahun lepas perjumpaan rasmi saja telah pun mencecah lapan kali dan ia tidak termasuk program-program yang melibatkan MBM ataupun MBN. Cuma saya faham, kerisauan yang mereka sampaikan walaupun wujudnya pertemuan-pertemuan ini, mereka tidak bersetuju bahawa transisi ini dilakukan walaupun pada tahun 2021.

Oleh sebab itu, bukan tidak ada perjumpaan tetapi perjumpaan sudah ada dan sudah begitu lama berjumpa, banyak kali dimaklumkan. Bukan saja dimaklumkan

kepada mereka, dalam Jawatankuasa Anak Muda yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri termasuk dengan EXCO-EXCO belia dan sukan setiap negeri. Termasuk jawatankuasa anak muda yang diwakili oleh semua EXCO belia dan sukan yang berjumpa, setiap *quarterly* di Kementerian Belia dan Sukan. Sudah maklumkan kepada semua pihak perkara ini, cuma yang dicadangkan adalah supaya transisi tersebut hanya diambil kira pada tahun 2050.

Perkara ini minta maaf, Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh bersetuju. Itu terlalu lama dan akhirnya apa akan jadi kepada golongan anak muda bawah 30 tahun yang akhirnya tidak terbela, tidak dapat peruntukan, tiada tempat untuk memimpin tetapi kita juga mengharapkan mereka boleh jadi pemimpin pada masa akan datang. Oleh sebab itu, saya berharap Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Eh, saya punya satu lagi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Belum, belum, belum.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Fasal yang tarikh 25 tahun tadi, untuk pemilihan tadi. Pemilihan. Saya tanya tadi kan Yang Berhormat?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Seperti yang saya jawab tadi. Pertama sekali, walaupun mereka ada pemilihan. Contohnya pada tahun depan, mereka sudah pun melangkaui umur yang telah pun ditetapkan, dia tetap boleh, dengan izin, *serve the full term*. Selepas itu, baru jawatan tersebut akan tergugur. Ia tidak bermaksud, sebagai contoh, saya dari setahun atau dua tahun tetapi telah pun melangkaui usia tersebut, terus tergugur secara automatik. Itu tidak dimasukkan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan itu saya maksudkan seperti mana- Tuan Yang di-Pertua...

**[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli Yang Berhormat, selesailah Mesyuarat kita hari ini, persidangan kita hari ini.

Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 4 Julai 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.17 petang]***